

Bil. 2

Isnin  
22 April 2019



MALAYSIA

## PENYATA RASMI PARLIMEN DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA

## K A N D U N G A N

**MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI** (Halaman 1)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- |  |             |
|--|-------------|
| - Mengalu-alukan Pelantikan Sebagai Ahli Dewan         | (Halaman 1) |
| - Mengangkat Sumpah di Luar Dewan                      | (Halaman 2) |
| - Teks Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong | (Halaman 2) |
| - Memperkenankan Akta-akta                             | (Halaman 2) |
| - Perutusan Daripada Dewan Rakyat                      | (Halaman 3) |

**URUSAN MESYUARAT** (Halaman 3)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 4)

**USUL-USUL:**

- |   |              |
|---|--------------|
| - Jalan-jalan Masuk ke Parlimen                                       | (Halaman 23) |
| - Menjunjung Kasih Titah<br>Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong | (Halaman 24) |

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad
3. " Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. " Datuk Haji Abidullah bin Salleh
5. " Tuan Adrian Banie Lasimbang
6. " Tuan Aknan A/L Ehtook
7. " Tuan Alan Ling Sie Kiong
8. " Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
9. " Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. " Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
11. " Puan Bathmavathi Krishnan
12. " Dato' Chai Kim Sen
13. " Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
14. " Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin
15. " Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat
16. " Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
17. " Datuk Haji Husam bin Musa
18. " Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
19. " Dato' Isa bin Ab. Hamid
20. " Datuk Haji Ismail bin Ibrahim
21. " Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
22. " Datuk John Ambrose
23. " Tuan Kamarudin bin Abdun (Perlis)
24. " Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
25. " Dato' Sri Khairudin Samad
26. " Tuan Khairul Azwan bin Harun
27. " Datuk Lee Tian Sing
28. " Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]
29. " Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
30. " Datuk Lim Pay Hen
31. " Tuan Manolan bin Mohamad
32. " Dato' Haji Marzuki bin Yahya [Timbalan Menteri Luar Negeri]
33. " Ir. Md. Nasir bin Hashim
34. " Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin
35. " Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
36. " Datuk Mohan A/L Thangarasu
37. " Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin [Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi]

38. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
39. " Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
40. " Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
41. " Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff
42. " Datuk Ng Chiang Chin
43. " Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
44. " Dr. Nuing Jeluing
45. " Puan Nuridah bt Mohd Salleh (Terengganu)
46. " Dato' Ong Chong Swen
47. " Datuk Paul Igai
48. " Datuk Paul Low Seng Kuan
49. " Datuk Rabiyah binti Ali
50. " Puan Hajah Rahemah binti Idris
51. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad
52. " Puan Raj Munni binti Sabu
53. " Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]
54. " Datuk Razali bin Idris
55. " Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
56. " Datuk Sambanthan A/L Manickam
57. " Puan Siti Fatimah binti Yahya (Pahang)
58. " Puan Sopiah binti Sharif
59. " Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh (Selangor)
60. " Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
61. " Datuk Theodore Douglas Lind
62. " Dato' Sri Ti Lian Ker [Pahang]
63. " Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri]
64. " Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
65. " Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
66. " Datuk Ir. Yong Wui Chung
67. " Dato' Zahari bin Sarip (Johor)
68. " Dr. Zaiedi Haji Suhaili (Sarawak)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Negara**  
Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad  
Noraidah binti Manaf  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nor Sakinah binti Samat  
Nurammarah binti Md Isa  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggis bin Juarah  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
Isnin, 22 April 2019  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**  
*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**  
**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat, di kesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, dan Dewan yang mulia ini mengalukan pelantikan semula Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 45(1)(b) Perlembagaan Persekutuan...  
*[Tepuk]*

Adalah menjadi harapan saya, agar Ahli Yang Berhormat akan mematuhi ikrar taat setia sepertimana yang dilafazkan sebentar tadi, terutamanya kepada prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Rukun Negara yang menekankan antara lain Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta keperibadian mulia yang menjawai amalan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Selanjutnya, saya juga percaya bahawa dengan pelantikan Ahli Yang Berhormat pada pagi ini sebagai ahli badan legislatif tertinggi negara, akan membantu ke arah memperkasakan imej Parliment Malaysia sebagai sebuah institusi perundungan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Saya juga sering mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya perbahasan haruslah menekankan kepada isu-isu kepentingan rakyat dan sama sekali mengelakkan menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai medan politik. Ketepikan fahaman politik berdasarkan parti dan pastikan perbahasan yang berkualiti yang boleh menyumbang kepada proses pembinaan negara dengan peranan menyemak dan mengimbang. Dewan yang mulia ini harus memastikan perbincangan dan pertimbangan yang wajar diberi sebelum meluluskan sesuatu rang undang-undang.

Selanjutnya, dengan usaha murni Agenda Reformasi Dewan Negara, diharapkan akan meningkatkan kemerdekaan Dewan yang mulia ini, termasuk memastikan ciri-ciri *non-participant* Dewan diperkuuhkan dengan Ahli-ahlinya, dijauahkan daripada sentimen agenda politik parti. Dengan izin, *the noble intention of reform is clear to improve and strengthen the Senate to be a proper democratic institution of check and balance.*

Pada masa yang sama, saya juga berharap sebagai Ahli Yang Berhormat yang berpengalaman dan dilantik bagi tempoh kali kedua di dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat akan membantu Ahli-ahli baru, terutamanya dalam soal Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Akhir sekali, saya amat berharap agar Ahli Yang Berhormat akan sentiasa mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

#### **MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut.

Pada 20 Mac 2019:

1. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair

■1010

#### **TEKS TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 11 Mac 2019, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Diraja dalam Majlis Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Diraja itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Diraja boleh didapati dalam Penyata Rasmi Bil. 1 / DN-11032019]*

#### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya hendak memberitahu Majlis ini iaitu Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 2019;
2. Akta Kewangan 2018;
3. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018;
4. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2018;
5. Akta Kastam (Pindaan) (No.2) 2018;
6. Akta Eksais (Pindaan) 2018;
7. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2018;
8. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2018;
9. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2019;
10. Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2019;
11. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2019;
12. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2019;
13. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2019;

14. Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2019; dan
15. Akta Sewa Beli (Pindaan) 2019.

#### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“16 April 2019

#### **Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut, dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. DR.1/2019 – Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019;
2. DR.2/2019 – Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2019;
3. DR.3/2019 – Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2019;
4. DR.4/2019 – Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2019;
5. DR.5/2019 – Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2019;
6. DR.6/2019 – Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019;
7. DR.8/2019 – Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019;
8. DR.33/2018 – Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018; dan
9. DR.35/2018 – Rang Undang-undang Sivil (Pindaan) 2018.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

#### **URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya memohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Raj Munni binti Sabu** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah perbezaan di antara Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dengan Pusat Komuniti Desa sama ada daripada sudut dasar, mekanisme dan hala tujuanya.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam bahagia, salam luar bandar sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif bertarikh 24 April 2019 serta soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen yang bertarikh 30 April 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, penstrukturran semula Pusat Transformasi Luar Bandar ataupun *Rural Transformation Centre* (RTC), dan Mini RTC secara bersekali di bawah satu penstrukturran baharu iaitu Pusat Komuniti Desa (PKD) lanjutan daripada penetapan hala tuju bahawa RTC yang melibatkan penyerahan enam daripada 11 RTC kepada kerajaan negeri dan pemilik bangunan serta rasionalisasi ke atas Mini RTC yang bertujuan membolehkan pelaksanaan program Mini RTC yang lebih bersasar dan pengurusan yang lebih efisien serta penggunaan sumber-sumber terutama peruntukan pengurus yang lebih optimum.

Dalam menentukan hala tuju baharu program RTC, KPLB telah melaksanakan sesi libat urus dengan jabatan dan juga agensi yang beroperasi di RTC, kerajaan negeri serta pemilik bangunan yang diduduki RTC bagi memastikan hala tuju yang bersesuaian ditetapkan selain mengambil kira pandangan dan kapasiti jabatan dan juga agensi yang beroperasi di RTC.

Pada masa yang sama, hala tuju baharu RTC yang ditetapkan oleh KPLB membolehkan pihak kementerian menyelaras semula fungsi dan tanggungjawab teras KPLB kepada kumpulan sasar iaitu masyarakat luar bandar serta mengelakkan pertindihan fungsi dengan agensi/jabatan berkaitan bagi mengoptimumkan sumber kewangan kerajaan.

Antara faktor yang diambil kira dalam penetapan hala tuju RTC adalah keperluan sebenar RTC di sesebuah lokasi, implikasi kewangan kepada KPLB, sambutan oleh pengunjung bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan di RTC di samping mengambil kira keputusan jabatan ataupun agensi yang beroperasi di RTC sama ada dapat meneruskan operasi atau sebaliknya berdasarkan pertimbangan masing-masing.

Dalam hubungan ini juga, semasa sesi libat urus, KPLB telah menggesa agar RTC yang diserahkan kepada pemilik bangunan atau kerajaan negeri diteruskan sebagai pusat perkhidmatan setempat sekiranya perkhidmatan agensi-agensi sedia ada mendapat sambutan dan diperlukan oleh masyarakat dengan kos pengoperasian ditanggung oleh agensi masing-masing atau kerajaan negeri yang berkaitan. Pemilik bangunan juga digesa agar mengenakan kadar sewa yang berpatutan agar tidak membebankan agensi-agensi yang hendak meneruskan operasi di RTC tersebut.

Menerusi penstrukturran semula ini, selain mengekalkan fungsi dan peranan sedia ada RTC dan Mini RTC, kementerian juga telah menambah baik kemudahan serta memperkasa peranan PKD dengan penambahan beberapa fungsi bagi membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat melalui insentif-insentif yang dilaksanakan, antara penambahan fungsi dan peranan PKD, iaitu:

- (i) sebagai pusat aktiviti dan latihan program-program untuk pemerkasaan wanita;
- (ii) pusat pengumpulan dan pengedaran untuk Pos Malaysia bagi penduduk setempat;
- (iii) pusat pembayaran bil-bil tanpa tunai;
- (iv) Pusat Pengurusan Bencana (*Disaster Alert Centre*) di mana PKD boleh bekerjasama dengan agensi-agensi seperti NADMA, kementerian berkaitan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam penyaluran maklumat serta persediaan sekiranya bencana berlaku;

**■1020**

- (v) pusat sehenti maklumat perniagaan (*one stop business service centre*) di mana PKD menjadi platform bagi masyarakat luar bandar mendapatkan maklumat bagaimana untuk memulakan perniagaan sebagai contoh;
- (vi) sebagai pusat penyebaran maklumat mengenai pengurusan sisa domestik di mana premis PKD dijadikan tempat untuk menyampaikan taklimat kesedaran terhadap pengurusan sisa serta program kitar semula;
- (vii) *front liner* dalam menyampaikan maklumat berkaitan perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat; dan
- (viii) pemangkin kepada hab pendidikan di luar bandar.

Berhubung inisiatif untuk menambah baik capaian internet di PKD, kementerian sedang mengambil langkah untuk menaik taraf kemudahan capaian internet di PKD kepada kelajuan yang lebih tinggi, berbanding kelajuan sedia ada iaitu daripada 1Mbps hingga 4Mbps kepada sekurang-kurangnya 8Mbps kepada 100Mbps.

Di samping itu juga, kementerian sedang dalam perancangan, dalam melaksanakan projek rintis iaitu Program Desa Digital yang akan dilaksanakan dalam tahun ini. Matlamat Program Desa Digital adalah untuk menaik taraf kemudahan capaian internet di kawasan luar bandar, sebagai platform bagi usahawan luar bandar memasarkan produk secara dalam talian serta memberi manfaat secara langsung kepada belia dan juga masyarakat luar bandar amnya. Sekiranya projek ini menunjukkan kejayaan yang diharapkan, ia akan diteruskan ke PKD-PKD di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, waktu operasi Pusat Komuniti Desa adalah mulai jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang setiap hari bekerja mengikut ketetapan di negeri-negeri. Waktu operasi PKD adalah berbeza dengan waktu operasi Pusat Transformasi Bandar (UTC) iaitu dari jam 1 petang hingga jam 10 malam bagi hari bekerja dan dari jam 8 pagi hingga jam 5 petang bagi hari-hari tidak bekerja. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada soalan tambahan? Yang berhormat Senator.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kira ini kali pertama Yang Berhormat Menteri kita menghadiri sidang Dewan Negara. Kita ucapkan syabas dan tahniah dan terima kasih. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan semua parti politik memerlukan penjenamaan semula. Itu penting. Tidak ada benda yang pelik.

Cuma, setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri, jika saya katakan bahawa dalam pada kita mahu menjenamakan semula produk-produk, perkhidmatan politik itu, yakni dengan tujuan untuk mencari keberkesanan dalam kesederhanaan tetapi pada masa yang sama, rakyat di luar juga memerlukan kejelasan.

Soalan saya ialah, adakah Yang Berhormat Menteri akan membuat satu program yang lebih teratur barangkali, untuk turun ataupun menyampaikan perubahan ini bukan hanya pada nama ataupun menukar *billboard or anything*, tetapi adalah lebih kepada inti patinya, pengertian mereka. Oleh sebab apabila kita turun ke bawah sana, masih ramai yang terpingap-pinga. Bahkan kalau kita lihat di luar pun Tuan Yang di-Pertua, orang hanya mengatakan kita ambil program kerajaan lama dan kemudian jenamakan. Saya sengaja menanyakan soalan ini Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dewan Negara kerana meletakkannya pada nombor yang pertama, sebab ini menjadi isu di luar sana. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada rancangan untuk sebarkan maklumat?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Kerajaan Pakatan Harapan ini kita bukan kerajaan yang berdendam. Ini kerana program-program untuk kesejahteraan rakyat itulah yang kita utamakan.

Oleh kerana itu, dalam maklumat seperti yang saya katakan tadi, dalam program-program untuk PKD ini, kita melihat semula peranan dan fungsinya. Maka peranan dan fungsi PKD ini boleh ditambah baik untuk mensasarkan program-program terutamanya kepada masyarakat luar bandar.

Oleh kerana itu, kita ada 195 buah Pusat Komuniti Desa yang letaknya di desa-desa. Kita lihat sebenarnya bahawa dari segi pencapaian internet, dari segi program dan fungsinya yang telah pun- sebenarnya kita sudah maklumkan kepada semua. Mungkin akan ditambah baik cara makluman kepada rakyat. Ini supaya mereka tahu sebenarnya ia bukan hanya tukar *billboard* tetapi adalah fungsi itulah yang paling penting sekali.

Oleh sebab itulah di kementerian juga, kita akan mengadakan Program Desa Digital. Bukan sahaja dari segi infranya tetapi juga dari segi pengisian itu yang sangat penting, *content*-nya itu supaya kita dapat melatih terutamanya masyarakat dan belia di luar bandar dapat menggunakan teknologi yang ada ini untuk membangunkan kampung mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau kita imbas kembali kerajaan lama, mereka menggunakan strategi *Blue Ocean Strategy*- Strategi Lautan Biru untuk RTC ini. Kita nampak ada penceritaan *success*, ada *success story* juga di situ.

Akan tetapi kalau seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, sekarang ini Melaka, Pahang, Johor, Kedah diserahkan kepada KPLB. Negeri Sembilan, Sarawak diserahkan kepada kerajaan negeri. Juga kita melihat Perak, Kelantan, Pulau Pinang dikembalikan fungsinya kepada pemilik bangunan.

Jadi strategi apa yang hendak dipakai ini Yang Berhormat, kalau kita hendak melihat kepada *success*-nya KPLB ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Perkara yang disebutkan itu dahulu adalah RTC. Kita ada 11 yang diserahkan, dikekalkan lima di bawah KPLB, tiga diserahkan kepada pemilik bangunan. Ini cuma 11, kita ada lagi 195 di bawah KPLB.

Ini sebenarnya apabila kerajaan dahulu strateginya ialah kita melibatkan, libat urus bersama pemilik bangunan. Kita kaji, kita lihat, kerana keadaan kewangan, maka kita fokuskan kepada 195 PKD yang dahulunya dikenali sebagai mini RTC. Oleh sebab mini RTC ini banyak letaknya di kampung-kampung, di desa-desa. Ini yang kita hendak bangunkan masyarakat luar bandar.

Oleh kerana itulah fokus kita, pengoperasian ini tadi juga telah diberikan kepada kerajaan negeri dan pemilik bangunan tersebut. Dahulu kita sewa bangunan tersebut, bukan hak milik KPLB. Oleh sebab itulah kita lihat semula, kita cuma ada 11 yang RTC dahulu tetapi kita ada 195 mini RTC yang saya rasa itu perlu diberi fokus utama kerana letaknya 195 itu adalah di kampung-kampung dan di desa-desa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah kepada sahabat saya yang telah dilantik sebagai Menteri. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang Program Desa Digital yang mana untuk memberi peluang dan juga membantu terutamanya rakyat-rakyat di kawasan desa, khususnya dari segi keusahawanan dan sebagainya.

Maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini telah dilancarkan 5G, kerajaan telah melancarkan telekomunikasi ke alaf baru iaitu 5G. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah kerajaan terutamanya di bawah Kementerian Luar Bandar, hendak meletakkan perkhidmatan 5G ini di kawasan-kawasan luar bandar?

Oleh sebab kita tahu 5G ini infrastrukturnya sangat mahal dan kalau kita hendak membantu kawasan orang luar bandar terutamanya usahawan luar bandar, 5G ini sepatutnya dilaksanakan di kawasan luar bandar dahulu, baru di bandar. Akan tetapi saya rasa kalau kita laksanakan 5G ini, operator-operator telekomunikasi akan meletakkan di kawasan bandar. Maka saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah KPLB akan mengambil peluang teknologi 5G ini diletakkan di luar bandar dalam usaha desa digital? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sejauh mana keterlibatan kementerian?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Apabila kita sebut pasal desa digital, ramai yang terbayangkan, betul, kita perlukan infra yang bagus, yang baik dari segi pencapaian internet dan sebagainya. Akan tetapi di bawah KPLB bukan itu sahaja fokus kita. Bukan sahaja daripada segi infranya tetapi apa yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua adalah *content*-nya, pengisiannya, kursus kemahiran yang diberikan kepada penduduk kampung.

Tidak guna kita ada sistem yang canggih, 5G atau 6G dan seterusnya tetapi penduduk kampung tersebut tidak diberikan pendedahan, penduduk kampung tersebut tidak diberikan kemahiran. Jadi di bawah Program Desa Digital ini, kita akan manfaatkan segalanya dari segi teknologi dan juga yang penting Yang Berhormat Senator adalah pengisiannya. Maka belia-belia di kampung ini perlu diberikan kemahiran. Kalau tidak, ia hanya tinggal teknologi sahaja, tanpa ada pengisian. Terima kasih.

■1030

2. **Datuk Haji Husam bin Musa** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, asas-asas pemilihan Syarikat Pancaran Bumimas@Pancaran Agro Sdn. Berhad untuk menerima geran di bawah program NKEA Pertanian EPP9 dan jumlah yang diterima, syarat-syarat yang dikenakan serta status syarikat dan program pembelian padi wangi oleh syarikat itu sekarang.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat pagi.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Saya mohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa nombor 74 pada 9 Mei 2019, untuk dijawab bersekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Syarikat Pancaran Agro Sendirian Berhad belum pernah dilantik oleh kementerian sebagai syarikat peneraju dan belum menerima apa-apa pun sebarang peruntukan di bawah program NKEA Pertanian EPP 9. Walau bagaimanapun, syarikat ini telah diperakurkan sebagai kontraktor penyelamat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NKEA 27 Februari 2017 untuk menyiapkan kilang padi beras wangi di Jalan Pasu dengan nilai peruntukan RM10.7 juta. Kilang ini telah berjaya disiapkan pada 4 Mac 2018 dan masih dalam tempoh dengan izin, *defects liability period* sehingga 6 Mei 2019.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam, syarikat sebelum ini iaitulah Paddytech Resources gagal untuk menyiapkan dan di-*terminate* pada 2016.

Berkenaan dengan asas pemilihan syarikat ini seperti pertanyaan Yang Berhormat, saya ingin jelaskan, dipertimbangkan atas beberapa kriteria:

- (i) telah beroperasi melebihi satu tahun;
- (ii) memperoleh nilai jualan melebihi RM250,000 setahun; dan
- (iii) kawasan penanaman melebihi 40 hektar.

Pada masa ini, keluasan penanaman padi luar jelapang adalah 1,785 hektar bagi meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara.

Kementerian sedang mengkaji untuk memperluaskan kawasan tanaman padi wangi di kawasan jelapang tertakluk kepada kawasan sawah yang telah ditentukan oleh KADA sendiri. Tindakan proaktif akan kita bincang kerana Yang Berhormat Datuk Haji Husam pun, tahniah dilantik sebagai Pengurus KADA yang baru.

Dua syarikat telah dikenal pasti dan dimohon untuk melaksanakan tanaman padi wangi di jelapang iaitu Kilang Beras Seri Merbok Sdn Bhd dan Pancaran Agro Sendirian Berhad. Bagi kita meningkatkan pengeluaran padi wangi ini, kerajaan telah menyediakan insentif berikut. Tidak ada kebimbangan yang perlu diragukan kerana sama sahaja padi putih dan padi wangi ini, layak menerima subsidi daripada pihak kerajaan.

- (i) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKB);
- (ii) Skim Subsidi Harga Padi;
- (iii) Skim Insentif Pengeluaran Padi; dan
- (iv) Skim Insentif Benih Padi Sah.

Ini peruntukan yang dijamin untuk kita berikan.

Kemudian Yang Berhormat Senator, kementerian juga telah mengambil tindakan yang lebih *insya-Allah* proaktif dengan kita menggalakkan penghasilan di peringkat output. Lebih rajin petani bertanam, lebih banyak hasil ataupun *yield* yang dikeluarkan, lebih banyak kita dapat. Contohnya, kita tambah RM300 kepada RM60 lagi, RM360. Kalau beras wangi, kita akan jadi RM1,500 campur RM360. Petani akan dapat RM1,860. Bagi beras putih, RM1,200 campur RM360 akan jadi RM1,560. Ini galakan-galakan baru yang dikemukakan oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Husam bin Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat berterima kasih dengan arah tuju baru yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian di bawah soalan ataupun jawapan yang telah diberikan tadi.

Kita mengimport beras wangi 250,000 tan satu tahun dan padahal kita mampu untuk menghasilkan beras wangi kita sendiri. Bahkan kalau kita pergi ke bendang yang mana beras wangi ini ditanam, kita boleh cium bau wangi di bendang itu. Ini menunjukkan kualiti dan kemampuan petani kita menghasilkan beras wangi yang setanding adalah dalam kemampuan kita. Akan tetapi selama ini ialah kerana tidak ada arah tuju yang jelas.

Pertama, beras wangi tidak dianggap sebagai layak menerima subsidi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, penanam-penanam padi beras wangi di Pasir Puteh, Kelantan sehingga hari ini untuk musim yang lalu, belum menerima bayaran subsidi kerana pihak-pihak yang terlibat memberi alasan bahawa beras wangi tidak termasuk dalam senarai gazet beras ataupun padi yang layak menerima subsidi.

Saya berharap isu ini dapat diselesaikan dengan jawapan Yang Berhormat tadi iaitu beras wangi sama kelayakan dengan beras biasa untuk menerima subsidi bahkan Yang Berhormat telah sebutkan tadi, di bawah dasar baharu Yang Berhormat, harga beras wangi adalah lebih tinggi dibeli oleh pengilang-pengilang, dengan harga RM1,860. Saya kira dua dasar ini sangat ditunggu-tunggu, sangat dialu-alukan oleh penanam beras wangi dan dengan sendirinya kita mempunyai satu arah tuju. Saya yakin petani-petani akan dapat menyahut seruan untuk sara diri daripada segi penggantian import kepada beras wangi ini.

Tinggal lagi Yang Berhormat juga telah menyebut kawasan jelapang dan bukan jelapang. Ini pun perkara baharu bagi petani. Ini kerana selama ini beras wangi hanya diizinkan ditanam di kawasan bukan jelapang. Sekarang saya pohon Yang Berhormat dapat tentukan, dalam kawasan jelapang, berapa keluasan yang diizinkan khususnya macam di Kelantan, berapa ribu hektar ataupun ekar yang diizinkan beras wangi ditanam di dalam kawasan jelapang. Saya ucap terima kasih di atas pencerahan baharu ini.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua. Ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua soalan.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Dua soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu berkenaan dengan subsidi beras wangi, dan satu lagi berapa hektar untuk jelapang beras wangi. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua yang sangat fokus. Boleh tahu berapa soalan ya [Ketawa] Saya baca tadi, tiga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada.

**Dato' Haji Salahuddin bin Ayub:** Dua sahaja [Ketawa] Yang Berhormat Senator, saya mohon supaya ada isu tentang- oleh kerana Syarikat Pancaran Agro itu dia bukan lagi sebagai *anchor company*. Selepas kilang itu siap, kita tidak tauliahkan lagi. Mungkin di situ terdapatnya salah faham ataupun tidak ada komitmen, tidak ada *agreement* yang sah untuk syarikat ini. Sekiranya ada *agreement*, maka boleh ditentukan dia mesti beli. Wajib bagi dia beli beras wangi ini. Saya akan selesaikan isu ini Yang Berhormat, dengan cepat dan pagi tadi saya berbincang dengan pegawai supaya kepentingan pesawahan yang telah menanam padi wangi ini akan terbela dan wajib bagi mana-mana syarikat beli padi itu. Ini jaminan daripada saya, *insya-Allah*.

Kedua Yang Berhormat Senator, kementerian sedang rancak untuk membuat kajian tanah ataupun *soil profiling*. Dalam hala tuju yang ketiga, yang jelas saya gariskan untuk meningkatkan pendapatan petani ini, saya yakin kita ketepikan kepentingan politik. Kita muh rakyat Kelantan khususnya penanam padi ini dapat menikmati pendapatan yang lebih baik. Saya bersedia untuk berbincang dan mengkaji dasar supaya padi wangi boleh ditanam dalam jelapang, mungkin boleh bermula dengan 30 peratus dan kenapa tidak kita jadikan KADA sebagai *pioneer project* kita. KADA Kelantan adalah *pioneer project* bagi penanaman padi wangi.

Ini adalah usaha untuk kita melangkah ke hadapan kerana beras ini mahal, dicampurkan dengan komitmen kerajaan untuk tingkatkan subsidi di peringkat output, saya yakin Yang Berhormat Senator, dengan teknologi yang ada pada hari ini, komitmen pegawai dan pengurus baru dan kita sendiri di peringkat kementerian yang akan mengimplikasi sepenuhnya pendekatan IOT, *artificial intelligence* dan juga teknologi canggih ini. Saya sangat yakin bahawa kita dapat meningkatkan pengeluaran padi kita sama ada padi putih dan padi wangi.

Semalam di peringkat pegawai telah mengadakan satu *discussion* yang sangat *so-called a very fruitful discussion*. Kita akan jadikan Langkawi sebagai hab pengeluaran pulut yang akan kita jadikan *benchmark* untuk kita meningkatkan industri padi dan beras dalam negara kita. Terima kasih.

#### ■1040

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kerana sudi mempertimbangkan negeri Kelantan sebagai projek perintis jelapang... [Tepuk]

Silakan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum daripada itu, bagi pihak Dewan saya ingin mengalu-alukan kehadiran anak-anak kita daripada Universiti Islam Antarabangsa daripada Jurusan Sains Politik... [Tepuk]

3. **Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, data statistik mengikut negeri bagi jumlah kenderaan jenis kereta elektrik dan kereta *hybrid plug in charging* di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad kerana membawa soalan berkaitan dengan jumlah kenderaan jenis kereta elektrik dan kereta *hybrid plug in charging* dalam negara Malaysia kita.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, bilangan kenderaan berdaftar bagi kereta yang menggunakan kuasa elektrik dan *hybrid* sehingga 31 Mac 2019 masing-masing adalah sebanyak 5,403 bagi kereta elektrik dan 46,981 buah kereta *hybrid*. Pecahan-pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	ELEKTRIK	HIBRID
1	Perlis	12	107
2	Kedah	107	519
3	Pulau Pinang	428	4,230
4	Perak	64	1,937
5	Selangor	2,791	3,147
6	Wilayah Persekutuan	504	25,360
7	Negeri Sembilan	29	861
8	Melaka	111	949
9	Johor	202	5,218
10	Pahang	114	653
11	Terengganu	9	308
12	Kelantan	8	451
13	Sabah	774	1,278
14	Sarawak	250	1,963

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya juga *charging* yang diletakkan di kawasan-kawasan untuk- adakah kita menyediakan tempat-tempat untuk hendak *charge* kereta-kereta elektrik ini? Itu yang pertama.

Kedua, adakah kerajaan akan terus memberi insentif cukai dan berapa lama insentif ini akan diberikan kerana kita hendak menggalakkan lebih banyak kereta-kereta elektrik atau pun *hybrid* di negara kita supaya kita mengurangkan penggunaan kereta yang berkarbon. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Statistik dah bagi, ini karbon.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah tempat-tempat *charging* atau *charging station* dan maklumat ini daripada Kementerian MESTECC Tuan Yang di-Pertua iaitu apa yang dipanggil *ChargEV* iaitu terbuka kepada awam sebanyak 251 jumlahnya.

Kemudian *Mercedes-Benz brand charger* ada tiga, *BMW charger* ada 14. Kemudian ada tempat-tempat lain iaitu disebut di sini 74 jumlahnya selain daripada *charging station* tadi dan selain daripada yang *BMW* dengan *Mercedes* itu. Kemudian ada 126 unit yang dipanggil *slow charger* dan ada 125 unit pula yang dipanggil *fast charger*. Lokasi-lokasi tempat *charging* ini ada dengan saya dan saya akan memaklumkan dan mengedarkan secara khusus kepada Yang Berhormat Senator.

Tentang galakan-galakan pula sebagaimana Yang Berhormat Senator juga bayangkan tadi, ada galakan-galakan yang diberikan oleh beberapa kementerian tetapi khususnya daripada Kementerian Pengangkutan ianya adalah:

- (i) pengurangan kadar Lesen Kenderaan Motor (LKM) ataupun cukai jalan iaitu pengecualian 50 peratus cukai jalan atau LKM bagi kereta petrol atau pun cukai jalan yang biasanya bagi kereta petrol bagi kenderaan motor bergas mono;
- (ii) pengecualian 25 peratus daripada kadar LKM petrol bagi kenderaan motor dwi bahan api, gas asli dan petrol;

- (iii) pengecualian 25 peratus daripada kadar LKM diesel bagi kenderaan motor bahan api duaan gas asli dan diesel; dan
- (iv) pengecualian 50 peratus daripada LKM berbanding kadar asas juga telah diberikan kepada kenderaan elektrik.

Itu potongan yang diberikan oleh MOT, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Kita maklum bahawa antara kenderaan yang membebaskan karbon monoksida yang paling banyak ialah kenderaan bas dan lori. Apakah usaha kerajaan memastikan bahawa *public transport* khususnya bas-bas di bandar agar menggunakan kenderaan elektrik?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah rancangan kementerian?

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Secara umumnya itulah dasar. Dasar kita menggalakkan teknologi hijau dan di pihak kementerian sekali lagi kita ada suatu jawatan yang memberikan kelulusan yang dipanggil *Vehicle Type Approval* atau Kelulusan Jenis Kenderaan. Kita akan menggalakkan kereta-kereta atau pun bas-bas dan lori-lori yang melalui kelulusan *Vehicle Type Approval* ini untuk yang mesra kepada alam, mesra teknologi tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin.

**Puan Asmak binti Husin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor empat.

**4. Puan Asmak binti Husin** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai *global Islamic finance talent hub* yang terkemuka di dunia.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *It's good to be back.*

Saya ingat saya jawab dulu soalan yang asal, kemudian saya sambung dengan yang disebutkan sebagai “*talent hub*” yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi dalam membangunkan ekosistem kewangan Islam secara menyeluruh dan berdaya maju di peringkat global. Menurut Laporan Pembangunan Kewangan Islam 2018 yang diterbitkan oleh *Thomson Reuters Malaysia*, Malaysia telah mengekalkan kedudukannya di tempat teratas daripada 56 buah negara sejak laporan ini diterbitkan pada tahun 2013-*consistently number one* Tuan Yang di-Pertua sejak tahun 2013.

Selain daripada laporan oleh *Thomson Reuters*, Malaysia turut disenaraikan sebagai peneraju hab kewangan Islam oleh Laporan Kewangan Islam Global 2017 yang diterbitkan oleh *Edbiz Consulting* yang berpangkalan di *United Kingdom*, Malaysia juga negara yang paling giat menerbitkan *sukuk*. Ini terbukti apabila Malaysia telah mendahului negara-negara lain dengan *share majoriti* melebihi 50 peratus pasaran *sukuk* global secara konsisten sejak tahun 2000. Malaysia kekal sebagai peneraju global dalam pasaran modal dengan ekuiti patuh syariah dan *sukuk* belum tebus- yakni *sukuk outstanding* bernilai RM1.9 trilion iaitu di akhir tahun 2018. Bagi mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam, antara langkah utama yang telah diambil adalah seperti berikut Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, mempelopori inisiatif berkaitan kewangan Islam di peringkat antarabangsa seperti penubuhan Perbadanan Pengurusan Kecairan Islam Antarabangsa, dengan izin, *International Islamic Liquidity Management Corporation* (IILM), dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, ataupun *Islamic Financial Services Board* (IFSB) yang berpejabat di Malaysia.

**-1050**

IILM ditubuhkan pada tahun 2010 oleh 12 buah bank pusat, dan dua buah institusi pembangunan multilateral iaitu Bank Negara Malaysia, Bank Indonesia, *Central Bank of Kuwait*, *Central Bank of Luxembourg*, *Bank of Mauritius*, *Central Bank of Nigeria*, *Qatar Central Bank*, *Central Bank of Republic of Turkey*, *Central Bank of UAE*, *Saudi Arabian Monetary Authority*, *Central Bank of Iran*, *Central Bank of Sudan*, *Islamic Development Bank* dan *Islamic Corporation for the Development of the Private Sector*.

Penubuhan IILM ini untuk mengukuhkan pengaturan mudah tunai untuk sistem kewangan Islam, manakala IFSB pula merupakan sebuah badan penetapan piawai perkhidmatan antarabangsa bagi kewangan Islam.

Kedua, meningkatkan daya saing kewangan Islam Malaysia melalui inisiatif *Malaysia International Islamic Financial Centre* (MIFC). Pelbagai langkah bersepada telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan pihak industri untuk meningkatkan daya saing negara sebagai hab kewangan Islam. Sebagai contoh, pada tahun 2017, Malaysia sekali lagi menjadi peneraju sebagai negara pertama menerbitkan Sukuk Hijau- *Green Sukuk* di dunia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Bank-bank Malaysia juga telah berjaya dilantik menjadi pengatur dan pengurus utama sukuk berdaulat bagi negara lain seperti *United Kingdom*, Hong Kong, Turki dan Indonesia.

Ketiga, mengukuhkan operasi kewangan Islam di Malaysia melalui adaptasi piawaian perkhidmatan antarabangsa dan meningkatkan hemat pengurusan kecairan bank-bank Islam melalui penglibatan Bank Negara Malaysia dalam IILM dan IFSB.

Keempat, menganjurkan persidangan dan program antarabangsa yang mendukung peranan Malaysia sebagai hab kewangan Islam di peringkat antarabangsa seperti Persidangan Kewangan Islam Dunia- *Global Islamic Finance Forum* - GIFF. Bersempena dengan GIFF 2018, BNM atau Bank Negara Malaysia dan *Securities Commission* (SC) juga telah menganjurkan Majlis Anugerah Diraja Kewangan Islam bagi memberi pengiktirafan kepada individu yang telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang kewangan Islam dunia.

Seterusnya, menyumbang kepada pertubuhan kewangan Islam global melalui penawaran program-program pembangunan bakat dan modal insan dalam kewangan Islam di institusi pengajian seperti Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa ataupun *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF), dan *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM) bagi memenuhi keperluan kepakaran kewangan Islam Global.

Terakhir, menyokong pencapaian matlamat pembangunan mampan ataupun *Sustainable Development Goals* (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berikut pengenalan konsep perantaraan berasaskan nilai ataupun *Value-based Intermediation* (VBI) pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya kira itu sebagai soalan tambahan yang pertama, sebab tertinggal perkataan “*talent*” itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Aci ya Tan Sri, kira soalan tambahan-lah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya tambahan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Kita telah menujuhkan beberapa kepakaran program-program yang dapat memberi- sebab kita hendak jadikan Kuala Lumpur ini sebagai hab untuk *Islamic Finance* dan sudah tentulah peningkatan kepada mereka yang mempunyai kepakaran di dalam bidang ini hendak kita bangunkan. Dengan itu, kita telah mengadakan ataupun menawarkan program-program sarjana dan kedoktoran oleh Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) yang saya sebutkan tadi- *International Centre for Education in Islamic Finance*.

Pada tahun 2018, INCEIF telah menerima penganugerahan akreditasi berprestij oleh *Association to Advance Collegiate Schools of Business* (AACSB), dan akreditasi ini telah menempatkan program akademik INCEIF dalam kalangan lima peratus program perniagaan terpilih dunia yang memperoleh akreditasi AACSB.

Tidak banyak yang dapat Tuan Yang di-Pertua, INCEIF telah dapat akreditasi ini. Akreditasi ini mengiktiraf institusi yang memberikan tumpuan terhadap kecemerlangan dalam semua bidang termasuk pengajaran, penyelidikan iaitu penting untuk kita melihat isu-isu kontemporari dalam *Islamic Finance* ini; pembangunan kurikulum; dan juga pembelajaran pelajar. Itu yang pertama, INCEIF.

Kita juga ada penyelidikan fiqh mualamat dan aplikasi dalam kewangan Islam oleh Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) iaitu *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance*. ISRA telah memberi khidmat perundingan syariah dan kewangan Islam kepada negara-negara lain di Afrika dan *Commonwealth of Independent States* (CIS).

Program latihan untuk pengamal industri kewangan anjuran Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) atau *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia*. Program latihan dalam talian yang ditawarkan oleh IBFIM turut mendapat perhatian negara luar yang ingin mempelajari ilmu kewangan Islam.

Jadi, itu antara program-program yang kita laksanakan. Kita wujudkan institusi, kita adakan program. Ada program yang berbentuk memberikan ilmu, ada yang berbentuk *research* dan berapa ramai juga yang telah *graduate* dengan PhD daripada INCEIP itu sendiri. So, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa, saya ada dua soalanlah memandangkan ada dua penerangan tadi.

Pertamanya, saya tertarik dengan cara ketiga iaitu berkaitan dengan mengukuhkan juga kewangan Islam di peringkat Malaysia untuk membantu kewangan Islam di peringkat global. Seingat saya dalam kajian sebelum ini, Malaysia menasarkan pada tahun 2020 untuk memastikan nisbah kewangan Islam dan kewangan konvensional di Malaysia adalah 50:50. Jadi, apakah pencapaian Malaysia setakat ini sudah menghampiri 50:50 ataupun bagaimana?

Seterusnya, sebagaimana yang disebutkan tadi..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan pertama itu?

**Puan Asmak binti Husin:** Sasaran untuk mencapai nisbah kewangan Islam dan kewangan konvensional di Malaysia 50:50, sebab itu sasaran 2020.

Seterusnya kita ada INCEIF, ISRA dan IBFIM yang menjadi pusat penghasilan *talent* di peringkat dunia. Jadi, adakah kerajaan mempunyai perancangan khusus untuk mengangkat institusi ini setanding dengan Cambridge ataupun Harvard, tetapi dalam bidang kewangan Islam yang boleh mengeksport talen-talen di peringkat luar negara? Adakah data sejauh mana tenaga kita telah dieksport ke luar? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingatkan jawab tadi itu sudah jadi soalan tambahan sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun ingat macam itu juga Yang Berhormat [Ketawa]

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Kita berfikiran sama- “great minds think alike”. Ia bertambah pula, “fools seldom differ.”

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang pertama tadi tentang berapa peratus...

**Tuan Yang di-Pertua:** Setakat sekarang.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Setakat ini, kalau boleh saya bagi sedikit tentang *capital market*. Total market capitalization untuk *securities* di Malaysia, keseluruhannya yang *shariah-compliant* dan tidak *shariah-compliant* sebanyak RM3.1 trilion yang mana untuk *securities* RM1.7 trilion, dan untuk bon sebanyak RM1.4 trilion. Itu keseluruhan.

Untuk *Islamic capital market, market capitalization* untuk *shariah-compliant securities* ataupun keseluruhannya RM1.88 trillion. Maknanya *versus* RM3.1 trillion tadi Tuan Yang di-Pertua, untuk keseluruhannya.

■1100

Jadi bila kita buat perbandingan itu untuk *capital market* ini, *syariah compliance versus* yang biasa peratusnya adalah 60 peratus melebihi 50 yang disebutkan tadi. Adapun bagi produk-produk lain yang berapa banyak bank-bank yang menawarkan perbankan syariah dan sebagainya, ianya bertambah dari tahun ke tahun cuma saya tak dapat hendak berikan statistik yang secara jelas untuk perbandingan di sini.

Keduanya tentang institusi seperti INCEIF, ISRA dan sebagainya tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator, ya pengiktirafan agar ianya mendapat pengiktirafan dunia seumpama Oxford ataupun Cambridge, saya ingat ini akan berlaku secara tabii secara natural. Buat masa ini seperti yang saya sebut kan tadi, *alhamdulillah* kita telah pun dapat akreditasi daripada AACSB kerana hanya lima peratus program perniagaan terpilih dunia yang mendapat akreditasi AACSB ini dan INCEIF berjaya untuk mendapat pengiktirafan tersebut.

So, saya ingat kita- *we are there* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dan saya ingat dengan banyaknya produk yang kita keluarkan yang menjadi *maroqiq* ataupun sumber rujukan kepada institusi kewangan Islam yang lain. Kalau dapat', saya sebutkan satu nama di sini seperti Datuk Dr. Mohd Daud Bakar yang menjadi rujukan kalau kita pergi ke Dubai, kita pergi ke Qatar, even ke London, ini adalah nama yang selalu disebut yang mereka selalu rujuk tentang *Islamic finance*.

Jadi, *insya-Allah* kita akan teruskan perkara ini dan yang terakhir ini dan baru-baru ini dalam *international conference* yang dibuat di Kuala Lumpur, penekannya adalah untuk selari dengan *fintech* ataupun menggunakan teknologi dalam *Islamic finance*. Ini kerana itulah adalah merupakan *the way forward*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk selepas ini iaitu menawarkan pakej *Islamic finance* ini dengan menggunakan teknologi yang terkini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada tak data mengenai *talent* kita yang dieksport? Kalau tiada, tak apa.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya minta notis untuk saya berikan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya ialah tentang kelebihan ataupun daya tarik dia punya sistem *Islamic Finance* ini berbanding dengan konvensional sistem kerana kita dapat pemikiran umat Islam sekarang ini ada yang menyatakan bahawa ini sama sahaja sistem ini. Dua-dua ini sistem yang sama, malahan ada yang mengatakan bahawa sistem *Islamic finance* lebih menekan berbanding dengan sistem konvensional.

Jadi, sejauh manakah keupayaan *Islamic finance* atau *global Islamic finance* ini untuk menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional yang tidak mematuhi syariah dengan kelebihan-kelebihan dan keistimewaan-keistimewaannya yang dapat kita tawarkan kepada dunia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Saya ingat yang bertanya itu lebih layak untuk menjawab. Ini kadang-kadang kaedah hendak mengajar ini kita tanya soalan supaya orang menjawab itu-ini kaedah mengajarlah saya ingat daripada Yang Berhormat Senator ini sebenarnya.

Kita tahu bahawa dalam perbankan syariah ini ia lebih banyak menekankan kepada *risk sharing* ataupun perkongsian risiko. Maknanya kalau kita melabur, kalau ada keuntungan maka kita berkongsilah keuntungan tersebut dan kalau berlaku di sana kerugian, maka kita sama-sama berkongsi kerugian tersebut. Ini supaya ia lebih adil di dalam untuk kita mendapatkan keuntungan ataupun sebaliknya.

Satu lagi yang saya hendak sebutkan Tuan Yang di-Pertua ialah Bank Negara Malaysia telah pun mengeluarkan suatu ini apa kita sebutkan sebagai *value-based intermediation* (VBI) sebagai salah satu daripada ciri yang hendak kita perkenalkan kerana *banking* ataupun pelaburan ini tidak hanya didorong oleh keuntungan semata-mata. *It's not just mere profit* Tuan Yang di-Pertua. Ia didorong untuk menjadikan bank-bank patuh syariah ini, VBI yang saya sebutkan tadi itu lebih didorong dengan impak dari segi reka bentuk dan penawaran produk serta urusan mereka dengan pelanggan.

Bidang penting yang akan diberi tumpuan termasuklah mempertingkatkan penilaian terhadap permohonan pembiayaan oleh pelanggan iaitu metodologi, penilaian kredit yang sedia akan diper lengkap oleh penilaian impak positif pembiayaan tersebut terhadap komuniti dan ekonomi. Jadi bagaimana ianya contohnya permohonan untuk mendapatkan pembiayaan itu tidak hanya dilihat, dengan izin, *bottom line*-nya sahaja tetapi dilihat apakah ia akan memberi impak kepada komuniti? Apakah ia akan memberi impak yang positif...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** ...Kepada ekonomi dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri ini adalah berkenaan dengan *Islamic shariah compliance*. Silakan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang disebutkan sebagai *value-based intermediation*. So saya ingatkan itu antara yang dapat saya berikan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan, Yang Berhormat Datuk Theodore Douglas Lind.

**5. Datuk Theodore Douglas Lind** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah teknologi *drone* akan diperkenalkan dan digunakan oleh ATM pada masa sekarang dan masa depan sebagai satu strategi peperangan yang baru supaya ATM dapat bersaing dengan angkatan tentera negara jiran.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind. Angkatan Tentera Malaysia bersetuju dan mengakui kepentingan teknologi *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) pada masa sekarang dan masa hadapan sebagai salah satu strategi peperangan di samping dapat meningkatkan keupayaan ATM bagi memantau sempadan daratan dan Maritim Negara. Keupayaan UAV didapati adalah efektif berdasarkan *endurance* yang lama, cara pengoperasi yang jauh serta keupayaan dan kelebihan sensornya.

ATM telah pun mempunyai keupayaan UAV di dalam perkhidmatan bagi tujuan pengawasan serta turut bekerjasama dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi tujuan pemetaan. Sebagai persediaan kepada aset UAV ini di dalam perkhidmatan, ATM kini sedang membangunkan doktrin dan konsep operasi UAV agar pengoperasi UAV ini dapat digunakan secara efektif dan berkesan dalam menjaga persempadanan daratan dan Maritim Negara.

Teknologi UAV juga akan digunakan sebagai salah satu elemen pengawasan dengan jaringan aktiviti *Intelligence, Surveillance, Target Acquisition and Reconnaissance* (ISTAR) secara *real time* dan mampu diintegrasikan dalam sistem *Network Centric Operation* (NCO) ATM yang kini di dalam pembangunan. Keupayaan ini dilihat sebagai *force multiplayer* atau kekuatan berganda bagi memantapkan lagi sistem pemantauan daratan maritim dan juga ruang udara negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan soalan tambahan.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah Kementerian Pertahanan ada rancangan untuk melatih dan melengkapkan semua anggota-anggota dan pegawai-pegawai ketiga-tiga cabang ATM iaitu laut, udara dan darat dengan teknologi Revolusi Industri 4.0 seperti robotik dan kecerdasan buatan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *artificial intelligence* supaya kita akan menjadikan ATM sebagai satu angkatan pertempuran, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *fighting force* yang efektif dan berkesan di masa yang hadapan. Terima kasih.

■1110

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua. Dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) doktrin, ataupun kertas *Fourth Dimension Malaysian Armed Forces* (4DMAF) kertas ataupun dokumen yang paling penting untuk ATM dan dalam konsep itu- dalam dokumen tersebut telah disebutkan bahawa kepentingan untuk mengintegrasikan teknologi dalam ATM.

So, memang ATM telah lama adakan idea untuk integrasikan teknologi dalam pelbagai bidang dalam ATM dan juga kementerian mengambil kira apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi IR4.0, *artificial intelligence*, kepenggunaan dan pengoperasian UAV, semua ini akan diambil kira dan akan dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila membuat kenyataan berkaitan penyiasatan pemerdagangan manusia merentasi sempadan di kawasan Wang Kelian, Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa untuk membina tembok di sempadan Malaysia-Thailand sebagai langkah keselamatan akan melibatkan perbelanjaan wang yang sangat tinggi iaitu dijangka RM1 juta untuk setiap 11 kilometer. Berhubung ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada *drone* ataupun UAV ini boleh digunakan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand yang kalau tidak silap saya sepanjang 646 kilometer demi menjaga keselamatan negara dan sempadan tersebut daripada sebarang pencerobohan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua. Memang ini yang akan dikaji oleh Majlis Keselamatan Negara untuk mencari jalan yang paling baik untuk mengatasi masalah di sempadan. Memang di sempadan bukan sahaja tanggungjawab Kementerian Pertahanan dan juga tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri dan diselia oleh Majlis Keselamatan Negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar ingin tahu unit apakah di dalam ATM yang dipertanggungjawabkan untuk mengoperasi *drone* ini? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Sekarang ini BSPP ada mengoperasi *drone* dan TUDM dan juga TLDM telah mengkaji bagaimana untuk melaksanakan penggunaan *drone*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengalukan kedatangan Persatuan Pembangunan Negeri Perlis ke Dewan Negara... [Tepuk] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

**6. Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa kos pembelian, pemasangan dan penyelenggaraan kamera AES serta berapa jumlah saman yang telah dikutip setakat ini; dan
- (b) sejauh mana keberkesanan dalam mengurangkan kemalangan terutama kemalangan maut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan juga mengurangkan kadar kemalangan, kerajaan sememangnya berhasrat untuk menambah lokasi kamera AWAS di lokasi-lokasi kawasan yang kerap kemalangan. Kerajaan sedang dalam peringkat kajian dan penentuan semula lokasi bagi membuat penambahan dengan mengemas kini kawasan kerap kemalangan berdasarkan data-data terkini. Walau bagaimanapun, penambahan kamera ini akan dilaksanakan dan kos pemasangan dan operasi kamera hanya akan ditentukan semasa pemasangan kamera tersebut dilakukan.

Bermula dari 1 September 2018 hingga 17 April 2019, sebanyak 163,986 saman telah dikeluarkan dan hasil daripada saman-saman ini memperoleh kutipan kepada kerajaan sebanyak RM5,726,400. Secara keseluruhannya pelaksanaan sistem AWAS berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mendidik pemandu untuk mematuhi peraturan jalan raya di kawasan lokasi yang terlibat. Antara penemuan-penemuan positif kajian termasuklah:

- (i) penurunan peratusan jumlah kesalahan pemandu memandu laju yang menyumbang kepada kemalangan maut, menurun daripada 24 peratus kepada 13 peratus;
- (ii) peningkatan jumlah pemandu yang mematuhi peraturan had laju daripada 63 peratus sebelum pemasangan kepada 95 peratus selepas pemasangan kamera AWAS;
- (iii) peningkatan jumlah pemandu yang mematuhi peraturan lampu isyarat meningkat daripada 96 peratus sebelum pemasangan kepada 98 peratus selepas pemasangan;
- (iv) merekodkan jumlah penurunan jumlah kemalangan secara keseluruhan sebanyak 40 peratus di lokasi kamera had laju iaitu 85 kemalangan sebelum pemasangan kepada 59 kemalangan selepas pemasangan;
- (v) merekodkan jumlah penurunan jumlah kemalangan secara keseluruhan sebanyak 38 peratus di lokasi kamera lampu isyarat iaitu 210 kemalangan sebelum pemasangan, menurun kepada 130 kemalangan selepas pemasangan; dan
- (vi) peningkatan persepsi ditangkap atau, dengan izin, *perception of being caught* (POBC) pengguna jalan raya 7.36 daripada 6.94 meningkat di lokasi kamera had laju dan 7.02 daripada sebelumnya 6.25 di lokasi lampu isyarat sebelum dan selepas pemasangan.

Berdasarkan kepada kajian mengenai sikap pengguna jalan raya ke atas pelaksanaan AES yang sebelum daripada AWAS ini, yang dilakukan oleh MIROS iaitu satu Badan Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya di bawah Kementerian Pengangkutan. Pada tahun 2015, 88 peratus daripada koresponden menyatakan bahawa mereka akan memandu dengan lebih berhemah sekiranya kamera AES di pasang dalam kawasan mereka. Manakala 87 peratus bersetuju bahawa pemandu yang meramandu melebihi had laju wajar dikenakan hukuman yang berat untuk mendidik mereka yang berbuat demikian.

Dalam kajian yang dijalankan oleh MIROS dalam tahun 2018 pula di lokasi persimpangan lampu isyarat yang dipasang kamera AWAS, terdapat penurunan dalam kadar pelanggaran lampu isyarat dua tahun selepas pemasangan kamera berbanding dengan trend kenaikan kemalangan berterusan dalam tempoh empat tahun sebelum kamera dipasang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris?

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi penjelasan yang saya rasa secukupnya. Kita dapat simpulkan adalah untuk mencegah kemalangan terutamanya kemalangan maut dan bukan lagi seperti yang diuar-uarkan adalah punca pendapatan negara.

Akan tetapi sekarang rakyat melihat ada dua perkara yang berlainan penguasa, tetapi seakan sama fungsinya iaitu *speed trap* dan AES. Mungkin *speed trap* dikendalikan oleh pihak polis, tetapi fungsi dan cara lebih kurang sama.

Jadi, soalan saya, soalan tambahan saya, apakah kerajaan tidak mempertimbangkan supaya disatukan di bawah satu agensi *speed trap* dengan AES, mudah-mudahan ia menjadi lebih berkesan dan mantap dan mungkin juga akan membawa kepada kekurangan perbelanjaan daripada pihak kerajaan kerana mempunyai dua agensi yang bermaksud sama? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, *centralized*. Silakan.

■1120

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Setakat yang saya dapat lihat dan faham, *speed trap* ataupun perangkap laju ini ialah sebagaimana kita maklum semuanya dikendalikan oleh PDRM. Oleh kerana ianya suatu perangkap, maka kaedah-kaedah itu berbeza dengan sistem AWAS kita, yang mana di dalam sistem AWAS kita menentukan tempat yang ada rekodnya kemalangan maut. Punca kemalangan maut biasanya ialah memandu secara laju.

Akan tetapi prosedurnya berbeza iaitu kita beri amaran 3 kilometer, 2 kilometer dan 1 kilometer. Tujuannya sebagaimana Yang Berhormat Senator sebutkan dengan tepat tadi ialah untuk mencegah daripada mereka membawa dengan melanggar had laju. Oleh itu, untuk mengelak daripada berlakunya kemalangan dan bukan sekali-kali untuk punca pendapatan negara.

Manakala yang berkaitan dengan perangkap laju ini pula adalah di bawah kendalian PDRM dan Kementerian Dalam Negeri. Saya dapat maklumkan secara awal bahawa memang ada cadangan-cadangan, bukan sahaja sistem ini ataupun kaedah ini diseragamkan ataupun disatukan malah ada cadangan-cadangan jabatan-jabatan itu sendiri pun perlu diselaraskan dan kalau boleh disatukan. Akan tetapi ini dalam peringkat pemikiran yang terlalu awal untuk saya sebutkannya sebagai suatu dasar kerajaan setakat ini.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya senang saja, adakah sistem AES ini sudah dilaksanakan di negeri Sabah? Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada senarai tempat-tempatnya tetapi setakat yang saya ingat ianya tidak melibatkan di negeri-negeri Sabah atau Sarawak. Negeri yang ada kamera AWAS ini ialah Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Terengganu, dan Putrajaya- tidak ada. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada, mulakanlah.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** [Ketawa] Terima kasih atas cadangan yang baik itu.

7. **Datuk Haji Ismail bin Ibrahim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah permohonan skim perumahan transit belia di Lembah Klang serta berapa unit rumah transit belia ini akan diserah hak mendiami pada tahun 2019.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrain Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini projek perumahan transit belia yang dicadangkan di antara umur 18 hingga 40 tahun masih dalam peringkat perancangan dan permohonan bagi program ini masih belum dibuka. Bagaimanapun, persiapan untuk pembinaan fizikalnya sedang dijalankan dan ianya adalah untuk dibuat dalam waktu yang terdekat. Pembiayaannya adalah melalui pelaburan pihak swasta.

Daripada segi perinciannya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menasarkan sebanyak 3,648 unit rumah transit belia di tiga lokasi seperti berikut:

- (i) di mukim Kepong, Kuala Lumpur yang melibatkan 1,048 unit;
- (ii) di Pekan Kuang daerah Gombak, Selangor berjumlah 2,200 unit; dan
- (iii) di mukim Batu, Kuala Lumpur yang melibatkan 400 unit.

Ketiga-tiga projek ini dijangka akan mula dibina pada penghujung tahun 2019 ini dan tempoh pembinaan dijangka mengambil masa selama di antara 36 sehingga 48 bulan iaitu antara tiga hingga empat tahun. Selepas tawaran dipanggil, ia dijangka siap lebih kurang tahun 2022 dan 2023. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada soalan tambahan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu lebih lanjut, sekiranya setelah ditawarkan kepada belia yang layak untuk mendiami rumah transit ini, bagaimanakah bentuk bantuan dan sokongan yang boleh diberikan kepada belia yang kehilangan kerja ketika itu dan mereka yang sedang mencari semula pekerjaan agar pembiayaan dan sewaan rumah transit belia ini benar-benar membantu kepada golongan sasar? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, ulang balik soalan Yang Berhormat. Adakah bantuan yang diberi oleh kerajaan tempatan?

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Soalan tambahan saya, setelah belia ini ditawarkan kepada mereka yang layak untuk menduduki rumah transit ini. Saya ingin tahu bagaimanakah bentuk bantuan dan sokongan yang diberikan kepada belia yang kehilangan kerja dan mereka yang sedang mencari semula pekerjaan ketika itu agar pembiayaan dan sewaan rumah yang mereka telah duduki ini terus dapat benar-benar membantu kepada golongan ini? Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Di dalam skim ini, di dalam cadangannya adalah untuk mereka-mereka yang pendapatannya isi rumah kurang daripada RM9,000 sebulan. Di dalam cadangan, sewaannya akan menjadi lebih kurang 30 peratus kurang daripada sewaan pasaran biasa iaitu 30 peratus daripada *market value* untuk sewaan.

Cadangan tempoh untuk disewa adalah dicadangkan untuk lima tahun supaya mereka boleh ada satu tempoh untuk menyesuaikan diri untuk mencari kerja terbaru jika mereka telah kehilangan pekerjaan. Di dalam skim ini juga, ada terlibat *force saving* iaitu beberapa peratus yang belum ditetapkan akan diserahkan kembali kepada mereka ini untuk membantu mereka memulakan hidup mereka setelah habis tempoh mereka menyewa selepas lima tahun. Sekian, terima kasih.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya, masalah perumahan transit belia ini kebanyakannya dibina di bandar-bandar utama sahaja. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah belia yang berada di luar bandar diberikan bantuan agar skim perumahan transit ini juga dirancang dan dibina di setiap Parlimen atau bandar-bandar utama yang menjadi kawasan perindustrian atau kawasan perusahaan? Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Ya, terima kasih atas soalan.

Sebenarnya perumahan transit belia ini merupakan *pioneer* projek yang baru ingin dimulakan dan sudah tentu akan ada beberapa ubah suai yang akan dibuat di dalam kajian apabila ianya telah dikemaskinikan dan difinalizekan. Walau bagaimanapun, di dalam sistem hari ini, Rumah Transit 1Malaysia juga boleh menjalankan tugas atau peranan yang dimaksudkan tetapi memanglah kebanyakannya daripada skim-skim ini terlibat dalam kawasan *urban area* sebagai permulaan.

Walau bagaimanapun, KPKT sedang membuat kajian kesesuaian untuk dikembangkan di kawasan-kawasan yang lebih terdapat di luar bandar atau di pinggir bandar untuk memberi kemudahan kepada mereka yang berusia di antara 18 hingga 30 tahun. Kalau dalam kes perumahan transit belia, antara 18 hingga 40 tahun. Ini usaha kami untuk mengembangkan skim ini kepada kawasan yang terletak di pinggir bandar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Dewan yang mulia ini... [Tepuk]

**8. Tuan Aknan A/L Ehtook** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bilangan warga emas di setiap Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di seluruh negara secara tahunan dari 2014-2018. Sejauh manakah PAWE membantu meningkatkan kualiti hidup Warga Emas (WE) dan adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan bilangan PAWE ini agar dapat dinikmati oleh lebih ramai WE.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

#### ■1130

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook pada hari ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan pada 30 April 2019 kerana kedua-dua pertanyaan adalah saling berkait dengan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, PAWE merupakan satu program yang diberikan keutamaan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) Strategi B5, menambah baik persekitaran warga emas, di mana kerajaan akan meneruskan usaha bagi menambah bilangan PAWE dengan sasaran satu Parlimen satu PAWE- jadi 222 PAWE di dalam 222 Parlimen- dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Sehingga Februari 2019, tahun ini, sebanyak 88 buah PAWE telah ditubuhkan di seluruh negara dan kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM17 juta bermula tahun sudah, tahun 2018, sehingga tahun 2023 bagi penubuhan PAWE baharu. Pada tahun ini 2019, kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM5 juta bagi menubuhkan sekurang-kurangnya 45 buah PAWE dan menjadikan bilangan pada akhir tahun 2019 ini dijangka berjumlah 133 buah PAWE iaitu meliputi 60 peratus sasaran PAWE di kawasan Parlimen.

Kementerian sentiasa memastikan penubuhan PAWE mengambil kira keperluan warga emas di komuniti, bilangan atau populasi warga emas, premis yang bersesuaian dan mudah diakses sama ada di kawasan perumahan atau di mana-mana lokasi yang menepati kriteria tersebut.

PAWE juga merupakan program yang semakin mendapat perhatian warga emas di mana bilangan warga emas yang berdaftar dan mengikuti program di PAWE kian meningkat setiap tahun. Pada tahun 2014, seramai 27,059 orang warga emas berdaftar. Tahun 2015, seramai 32,617 orang. Menurun sedikit pada tahun 2016 dengan seramai 31,615 orang. Tahun 2017, naik balik, dengan seramai 34,764 orang dan tahun sudah, tahun 2018, seramai 38,627 orang warga emas telah berdaftar serta mengikuti program dan aktiviti di PAWE.

Berdasarkan kepada laporan penilaian *outcome* PAWE 2016 yang telah dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan melibatkan seramai 702 orang warga emas daripada 45 buah PAWE mendapati bahawa 97.4 peratus warga emas yang mengikuti aktiviti di PAWE berpuas hati dengan aktiviti yang disediakan. Warga emas dapat melakukan pelbagai aktiviti di PAWE mengikut kesesuaian mereka seperti rekreasi, pemeriksaan kesihatan, terapi pemulihan, keagamaan, latihan dan sukan dan senaman yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup mereka.

Seramai 97.4 peratus warga emas yang mengikuti aktiviti PAWE dapat menghilangkan rasa kesunyian dan mengurangkan rasa kemurungan di kalangan warga emas. Seramai 96.5 peratus daripada warga emas yang mengikuti aktiviti di PAWE berasa bahagia mengikuti aktiviti di PAWE dan seramai 95.9 peratus warga emas merasakan aktiviti di PAWE dapat meningkatkan potensi dan bakat mereka.

Sehubungan dengan itu, program PAWE dapat menyediakan aktiviti harian kepada warga emas melalui program pembangunan dan pengintegrasian. *Outcome* program PAWE adalah selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara iaitu mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Oleh sebab kita semua akan tua, jadi kita adakanlah pusat-pusat PAWE ini untuk kita sama-sama kunjungi. Terima kasih.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri kerana meluangkan masa untuk hadir menjawab soalan pada hari ini. Soalan tambahan saya ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Timbalan Perdana Menteri. Minta maaf. Saya tersilap sebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa ada perancangan lima tahun untuk mewujudkan sebanyak 222 PAWE di seluruh negara.

Jadi soalan tambahan saya, apakah perancangan kementerian untuk menghadapi negara tua di mana negara kita akan menjadi negara tua pada tahun 2030? Apakah persiapan jangka panjang yang dibuat oleh kementerian? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perancangan jangka panjang. Silakan Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memanglah kita melihat bahawa pada tahun 2030, kita dijangkakan menjadi *aged nation*, dengan izin, negara tua. Jadi kita ada beberapa program yang kita fikirkan boleh menangani masalah ini.

Salah satunya ialah program penggalakan pekerjaan kepada warga emas. Jadi kalau yang mana yang telah bersara itu, kita ada juga antara umur 61 sampai 65 tahun yang masih produktif dan aktif, jadi kita- data semasa daripada pihak KWSP, kita ada seramai 285,567 warga emas yang berdaftar dan masih aktif bekerja dalam sektor swasta. Jadi kita menggalakkannya.

Bagi menggalakkan peluang pekerjaan bagi golongan berumur 60 tahun ke atas, caruman mandatori KWSP daripada majikan telah dikurangkan daripada enam peratus kepada empat peratus mulai Januari 2019. Manakala golongan pekerja yang tidak perlu mencarum, maka pendapatan boleh guna mereka akan meningkat. Potongan cukai tambahan juga diberikan kepada majikan ke atas penggajian golongan ini dengan had jumlah saraan sebanyak RM4,000 sebulan. Langkah ini adalah bagi menggalakkan syarikat mengambil semula golongan warga emas ini terutama B40 untuk terus bekerja. Namun, keberkesanan inisiatif ini hanya dapat ditentukan pada hujung tahun ini kelak.

Kedua, kita ada rang undang-undang warga emas. Menyedari bahawa kadangkala ada juga warga emas yang diabaikan, jadi kita ada juga apa yang dikatakan rang undang-undang ini di mana pada- kita hendak buatkan hasil kajian *Prevent Elder Abuse and Neglect Initiative* (PEACE), dengan izin, yang dilaksanakan oleh Universiti Malaya akan dijadikan sebagai asas penggubalan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini bertujuan untuk melindungi kebaikan dan hak asasi warga emas, memperkasakan warga emas, ahli keluarga dan komuniti serta mewujudkan sistem sokongan kukuh kepada warga emas dan penjaga.

Kementerian juga telah meluluskan peruntukan pada April tahun ini, bulan ini, bagi memulakan pelaksanaan kajian kandungan, pendekatan dan skop bagi pewujudan satu akta khusus untuk warga emas di Malaysia dan dijangka proses ini akan bermula pada bulan Jun tahun ini. Kita juga hendak sediakan ToR- *terms of reference*, atau terma rujukan, dengan izin, bagi perunding kajian dan melaksanakan proses pelantikan perunding.

Satu lagi adalah kita ada projek *age-friendly city*. Persiapan ke atas pencapaian status negara tua ini, kita ada hasil Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga Emas Menjelang 2030 yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2017. Ia untuk memperkasakan peranan kerajaan tempatan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga emas. Kita hendak wujudkan satu projek rintis *age-friendly city* dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) yang sedang dirancang oleh kementerian. Jadi dalam menggalakkan penglibatan penduduk- *public participation*, dalam perancangan kerajaan tempatan dan seterusnya mewujudkan persekitaran mesra warga emas.

Kementerian telah menerima pembiayaan daripada UNDP berjumlah USD150,000 bagi melaksanakan kajian dan membangunkan kerangka *indicator* dalam konteks sistem sokongan, program sosial, infrastruktur dan prasarana bagi membolehkan sesuatu kawasan dikategorikan sebagai mesra warga emas dan juga OKU. Kita akan adakan satu kajian *age-friendly cities* ini di Taiping. So, ini untuk makluman. Terima kasih.

#### ■1140

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya program kerajaan berkaitan dengan warga emas ini sangat baik. Cuma Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, menurut satu kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik daripada UKM, mendapati bahawa tahap kesedaran tentang kewujudan program PAWE ini adalah sangat rendah di sesetengah tempat dan juga negeri.

Soalan saya, adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk menggerakkan program-program ini bersama dengan pihak PBT? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita akan adakan satu kerjasama disebabkan ada tempatnya di sesetengah dia kata ini, *neighborhood program*. Apabila dibangunkan satu *neighborhood* itu, kita hendakkan orang muda dan juga orang-tua ini bersama-sama dalam satu persekitaran. Jadi, kita ada penuaan yang lebih produktif.

Ini ada satu model di Singapura, telah membina begitu dan dibuatkan satu supaya yang muda-muda ini ada taska, dekat dengan klinik dan dekat dengan *groceries*. Jadi, mereka masih lagi boleh bergaul terutamanya yang pencen dengan pencen. Jadi tidak adalah mereka murung dan juga sunyi. Terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ramai juga di kalangan mereka yang bersara ataupun warga emas ini tinggal di pondok-pondok, memilih untuk tinggal di pondok. Sebagai contoh, di Yayasan Al-Jenderami. Apakah kerajaan bersedia untuk menambahkan jumlah-jumlah *retirement home* untuk mereka ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita kata kita hendak buatkan PAWE ini. Akan tetapi, ini lain ya. Pondok ini adalah pusat penjagaan. Ini pula lain. Ini pusat aktiviti. Jadi, ia tidak sama. Pondok-pondok ini dalam kita berterima kasih kepada mereka yang kalau kebanyakan orang Melayu Islam, kalau di masa tua mereka, mereka akan pergi ke pondok dan menghabiskan masa tua mereka di situ. Jadi, itu meringankan sedikit bebanan.

Namun begitu, kita ada pusat jagaan yang merangkumi semua kaum. Ini lain daripada PAWE. PAWE ini adalah pusat aktiviti. Mereka datang, mereka boleh beraktiviti, dua jam atau tiga jam, selepas itu balik atau datang balik, ataupun ada aktiviti-aktiviti. Ia free, percuma. Akan tetapi, kalau hendakkan macam ada ceramah agama atau sebagainya, ia salah satu daripada program-program yang diberikan, yang ditawarkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana sudi datang sendiri untuk menjawab berkenaan dengan kementerian Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk soalan-soalan jawab lisan.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]**

## USUL

### USUL JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.43 pg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu usul seperti berikut:

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu. "

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seorang yang menyokong?

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah suatu usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujukan.

**[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]**

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**11.45 pg.**

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara, mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas."

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berbahas, saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini, di Dewan yang mulia ini, untuk merakamkan satu ucapan yang agak sedih.

Pertama, satu insiden serangan terhadap Masjid Al Noor dan Linwood di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac yang lalu, di mana 50 orang telah pun terbunuh dan menjadi mangsa kerana pegangan kepercayaan agama mereka. Kejadian ini memberikan kesan yang besar terhadap penganut agama Islam khasnya dan seluruh masyarakat dunia amnya. Serangan ini dilihat bertujuan untuk menanam kebencian dan mendorong keganasan di merata dunia.

Pelaku keganasan secara tidak langsung akan mendorong orang-orang Islam untuk melakukan serangan balas dan cuba menimbulkan ketakutan dan syak wasangka di kalangan penganut bukan Islam terhadap orang-orang Islam. Sesungguhnya, Islam dan juga agama lain amat mengesyorkan kepentingan menjaga keamanan, merakam perbezaan kepercayaan dan menghormati di antara satu sama lain.

Kemudiannya, pada hari semalam, tragedi letupan bom ke atas gereja dan hotel-hotel di Sri Lanka dan terkini, dunia dikejutkan pula dengan kejadian ini. Beberapa siri letupan, saya difahamkan lapan letupan telah berlaku di gereja-gereja dan juga di hotel-hotel di Sri Lanka dan ia bersamaan dengan- ketika penganut agama Kristian sedang menyambut Hari Easter. Menurut laporan yang diterima, setakat ini 207 orang telah pun terbunuh dan 500 orang mengalami kecederaan. Angka ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa selepas pihak berkuasa mengemas kini jumlah terkini mereka yang terlibat.

Mengambil contoh kepada kedua-dua insiden ini, saya dengan ini, mengecam perbuatan tidak berperikemanusiaan yang mencetuskan huru-hara dan menjadi punca kepada prasangka di antara sesuatu agama. Saya berharap agar insiden ini menjadi pengajaran kepada negara kita agar terus memelihara keamanan dan menghormati masyarakat majmuk bagi mengekalkan kedamaian. Elakkanklah mendukung politik kebencian yang memecahbelahan dan seterusnya, memberikan kesan negatif kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini amat berkesan sekali kerana kita melihat bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memang prihatin walaupun baru diangkat menjadi Yang di-Pertuan Agong.

**■1150**

Akan tetapi, dalam Titah Baginda, banyak perkara yang disentuh yang sedang dan akan diusahakan oleh kerajaan. Sebelum saya melanjutkan lagi, saya ingin menyentuh juga tentang jawatankuasa *reform* yang dibentuk oleh Parlimen, Dewan Negara, di mana dipengerusikan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Kita telah beberapa kali mengadakan mesyuarat *roundtable* dan sebagainya. Saya juga melihat, ada benda-benda yang remeh yang kita kadang-kadang terlepas pandang. Baru-baru ini ada mantan Yang Berhormat Senator yang telah pun pergi untuk menginap di hotel, tetapi apabila ditunjukkan kad beliau, hotel tidak mahu terima sebab kad pencegah beliau ialah kad rawatan. Jadi, kad rawatan ini hanya laku untuk dibawa ke hospital sahaja.

Jadi, saya ingin mengambil kesempatan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat pembetulan. Tidak tahu sama ada Parlimen ataupun JPA yang mengeluarkan kad pencegah ini, tetapi kepada Ahli-ahli Dewan Negara- saya tidak tahu Dewan Rakyat, kad pencegah ialah kad rawatan bukan kad pencegah. Jadi, hanya boleh digunakan di hospital. Maknanya, kita ini mantan-mantan Yang Berhormat Dewan Negara hanya menunggu untuk pergi ke hospital sahaja, kalau itulah yang diberikan kepada kita. Jadi saya minta, kalau boleh buat pembetulan dan keluarkanlah kad pencegah yang sebenarnya supaya kita boleh guna untuk kepelbagaian. Dahulu, saya pernah bawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, tukar giliran...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tunggu Timbalan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, sambung.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Boleh teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Kemudian, saya pernah bawa di dalam Dewan yang mulia ini juga bahawa kad kita ini tidak laku digunakan- bukan kita mahu gunakan sebagai MyKad ataupun kad pengenalan, tetapi apabila salah seorang daripada ahli Dewan kita bawa kad ini ke *airport*, sewaktu dia hendak berangkat. Akan tetapi *driver* dia telah bawa MyKad dia balik sewaktu dia hendak masuk tol, dia bagi kad pengenalan beliau untuk digunakan di tol sebagai *Touch 'n Go*. Jadi, dia terlupa untuk mengambil balik kad pengenalan, apabila dia sudah sampai di *airport* untuk daftar, dia berikan kad Ahli Parlimen, tetapi polis bantuan yang bertugas di situ tidak mahu terima kad ini kerana dia tidak- dia kata kad ini tidak laku, tidak boleh dipakai untuk hendak masuk ke *airport*.

Jadi, saya telah minta supaya pihak Parlimen untuk membuat pembetulan juga tentang ini. Kalau kita tidak diiktiraf, kad ini tidak boleh pakai, kad itu tidak boleh pakai, hanya untuk tujuan masuk hospital sahaja, tidak lama nirwana pun akan terima kita. Jadi, kita kena lihat perkara-perkara seperti ini.

Ini yang saya maksudkan, kalau kita hendak buat satu *reform*, yang remeh-temeh ini juga kita kena tengok. Jangan kita lihat yang perkara yang besar sahaja. Saya mengatakan ini sebab baru-baru ini, contohnya, sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali, mana? Tidak ada? Yang Berhormat Senator Datuk Razali menghadiri satu taklimat bersama-sama dengan saya.

Apabila Yang Berhormat Senator Datuk Razali meminta daripada kementerian supaya dibekalkan data-data untuk beliau hendak bawa ke Dewan Negara, beliau diberitahu oleh Menteri supaya pergi baca *Hansard*. Tidak akanlah standard Dewan Negara macam itu? Kalau kita minta sesuatu daripada kementerian, bagilah. Hendak suruh baca *Hansard* fasal apa?

Kita bukan mahu buat rujukan. Kalau kita hendak buat rujukan suruh saya tengok *Hansard*, okey, saya faham. Akan tetapi, janganlah Ahli Dewan Negara minta dibekalkan butir-butir atau maklumat- ha, masuk pun Yang Berhormat Senator Datuk Razali boleh mengesahkan apa yang saya katakan tadi? Betulkan? Mereka minta baca *Hansard*. Dia terpinga-pinga, betul atau tidak? Mereka suruh baca *Hansard*, kalau minta maklumat, suruh baca *Hansard* dalam satu taklimat, betul?... Oh, tidak dengar tadi ya?

**Datuk Razali bin Idris:** Minta maaflah, sebab saya baru masuk. Jadi saya...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Okey, okey. Tidak, saya bercerita tadi tentang Yang Berhormat Senator hadir satu taklimat, apabila Yang Berhormat Senator minta butir-butir apa Yang Berhormat Senator ingin tahu, Yang Berhormat Menteri suruh Yang Berhormat Senator baca *Hansard*, betul?

**Datuk Razali bin Idris:** Tabung Haji?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tidak payah, tidak payah... [Ketawa] Saya tidak cerita itu. Akan tetapi, betulkan?

**Datuk Razali bin Idris:** Betul.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Betul! Baik.

**Datuk Razali bin Idris:** Sambung lagi.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Macam ini ya. Okey, terima kasih. Saya hendak berikan pengesahan sebab beliau sudah ada di sini. Adakah itu standard kita? Baca *Hansard*, tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti ini saya- bukan saya bercakap sebagai Presiden Majlis Senator. Akan tetapi, untuk hendak memartabatkan Dewan Negara ini, perkara-perkara remeh seperti ini harus diberikan perhatian supaya jangan kita diperlekehkan...

**Beberapa Ahli:** Ya, setuju.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Kita hendak minta macam-macam supaya kita diberikan tempat dinaikkan ini, dinaikkan itu. Kemudian, JPA umpamanya, dalam *reform* kita bincang supaya kita tidak ditentukan oleh JPA. Saya tahu, JPA juga tidak puas hati sebab JPA ada juga kerja-kerja untuk dibuat, marah kepada Menteri atau Timbalan Menteri ataupun kementerian kerana menukar pegawai sesuka hati, adakah Menteri ada kuasa? Ini di antara perkara-perkara yang sedang berlaku.

Akan tetapi, kami juga sebagai anggota Dewan, kami juga tidak puas hati dengan cara JPA mengendalikan Ahli-ahli Dewan, menentukan gaji kita dan sebagainya. Ini juga kita sudah minta supaya dalam *reform*, kita betulkan keadaan. Bukan kita bercakap kerana gaji sahaja, tidak. Ini kerana, kita hendak betulkan segala-galanya di dalam *reform* kita ini. Jadi, kita minta supaya kalau boleh sama-sama kita bagi kerjasama kepada JPA dan JPA pun kita boleh bantu dari segi ketidakpuasan hati mereka. Apa yang kita boleh suarakan demi untuk hendak menyatakan balik kerajaan dan juga kakitangan kerajaan. Ini kita faham.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, saya ingin mengambil kesempatan juga untuk menyentuh tentang apa yang disuarakan oleh rakan-rakan, rakyat di luar sana. Saya tidak tahu ini keputusan Kabinet atau keputusan kerajaan. Akan tetapi, akhir-akhir ini saya difahamkan bahawa apabila rakyat meminta untuk membuat temu janji dengan Yang Berhormat Menteri, pegawai-pegawai Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri akan meminta supaya di-email-kan kepada pejabat oleh pegawai-pegawai, Setiausaha Sulit Kanan, di-email-kan, minta supaya diberitahu tujuan hendak datang dan sebagainya. Kemesraan sudah tidak ada.

Apabila saya menerima laporan, saya cuba dengan empat kementerian. Keempat-empat kementerian- saya kenal SUS, saya kenal SUSK, saya kenal Menteri. Akan tetapi, saya minta cara *proper* untuk membuat temu janji dan saya juga diminta untuk memberikan *email*. Saya kata, “*Betullah*”, kalau rakyat kata macam itu, betullah apa yang saya juga alami. Cuma, rakyat pun pesan dekat saya, tolong beritahu balik bila lima tahun lagi hendak mengundi tolong bagi *email* siapa patut saya undi... [Tepuk] Ini saya hendak maklumkan. Saya hendak maklumkan dan saya minta maaf saya bercakap sebab rakyat yang cakap.

**■1200**

Jikalau kemesraan tidak ada, kita hendak jumpa pun susah, jadi rakyat akan minta e-mel pula lah waktu hendak mengundi nanti dan kita kena bersiap sedia untuk buat e-mel. Yang Berhormat Senator Tuan Ismail- Tok Abah, dia bunyi sama sahaja “*mael*”- *email*. Bunyi sama. Ini menjadi masalah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tahu di kalangan mereka-mereka yang kita buat teguran ini tidak puas hati. Akan tetapi kita tegur untuk kebaikan kerana baru setahun kita berada di tempat pemerintahan dan kita ada empat tahun lagi. Jadi kita kena buat pembetulan sebelum habis tempoh perkhidmatan kita. Saya hendak menyentuh juga contohnya tentang pakaian sekolah. Pakaian sekolah ini...

**Tuan Ismail bin Yusop:** Mohon mencelah.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Sekejap lagi boleh? Sekejap, sekejap, tengah *dok* baru hendak masuk gear satu fasal sekolah ini.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, sebab berkait dengan isu yang tadi, tidak berkait dengan sekolah, dengan izin, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bersetuju atau tidak kalau saya hendak cadangkan tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, supaya kementerian-kementerian ini seminggu sekali buat hari terbuka. *Open day for public* untuk datang berurusan di kementerian. Terima kasih.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Boleh saya tambah Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya bersetuju sangat...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua boleh tambah sedikit?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ya, ya.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Saya juga mengalami keadaan yang sama tetapi saya beranggapan itu lebih teratur. Oleh sebab apabila kita hendak berjumpa dengan seseorang, kita sudah bagi maklumat apa yang kita hendak kemukakan. Ini saya alami apabila buat temu janji dengan Perdana Menteri. Pegawai dia suruh bagi perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan apabila bertemu dengan Perdana Menteri.

Jadi nanti dia orang boleh bersedia dengan jawapan-jawapan yang akan saya persoalkan. Saya rasa itu lebih membantulah, jawapan kita dapat dan pihak Perdana Menteri juga bersedia untuk bagi jawapan yang boleh memuaskan hati kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju, dua-dua saya bersetuju. Yang Berhormat, saya pernah bekerja dengan Menteri. Setiausaha Sulit pernah, Setiausaha Sulit Kanan pernah, Setiausaha Politik pernah, Menteri sahaja belum... [Dewan ketawa]

Saya hendak cerita, dia macam ini, dengan Yang Berhormat pun saya bersetuju. Kita ada satu hari khas untuk kita berjumpa dengan rakyat, boleh? Ataupun macam Yang Berhormat berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mungkin itu perlu. Akan tetapi kalau hendak jumpa Menteri, kadang-kadang Menteri pun tidak perlu hadir, Setiausaha Sulit, Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Politik boleh selesaikan masalah. Saya pernah selesaikan masalah tanpa jumpa Menteri, boleh.

Melainkan ada keputusan yang kita perlu Menteri beri keputusan, itu lain. Kita hendak bantu, kita hendak ada kemesraan, itu maksudnya. Boleh, saya bersetuju.

Akan tetapi apatah lagi sekarang integriti. Dia naik atas, dia turun bawah dia kata saya baru bagi RM100 ribu dekat atas, pun betul juga. Jadi, tujuan dia hendak jumpa pun kita hendak tahu. Kalau tujuan dia bawa RM100 ribu tidak payah. Ada yang macam itu, oleh sebab integriti. Saya faham, bukan saya tidak faham. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat kena faham rakyat di sana bukan semua tahu, tadi kita dengar Kementerian Pembangunan Luar Bandar bercerita, bukan semua rakyat faham macam mana hendak emel, macam mana hendak *WhatsApp*, mana dia- banyak orang yang tidak tahu benda-benda ini.

So, kalau kita hendak bagi dia mesra – saya datang daripada Putrajaya, yang kena saman kereta *parking* hendak jumpa Menteri hendak masuk kementerian, yang kena saman dekat *roundabout* yang terbesar di dunia itu, di situ sahaja yang kena saman setiap hari berapa ramai? Sebab hendak jumpa Menteri, *park and ride* ini dia tidak pakai pun di Putrajaya Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak pakai pun sebab bas yang adupun bawa *seat* sahaja. Bas yang ada itu bawa kerusi sahaja, tidak bawa orang. *Dok round* Putrajaya, orang tidak pakai *park and ride*.

Kena ada satu kaedah lain untuk hendak pergi jumpa Menteri-menteri ini dia orang *park*, dah penuh *parking*, dia orang *park* di keliling *roundabout* itu, yang kena saman ini memanjang, *sat* lagi Perbadanan Putrajaya saman, lepas itu datang polis trafik pula saman. Maksud saya tadi ialah bukan kita kata tidak boleh, boleh.

Okey, ini saya hendak sentuh fasal sekolah. Saya bersetuju apa yang Menteri buat. Kesian dekat Menteri, Menteri hendak tukar kasut, boleh. Hendak tukar seluar, pakai seluar merah pun boleh, bagi basikal turun bukit tak payah kayuh, pun kayuh, boleh. Bagi seluar merah, tukar fasal seluar pun sudah lama tidak tukar, tukar, boleh. Akan tetapi cara dia, ini rintihan rakyat ini kita bercakap ini. Saya kesian dekat Menteri, Menteri kena belasah. Akan tetapi, saya pun hendak ingatkan Menteri kadang-kadang kita hendak buat sesuatu perkara, mesti ada cara yang boleh kita bantu rakyat. Apabila kasut itu kecik, koyak, tidak boleh pakai, baru tukar dengan *kung fu fighting* Bruce Lee punya, boleh. Janganlah serentak kita suruh tukar semua, harga kasut pun naik, orang pun bertambah susah.

Ibu-bapa, saya pernah menjadi YDP PIBG. Ibu bapa hendak bayar RM15 duit PIBG untuk lima orang anak pun sedih kita dengar dia bercerita, kita suruh dia tukar kasut RM27. Kasut *kung fu fighting* ini, yang hitam itu yang Bruce Lee pakai itu, siapa pernah tengok Bruce Lee punya filem? Kasut itu berharga RM27, tali pun tidak ada.

Tujuan kita, misalannya saya *old school* Tuan Yang di-Pertua, saya *old school*. Kita dahulu pakai kasut putih dan di situlah disiplinnya. Kita jaga kasut tidak bagi orang pijak, kotor. Selepas itu hari Sabtu, hari Ahad kita cuci kasut, letak kapur, buka tali kasut, esok pasang semula tali kasut macam menjahit. Selepas itu, ikat tali kasut macam *Kabhi Khushi Kabhie Gham*. Ingat tidak filem *Kabhi Khushi Kabhie Gham*, ikat tali kasut. Ini semua disiplin. Apabila kita *take away* macam KFC, *you take away*, habislah. Orang tidak duduk makan, jadi disiplin ini sudah tidak ada. Okey, tidak mengapa, saya bersetuju kerana kita hendak- jadi budak-budak pakai kasut tidak kotor, tidak kotorlah sekarang sebab kasut hitam, tidak payah cuci sudah.

Jadi, kadang-kadang- saya sekarang anak-anak sudah tidak ada sudah yang bersekolah, cuculah. Kadang-kadang dia balik, kita duduk sebelah hendak kena tutup hidung sedikit, fasal dia sudah lama tidak cuci kasut. Jadi, kasut itu pun sudah berbau, mana disiplinnya? Sudah tidak ada. Kita hendak kena bentuk sesuatu, kita hendak buat sesuatu, kita kena fikirkan benda-benda yang seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, 16 hari bulan yang lepas umur saya 65 tahun, 25 tahun...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Muda lagi.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ya muda. Lagi 29 tahun saya berumur 94 tahun... *[Disampuk]* *Insya-Allah*. Jadi dia macam ini. Saya telah pun membuat azam berhenti merokok selepas berumur 45 tahun. Selepas 45 tahun merokok, berhenti merokok dan saya berhenti. *Alhamdulillah* sampai ke hari ini, berhenti. Berhenti mengejut. Ada orang berhenti, jantung berhenti, saya pesan dahulu, jangan pandai-pandai berhenti. Berhenti, silap-silap jantung pun berhenti, bukan senang berhenti merokok ini.

Jadi kalau kita hendak buat satu keputusan, kita kena fikir juga. *Sat gi* kita suruh orang berhenti, jantung pun berhenti. Biar dia pandai-pandai berhenti, macam saya, saya buat azam saya sendiri. Bukan kerana saya tidak boleh hisap rokok di restoran, tidak. Di kedai kopi, tidak. Saya berhenti kerana saya hendak berhenti sebab dorongan daripada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhami dia kata sekarang dia masuk restoran, dia makan dia rasa selesa sebab tidak ada bau asap rokok. Sebab dia tidak merokok, dia kan Timbalan Presiden PEMADAM, rokok pun tidak hisap.

### ■1210

Jadi dia kata, selesa dia masuk. So saya pun dengan dorongan itu, inspirasi itu, saya berhenti merokok. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah berhenti. Itu yang boleh bercakap lama ini, tidak penat. Dahulu merokok, dia penat. Sekarang main golf 36 buah lubang, tidak penat. Dahulu 18. Ini fasal berhenti merokok, bagus. Akan tetapi Menteri membuat keputusan- bila suruh orang hisap rokok di luar, sediakan *ashtray*. *Ashtray* pun tidak suruh mamak itu sediakan. Selepas itu, putung rokok merata-rata sekarang, sudah habis jadi *viral*. Orang ini- ini orang perli kita. Kedai mamak tutup pun satu hal, selepas itu ada pula kenyataan mengatakan, kita tidak perlu mereka ini, perokok, tidak payah.

Katalah kita hendak bagi tumpuan- saya risau ini macam PEMADAM buat. Satu botol ubat batuk, satu botol ketum, satu lingkaran ubat nyamuk, nilai kesemuanya ini RM35 boleh buat kerja macam kerbau, macam lembu. Ini yang patut kita berikan perhatian. Tidak begitu Timbalan Presiden PEMADAM? Ketum ini dicampurkan dengan ubat batuk, campur lingkaran ubat nyamuk, boleh menjadikan seseorang itu jadi kuat bekerja macam kerbau atau bekerja macam lembu misalnya, sampai macam itu. Sebab apa? Sebab dia *high*, dia boleh jadi kuat sampai jadi macam itu. Itu belum lagi kita bercerita- bukan kerana menghisap rokok, *pi* minum benda ini, tidak. Bukan kerana menghisap rokok, makan pil dadah, tidak.

Satu ketika dahulu, menghisap rokok memang akan membawa kita untuk menghisap dadah sebab zaman itu zaman kita *old school* ini, zaman kita dahulu, orang yang menghisap rokok, lama-lama dia akan menghisap ganja. Dia akan lama-lama menghisap heroin, dia akan lama-lama- dia jenis hisap sahaja, sekarang ini mana ada. Sekarang ini dadah dalam bentuk pil, dalam bentuk cecair minuman ataupun dalam bentuk suntikan, tidak ada kena mengena dengan rokok. Saya bukan mempertahankan orang yang menghisap rokok, saya sudah berhenti. Saya tidak pertahankan, tetapi oleh sebab hak asasi seseorang itu. Kita janganlah blok dia sampai dia tidak boleh hendak bergerak ataupun kita naikkan harga, saya takut kasut pun hilang. Dia ada benda-benda macam ini, kita kena jaga.

Oleh sebab kita menaikkan harga rokok tidak hendak bagi orang merokok, kasut di rumah hilang. Dahulu orang hendak menghisap ganja, pun kasut hilang. Jangan kata kasut, *jeans Saddle King*, celana dalam, baju ARROW- Tuan Yang di-Pertua, ini semua *old school* punya uniform hilang, hilang di ampaian sebab hendak membeli ganja.

Sekarang ini benda-benda ini hilang sebab hendak membeli rokok ataupun hendak membeli botol ketum yang dicampurkan ini, RM35 satu botol. Satu hari dia kena dua botol, RM70. Hendak mencari RM70, kasut di rumah jaga-jaga. Sekarang ini kasut pun kena masuk dalam termasuklah yang *kungfu fighting* tadi, ambil simpan di dalam. Kalau tidak, hilang.

Jadi, ini semua kita kena berikan satu pengajaran. Bukan kita hendak mengajar Menteri macam mana hendak buat kerja, tetapi kita beritahu supaya Menteri lain kali hendak membuat sesuatu, cari jalan macam mana. Kita perlakan-perlakan, tidak ada masalah. Dahulu kita kempen, “*Tak Nak!*”. *Signboard* itu kita buat dengan banyak patahkan rokok, “*Tak Nak!*”, “*Tak Nak!*”, “*Tak Nak!*”, orang tidak hendak berhenti masalahnya. Jadi *signboard* kita buat pun rugi. Bukan orang tidak hendak rokok, orang tidak hendak berhenti merokok. “*Tak Nak!*”, “*Tak Nak!*”, “*Tak Nak!*”, rupanya tidak hendak berhenti.

Mendiang Lim Keng Yaik yang tegur, yang beritahu. Saya masih ingat. Mendiang Tun Dr Lim Keng Yaik, Presiden GERAKAN dahulu. Pak Lah tanya dia, “*Eh Keng Yaik, you bila mahu berhenti?*” “*You bila mahu Tak Nak?*”, Pak Lah tanya. Dia kata, “*Saya sudah tak nak*”. “*Tak nak apa? You baru keluar merokok*”. “*Saya tak nak berhenti Pak Lah*”.

Fasal itu kadang tidak hendak ini tidak hendak apa, bukan tak nak merokok, dia tak nak berhenti Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak membela sesiapa, tetapi kita cari kaedah-kaedah lain macam mana kita hendak buat sesuatu supaya tidak merugikan kita.

Saya *dok* tengok ini banyak sudah kasut *dok* hilang, di ampaian pun banyak hilang. Jadi, kita kena cari satu jalan macam mana kita hendak menyelesaikannya.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat, boleh mencelah?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Boleh, boleh, boleh. Silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Sebelum Yang Berhormat masuk tajuk lain, saya hendak perbetulkan cerita ketum tadi itu sebab *sat ni* Yang Berhormat cerita lagi masalah ketum orang kata salah cara dia itu. Sebenarnya daun ketum, lingkaran ubat nyamuk dan racun tikus, bukan ubat batuk. Racun tikus. Dia ambil gelas, ditaruhnya macam teh itu, daun ketum dia masuknya, dia peroinya lingkaran ubat nyamuk itu dan kemudian dia akan ambil *syringe* yang kita cucuk itu, ambil racun tikus, dititiknya di dalam gelas itu. Kemudian dia akan lepaskan ikan dalam itu, ikan laga, ikan karin.

Orang Kedah panggil ikan karin, ikan laga ini. Selepas ikan laga itu jadi begitu, dia akan buang dan dia akan minum. Akan tetapi polis beritahu dekat saya Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini dia tidak pakai ikan karin, dia pakai ikan puyu. Jadi apabila ikan puyu perut naik itu, dengan dia-dia sekali jalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Timbalan Presiden PEMADAM. Saya dengar ini daripada AADK, dia kata pakai ubat batuk. Tidak apalah, racun tikus. Tikus pun mati, tidakkanlah orang tidak mati. Tikus ini dia selalu jadi eksperimen. So, pandai dia.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ya.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar tadi penjelasan- kalau boleh saya sebutkan mungkin rungutan tentang pengharaman rokok di tempat-tempat tertentu. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah saya kerana Yang Berhormat mengatakan Yang Berhormat sudah berhenti merokok sebab tidak silap saya dalam bulan Januari yang lepas semasa kita pergi program di *Cambodia*, Timbalan Yang di-Pertua pun ada, kita siap ambil rakaman Yang Berhormat yang sibuk merokok di luar. Akan tetapi, fokus saya beginilah. Pada kami orang perempuan, kebanyakannya wanita-wanita kalau saya lihat respons mereka terhadap dasar tidak membenarkan merokok di kawasan tempat makan, semua memberikan respons yang positif.

Yang Berhormat menyebutkan tadi kalau boleh kata, jangan halang ataupun arahkan orang yang merokok itu berhenti mengejut sebab takut dia terkejut dan mati terkejut langsung. Dalam konteks pengharaman ini pada saya sudah cukup rasional iaitu bermula dengan kawasan restoran. Kadangkala kalau kita pergi makan pun, apabila ada orang merokok sampai kita tidak boleh menikmati apa yang kita hendak makan, itu satu.

Kedua, kita punya pernafasan pun terganggu, apatah lagi kalau budak-budak. Pada saya, apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan Pakatan Harapan, itu adalah satu keberanian untuk meletakkan kesihatan rakyat itu adalah perkara yang utama.

Kita sudah 60 tahun merdeka, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Kita sudah 60 tahun merdeka, kita asyik kata dilarang merokok, dilarang merokok, dilarang merokok tetapi rokok juga semakin bercambah. Mungkin-kah, tidak-kah dasar yang baharu ini *slowly* kita laksanakan di tempat restoran, tiga meter dikatakan- ini mungkin akan berdikit-dikit membawa kepada negara yang bebas rokok.

Mungkin orang yang merokok akan marah saya, tetapi kemungkinan ini adalah *slowly* ke arah itu. Ini sebab saya tidak lihat Kerajaan Pakatan Harapan mengharamkan ataupun tidak memberikan hak demokrasi itu tetapi *slowly*, maknanya memberikan hak juga kepada orang yang tidak boleh menanggung asap rokok.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Betul itu, saya setuju tadi. Saya bukan kata tidak boleh. Saya kata bubuhlah *ashtray* di tepi itu, jangan bagi orang *litter the cigarette bite* itu. Dia buang merata-rata sekarang, itu maksudnya. Akan tetapi dalam masa yang sama, rokok ini saya hendak cerita kepada Yang Berhormat, sedikit saya hendak sambung, hendak cerita. Rokok ini, satu negara kita ini masalah dia satu penyeludupan berlaku, diseludupi masuk.

**■1220**

Orang Indonesia yang ada di sini yang kerja di Malaysia ini pun ramai. Dia hendak beli *Suria* kah atau *Gudang Garam* kah, dia tidak ada masalah, sebab dia ada sahaja kedai-kedai yang jual, sebab di seludup masuk. Oleh sebab bila kita ada sekatan ini- saya suruh cari jalan macam mana cara yang terbaik untuk kita selesaikan. Perkara yang paling kita pening sekali *the recycle cigarette*. Dia kutip *cigarette bud* yang saya kata yang buang ini tadi. Dia kutip. Dia buka. Dia kumpulkan tembakau itu, dia *recycle*. Dia kumpulkan tembakau-tembakau itu dia balut balik dengan kilang dialah. Dia balut balik, dia jual. Ini yang lagi bahaya sebab serba mak nenek punya rokok dia campur situ. Dia campur-campur, dia jual dengan harga yang lagi murah dan orang yang tidak mampu akan beli rokok itu, yang itu boleh mengakibatkan lagi teruk. Lagi banyak hospital kita kena buka.

Oleh sebab yang bagi perintah Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Yang Berhormat Menteri Kesihatan kena bersiap sedia dengan banyak hospital sebab banyak yang hendak masuk, yang kena batuk kering dan sebagainya. Ini saya kata boleh, bukan tidak boleh. Saya bersetuju sebab saya pun seronok hari ini boleh main 36 lubang. Seronok. Saya seronok. Ini kerana tidak merokok. Akan tetapi, macam mana kita hendak selesaikan? Ada orang boleh buat, berhenti.

Saya ini ikut kawan-kawan yang berhenti yang saya tengok okey, saya pun berhentilah. *Alhamdulillah*, sampai hari ini rasa sihat. Akan tetapi kita tidak tahu- orang lain tidak boleh. Ada setengah itu yang mana yang macam sehari dua kotak 40 batang. Negara lain pun buat. Kenapa kita takut hendak buat? Saya bersetuju kita buat. Kita ikut. *Singapore* boleh buat. *Singapore* dengan harga naik tetapi penduduk dia macam mana dia punya- dia mampu kalau dia punya gaji itu, dia mampu hendak beli rokok yang mahal.

Jadi, yang mana berhenti, berhentilah. Tidak mahu beli, berhenti. Kita ini saya takut sebab yang seludup ini banyak. Dia hendak berhenti. Dia tidak berhenti. Dia hendak hisap juga akan tetapi, bila harga naik, dia beli yang murah. Di mana yang murah ini yang mengakibatkan kesihatan. Yakni yang merosakkan- itu maksud saya. Minta maaf. Bukan saya kata saya tidak kasihan dekat *secondhand smokers* ini. *Secondhand smoker* ini, kitalah sekarang. Di mana yang tidak merokok adalah *secondhand smoker*. Sebab *you* pergi duduk dengan dia *you* hisap lagi teruk daripada dia.

Akan tetapi, kita selamat. Jadi, tidak ada masalah. Saya bersetuju. Ubah dia bagi *ashtray* di hujung sana. Tidak apa. Biar dia duduk. Janganlah kita dera dia pula. Sudahlah dia kita tidak bagi dia hisap sini, kita suruh dia hisap tiga meter jauh. Lepas itu, dekat situ hujan dia kena duduk dalam hujan. Kalau situ panas, dia kena duduk dalam panas. Ini yang maksud saya. Bagi tempat yang sesuai, biar dia hisap. Dia hendak hisap, kalau itu membuat dia mati awal pun tidak apa. Itu kerja dialah. Sebab dia hendak macam itu. Kita pun tidak boleh. Saya hairan juga 45 tahun boleh bertahan, 45 tahun merokok. Akan tetapi, tidaklah tegar sampai dua kotak sehari- tidak. Saya pun merokok tetapi perlahan-perlahan. Akhirnya, sebelum sampai 20 batang sehari saya dah berhenti. Saya dah berhenti. *Alhamdulillah*.

Kemudian, bila kita bercakap tadi kan saya cakap panas. Saya hendak kaitkan dengan *global warming* ini. Macam kita pergi ke Cambodia. Saya dengan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi dan rakan-rakan lain yang pergi ke ini, kita perjuangkan masalah *global warming* ini. *Climate change*. Kita perjuangkan. Kita pergi di mana-mana pun, kita perjuangkan. Apa yang jadi masalah dalam rumusan kita yang paling penting sekali ialah kebanyakannya kita menghabiskan waktu, menghabiskan wang ringgit pergi balik kebanyakannya kerajaan-kerajaan dalam negara yang mengambil bahagian tidak mengikuti apa yang kita putuskan.

Contohnya, plastik di Malaysia. Plastik ini *supply* dia British dengan Australia. Kalau tidak salah saya lah. Yakni, yang *supply* untuk kita buat. Kilang yang besar di Malaysia yang buat plastik. Kita pergi ke kedai-kedai runcit, kita beli barang. Kita beli barang, kita akan dapat plastik percuma. Plastik yang merah itu. Percuma. Kita dapat yang itu percuma. Kita pergi ke 7Eleven ataupun *Speedmart* kah, *supermarket* kah kita kena beli. Dia suruh kita beli plastik. Apa yang sebenarnya kita hendak? Kita hendak hapuskan plastik ini ataupun kita hendak jual plastik? Kita kata tidak boleh pakai plastik. Kita hendak perjuangkan tidak boleh pakai plastik. Bila tidak boleh pakai plastik, yang kita jual fasal apa boleh?

Orang yang bagi *free* itu ada penguat kuasa tunggu hendak tangkap. Kedai runcit ini bagi *free*. Penguat kuasa nanti berlegar dekat luar untuk hendak tangkap, fasal dia bagi *free*.

Fasal apa dia bagi plastik? Saya pun tidak tahu. Sama ada dia bagi plastik, dia kena tangkap atau dia bagi *free*, dia kena tangkap. Sebab yang jual ini, dibenarkan. 7Eleven boleh jual. Pergi *hypermarket*, *supermarket* boleh jual. Kalau kita tidak bawa bekas untuk hendak masukan barang, kita kena beli plastik. Apa logiknya? Saya pun tidak faham. Plastik ini Yang Berhormat Timbalan Tuan Yang di-Pertua, plastik ini, bertahun-tahun hingga beratus tahun tidak akan hancur. Apa yang buang dekat *landfill* itu tidak akan hancur. Jadi, pelik tidak? Kalau tidak boleh, tidak bolehlah. Jangan *produce*. Jangan keluarkan lagi. Ini kita buat, kita bagi jual. Kita suruh jual. Kita benarkan kedai-kedai *hypermarket* ini jual untuk kita bawa barang balik. Tidak betul! Saya tidak nampak logiknya langsung. Kalau kita hendak hentikan, kita hentikan. Betul-betul hentikan. Sebab kita tahu benda-benda ini.

Saya pernah bercakap fasal- umpamanya saya bercakap fasal *reclamation*. Saya bercakap fasal *reclamation*. Kenapa ada *reclamation*? “Oh, ini tidak ada kena mengena dengan climate change”. Saya sendiri bawa seorang profesor, Yang Berhormat Tan Sri boleh recommend dekat saya. Saya suruh cerita sedikit. Fasal apa dia kata tidak ada kena mengena? Bumi ini dibuat daripada- Allah SWT buat daripada air sahaja tiga perempat. Kalau semua bumi ini, kita- laut ini kita tambak, air hendak pergi mana? Kalau kita tambak, tambak dan tambak, air hendak pergi mana? Cerita burung gagak pun cukup. Dia hendak minum air dalam gelas. Air itu terlampaui rendah, dia tidak boleh hendak minum. Paruh tidak boleh masuk. Dia masukkan batu- ini cerita dongeng lah. Akan tetapi mungkin betul. Sebab burung yang mengajar manusia. Dia masukkan batu dalam air itu. Air itu pun tinggi, dia minum air.

Samalah logiknya bila kita tambak di laut, Kai Tak, Kansai kah- bila kita suruh sebut, tidak berani. Sebab apa? Sebab negara kuasa besar. Pulau Pinang pun tambak. Saya anak Pulau Pinang, zero seven. Anak Pulau Pinang. Pulau Pinang pun tambak. Melaka, tambak. Zero five, tambak. Ada zero five? Mana, Yang Berhormat Dato- tambak. Melaka tambak. Jadi, kalau kita benarkan tambak-tambak ini, sama ada kita tenggelam ataupun kita akan terima banjir masin. Air masin tahu? Banjir. Bukan Banjarmasin di...

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Malaysia.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** ...Kalimantan. Ini banjir air masin. Kita akan terimalah. Benda-benda ini Tuan Yang di-Pertua, benda-benda ini ada kaitan dengan *global warming*. Jangan bohong. Saya tidak pakar tetapi ada kaitan. Jadi, dengan sebab itulah kita kata bila lagi Kementerian Pengangkutan hendak membenarkan kita pakai cermin gelap. Pakai cermin gelap. Saya bincang juga. Cermin gelap ini kalau kita pakai, takut perompak. Perompak ini kalau ada *roadblock*, dia dah *U-turn* dahulu dah. Cermin gelap ini. Bukan cermin mata gelap... [Menunjuk kepada seorang YB] Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan dia pakai cermin mata gelap. Cermin gelap ini kita kata tidak payahlah, bukan lah terlalu gelap. Ada yang mengatakan, “Oh, tidak boleh sebab polis tidak nampak kita pakai tali keledar atau tidak”. Bukan sampai ke tahap-tahap itu.

#### ■1230

Kita pakai ini kerana radiasi, *the radiation of the sun*, yang boleh cause skin cancer contohnya, dengan izin. Jadi yang ini yang kita bercakap. Kita kata kita hendak elakkan daripada benda-benda itu- penyakit-penyakit ini. Kita hendak elakkan. Kita minta supaya dibenarkan pakai cermin gelap. Kalau kita kata kita bagi pakai cermin gelap, ini maksud kita. Bukan kita kata hendak suruh gelapkan kereta itu terus, tidak. Apa yang kita minta hanya yang boleh dihadkan setakat mana yang boleh dibenarkan.

Janganlah pula cadangkan supaya kita berbasikal. Tidak masuk akal, Tuan Yang di-Pertua- berbasikal ataupun naik bas yang macam di New York, di London itu yang *Hop-On, Hop-Off*, yang tidak ada bumbung itu. Berapa ramai orang kita yang hendak naik bas itu? Panas, kita pun tidak tahan panasnya.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, semalam ia 39 darjah Celsius. Lepas itu cadang supaya kita naik basikal, tidak masuk akal. Janganlah kita hendak mengurangkan ini dan mengurangkan itu- suruh naik basikal.

Kalau saya naik basikal datang Parlimen, Tuan Yang di-Pertua pun tidak mahu duduk di situ. Percayalah, hendak kena beli pewangi, minyak wangi dan sebagainya hendak kena sembur habis. Bayangkan saya berbasikal daripada Putrajaya sampai sini, bayangkan. Macam mana peluh merecik-recik? Bukan harum, berbau, betul?

Jadi tidak boleh- jangan bagi idea-idea yang tidak masuk akal ini, janganlah. Kita bila kita kata kita hendak cakap fasal cermin gelap, kita cakap fasal cermin gelap. Jangan suruh orang naik basikal. Naik basikal untuk *exercise* boleh, sebelah petang. Sebelah petang naik basikal untuk kita hendak beriadah, okey. Itu boleh. Sampai malam dia balik, dia mandi, dia peluh, dia mandi tidak apa. Tidak jadi masalah. Jangan kita suruh orang berbasikal datang ke Parlimen untuk bersidang. Saya pun tidak mahu hadir persidangan kalau itu berlaku.

Kemudian saya ingin menyentuh tentang *gender* ini. Kita macam ada diskriminasi *gender* dalam menentukan kewarganegaraan kita. Saya kesian Yang Berhormat Senator Asmak binti Husin, saya kesian kepada perempuan-perempuan, wanita-wanita yang bersuamikan daripada luar negara. Tidak pedulilah daripada Jordan kah, daripada *Egypt* kah suaminya, ataupun daripada Amerika Syarikat, tidak kiralah yang *nego* kah, suaminya adalah *the breadwinner of the family*, dengan izin. Dia yang cari makan. Perempuan Malaysia ini, dia dijodohkan- bukan kerja kita, kerja tuhan. Jodoh ini kerja tuhan. Dijodohkan dengan seorang daripada negara luar berkahwin di sini atau waktu dia datang bekerja, dia kenal, dia kahwin- jodoh.

Dia minta hendak jadi kerakyatan, PR, penduduk tetap sahaja. Dia kena tunggu bertahun-tahun. Akan tetapi, yang lelaki main-main golf kenal kedi, esok nikah, nikah dengan kedi itu. Itu yang kedi perempuan tidak boleh masuk sekarang. Nikah dengan kedi itu. Bila bernikah dengan kedi itu lusa boleh pergi minta sudah PR. Macam mana ini? Ini betul-betul diskriminasi kepada kaum wanita. Kaum wanita kena sokong saya, betul tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya kesian. Wanita kalau kahwin dengan orang luar bertahun-tahun tunggu. Pada hal dia hendak cari makan untuk hendak pelihara keluarga. Dengan sebab itu dia tunggu-tunggu tidak dapat, dia pun balik, maka tinggallah janda. Kami juga susah. Bila ada janda-janda [*Ketawa*] Kami juga susah. Tuan Yang di-Pertua, juga pun akan susah. Nasib baik kita sudah, *six series*, *seven series*. Kesian...

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ya.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Saya bukan apa Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Presiden Senator kita. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa kalau perempuan itu memang susah, itu saya tahu. Kakak saya pun, suaminya adalah daripada Pakistan- orang Pakistan. Sampai sekarang pun tidak dapat lagi PR dia.

Cuma berkaitan, kalaulari lelaki senang mudah sahaja. Saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Adakah itu yang termaktub dalam peraturan negara kita atau ada kerja-kerja belakang. Itu perlu saya kira sebab takutnya nanti yang menonton perbahasan Yang Berhormat faham orang lelaki senang sahaja.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat saya- peraturan itu saya tidak berani pastikanlah tetapi berlaku, sama ada pintu belakang kah apa, saya tidak tahu tetapi berlaku. Bila kita tanya memang macam itu. Perempuan untuk menjadi warganegara kerana suaminya, mudah. Itu kita tahu.

Akan tetapi, yang lelaki yang jadi masalah. Dari Pakistan ini memang masalah tetapi kalau perempuan banyak yang sudah pun- sekurang-kurangnya mendapat PR. Itu betul. Apa yang saya kata dua hari itu, seloroh sahaja. Itu yang saya berani sebut kedi kalau tidak- orang rumah saya pun silap-silap *dok tengok*. Berani kah saya kata? [*Ketawa*]

Jadi saya pun seloroh, dia pun tahu saya seloroh. Macam ini Yang Berhormat, yang kita tahu kalau perempuan- undang-undang ini, saya hendak beritahu, kalau kita hendak tanya betul-betullah. Saya pun sendiri, kadang-kadang saya pun tidak boleh hendak fikir. Seorang hamba Allah minta tolong saya daripada Pulau Pinang. Dia doktor *specialist*. Anak perempuan dia berkahwin dengan orang Indonesia.

So, pergi menyambung belajar ke Australia. Melahirkan anak di sana. Pergi daftar di Kedutaan Malaysia, *Malaysia High Commission*, pergi mendaftar.

Selepas daftar hendak bawa balik ini menjadi masalah. Ini kerana undang-undang di sana memakai atas nama bapa. Undang-undang di Malaysia pakai atas nama ibu- Datuk Douglas bersetuju. Fasal itu *law*, itu undang-undang. Anak dia kerana tidak ikut ibu tidak boleh sebab dia di Malaysia, sebab dia di Australia dia ikut bapa. Jadi sampai hari ini tidak hendak balik. Hamba Allah ini peninglah sebab cucu dia. Saya pun panjatlah, tolong lah dia macam mana pergi JPN tidak boleh pergi. Sekarang tersangkut dekat KDN. Tidak tahu lah apa hendak jadi? Akan tetapi tidak boleh hendak balik dengan cucu dia. Saya bagi contoh-contoh macam inilah...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Boleh mencelah Yang Berhormat?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ya.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasihlah Yang Berhormat kerana menjadi seorang pencinta wanita, memperjuangkan hak wanita khususnya dalam isu kahwin dengan warga asing.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju berkenaan dengan isu apabila kaum wanita bersuamikan seorang lelaki yang bukan warganegara, bukan sahaja masalah suami tidak dapat kewarganegaraan tetapi anaknya juga akan mempunyai masalah kewarganegaraan?

Ini kerana saya mempunyai seorang kawan yang berkahwin dengan suaminya warganegara *British* semasa dia belajar dan anaknya lahir di sana, memegang pasport *British* tetapi balik ke Malaysia sekarang ini, suami dia kerja *oil and gas*, so selalu keluar negara dan sebagainya, menetap di Malaysia dan sekarang ini anaknya ada tiga orang, dua orang sudah mendapat warganegara Malaysia tetapi seorang ini tidak dapat lagi kerana proses yang sangat lama. Dia terpaksa turun naik KDN dan sebagainya untuk mengesahkan. Walaupun dia ada anak yang warganegara Malaysia tetapi anaknya yang ini tidak dapat.

So, sekarang ini setiap tiga bulan dia terpaksa keluar sebab hendak cop pasport. Setiap tiga bulan dia terpaksa keluar. Maka, adalah tidak adil sebenarnya bagi seorang wanita- kalau katakanlah lelaki warganegara Malaysia kahwin dengan orang bukan warganegara Malaysia dia dapat anak dia berstatus warganegara.

Akan tetapi apabila wanita berkahwin dengan orang yang bukan warganegara Malaysia. Dia akan mempunyai masalah anak dia ini. Maka setiap tiga bulanlah. Maka saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya untuk melihat juga status anak ini dan diberikan kemudahan kerana seorang ibu- setiap tiga bulan dia terpaksalah pergi ke Singapura, ke mana-manalah untuk semata-mata hendak cop pasport anak dia? Terima kasih, Yang Berhormat.

## ■ 1240

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih. Akan tetapi baru-baru ini saya difahamkan, dia dari mula ikut ibu.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Akan tetapi lambat tetapi...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Mungkin sebab dia dilahirkan di sana. Itu yang saya sebut tadi. Dia dilahirkan di Australia- di sana sebab dia ikut bapa, kita di sini ikut ibu. Pening, pening memikir sebab di sini ikut ibu. So, kalau dia lahir di sini, selamat. Dia lahir di luar negara sebab dia- *registration* dia akan ikut bapa. Dia daftar tidak dengan kedutaan, Kedutaan Malaysia di sana?

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Sudah.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** So, antaranya- saya pun kurang pasti benda-benda itu tetapi saya difahamkan ini- ini yang saya kata diskriminasi gender.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon pencelahan. Oleh sebab tadi Yang Berhormat Presiden ada sebut nama saya dan isu ini isu wanita, jadi saya semangatlah hendak mencelah ya. Cumanya apabila saya baca sedikit tentang peraturan dan diskriminasi antara lelaki dan wanita. Saya lihat ada perkaitan rapat untuk mengawal anak-anak dari kita daripada digunakan oleh warga asing, itu juga ada kaitan.

Jadi, saya ingin bertanya, adakah pengawalan anak dara kita daripada terlepas kepada warga asing yang digunakan ini relevan dengan peraturan yang ada ataupun kita perlu buat SOP? Contohnya, *interview* dan sebagainya untuk memastikan yang perkahwinan itu tidak ada maksud yang di sebaliknya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Itu yang kes Lombok ya?

**Puan Asmak binti Husin:** Banyak juga...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** *[Ketawa]* Tidak. Saya rasa macam ini. Dia apa- ada beberapa perkara yang mungkin ini. Saya difahamkan, kalau tidak salah saya- difahamkan sebab dahulu bila berlaku perceraian, anak di bawa balik dan sebagainya. So, dengan sebab itu, maka kita pertahankan anak ini untuk duduk di bawah ibu, bukan di bawah bapa dengan sebab-sebab tertentulah. Ada yang bawa lari ke Lombok itu satu hal, kan. Ada yang hendak pertahankan ini, yang kita tidak tahu. Akan tetapi kemungkinan besar sebab itu. Oleh sebab bila dia bercerai, dia tidak boleh bawa balik anak. Oleh sebab hendak pertahankan kaum wanita inilah. Apa yang menjadi masalah, bila hendak daftar, tidak boleh.

Saya pun bersympati sebab saya banyak kes yang kawan-kawan ataupun kawan-kawan membawa pula saudara dia untuk minta tolong kita dan kita tidak boleh hendak selesaikan masalah itu. Saya nampak ada diskriminasi sedikit di situ dan saya minta pihak kementerian kalau boleh ataupun kerajaan sendiri buat pembetulan untuk bantu. Oleh sebab yang mencari naikah kepada keluarga selalunya yang lelaki. Akan tetapi kalau lelaki dinafikan, bermakna bererti kesian kepada kaum wanita rakyat tempatan, itu satu. Kemudian, akhir sekali saya tertarik untuk menyebut tentang *smart nation* yang akan di usahakan oleh negara kita. *Smart nation* ini, saya cuma minta sebelum kita mulakan dengan *smart nation* ini, kita pastikan orang-orang kita juga *smart*.

Dahulu masa kita mula-mula buka sekolah *smart school* di Putrajaya, saya masih ingat lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini pada masa itu memberitahu dalam satu majlis. *We have the smart school, but we don't have the smart children. No smart students*, dengan izin, *but smart school*. So, sekarang ini we are talking about *smart nation*, dengan izin. Bila you cakap pasal *smart nation*, kita kena pastikan juga rakyat juga *smart*, tidak- ada *smart nation*, but you don't have a *smart people*.

Jadi, bermakna kita mestilah bekalkan rakyat kita dengan ini. Kita tidak guna jadi negara maju pun, 2020 kah, 2030 kah, negara maju pun kalau kita masih di tahap yang sama. Jadi, kita kena bekalkan, hendak bekalkan inilah kita kena buat satu persediaan yang lengkap supaya bila kita hendak menyentuh kepada *smart nation*, kita sudah bersiap sedia.

Itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah mengambil masa yang begitu panjang. Sebagai pencadang, rakan saya sat lagi akan jadi penyokong, beliau pun akan dapat waktu yang sama, cuma jangan pecah rekod saya cukuplah. Terima kasih banyak-banyak, hingga kita berjumpa lagi pada masa-masa yang akan datang. Nanti saya pun hendak mencelah juga ya. Sekian, terima kasih banyak-banyak. *Wabillahitaufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam warahmatullaahi wabarakaaatu* dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad yang telah memberi ucapan yang agak panjang lebih kurang sejam. Banyak betul ilmu yang kita dapat daripada ucapannya. Banyak benda-benda yang kita faham dan dahulunya dia marah saya.

Dia kata, saya kata, “*Kau beruban, Din*”, sekarang baru tahu. Apakah faedah uban itu? Orang beruban ini orang yang ada *wisdom*. Ha, itu dia. Pengalaman anda itu, yang itu ada *wisdom* itu. Banyak tadi ucapan dia banyak bernes dan baik-baik untuk kita tapis dan betulkan. Terima kasih itu.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin untuk menyokong dan terus berucap.

■1246 tgh.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyokong Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Majlis Mesyuarat Pembukaan Sidang Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, pada 11 Mac yang lalu, yang dibawakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memanjangkan rasa syukur dan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah menduduki takhta Yang di-Pertuan Agong yang ke-16. Ucapan tahniah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih juga di atas khidmat cemerlang Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-15, Sultan Muhammad V. Semoga jasa bakti Tuanku menjadi kepimpinan utama Persekutuan akan di kenang seluruh rakyat jelata dan diberkati serta dirahmati Ilahi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad kata jangan pecahkan rekod dia. *Insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, rekod tidak akan terpecah sebab tidak ada orang boleh lawan Presiden. Saya pun tidak ada hendak bercakap panjang tetapi hanya menyentuh beberapa perkara.

Saya juga ingin mengulas berkenaan dengan reformasi Dewan Negara. Sedikit sahaja yang telah dibawakan oleh Dato' Sri Khairudin Samad sebab memang betullah, satu reformasi dalam siri reformasi Parlimen, khususnya Dewan Negara ini perlu diperkasakan. Bukan sahaja dari segi peranan dan tanggungjawabnya tetapi dari segi pengiktirafan terhadap Ahli-ahli Senator, Ahli-ahli Dewan Negara yang merupakan sebahagian daripada sistem Parlimen negara kita, sistem demokrasi.

Apa yang ingin saya sentuh adalah cuma satu berkenaan dengan jawapan-jawapan soalan bertulis. Oleh sebab kita tengok sekarang ini walaupun kita hantar soalan-soalan kepada Parlimen, kepada kementerian-kementerian tetapi jawapan bagi soalan-soalan bertulis, biasanya kita akan dapat selepas atau pun kadang-kadang tidak dapat pun. Saya rasa selepas itu saya tidak pasti saya dapat kah tidak dapat sesi soalan-soalan bertulis.

Oleh sebab kalau boleh kita minta pihak Parlimen dan juga kementerian-kementerian melalui Parlimen untuk menyerahkan jawapan kepada soalan-soalan bertulis itu sebelum perbahasan berlaku. Supaya sekiranya jawapan-jawapan yang diberikan itu tidak menepati apa yang hendak dipersoalkan ataupun di tanya oleh Yang Berhormat Senator, boleh diperbahaskan dalam ucapan-ucapan yang akan di bawa oleh Yang Berhormat Senator sekalian. Itu sajalah satu yang saya hendak tambah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, berkenaan dengan- seterusnya saya hendak menyentuh tentang keluhuran perlembagaan. Oleh sebab Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyebut tentang keluhuran Perlembagaan Negara. Kalau kita tengok keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara merupakan inti pati penting dalam memastikan kedaulatan dan keharmonian negara.

Justeru, sebarang pelanggaran prinsip Perlembagaan Malaysia akan mencetus ketidakharmonian sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Sejak akhir-akhir ini, terdapat beberapa isu yang melibatkan ratifikasi triti antarabangsa seperti ICERD, *Rome Statute* dan desakan-desakan kumpulan minoriti yang mendesak kebebasan bersuara melangkaui ketetapan Perlembagaan Malaysia yang telah termaktub kukuh dalam Perkara 3, agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan Perkara 152, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

#### ■1250

Saya melihat kecenderungan segelintir kumpulan dan mungkin juga anggota pentadbiran kerajaan yang jelas tidak menghormati prinsip Perlembagaan Malaysia mesti diperbetulkan segera agar keharmonian negara terpelihara. Kita lihat ia seolah-olah triti antarabangsa ataupun ratifikasi yang dibuat oleh UN ini, dengan izin, *supersede* Perlembagaan Negara, sebab apa? Kita hendak meratifikasi ICERD, sebagai contoh, dan ratifikasi Statut Rom tetapi ada yang mengatakan bahawa ia bercanggah dengan Perlembagaan Negara dan menimbulkan ketidakselesaan ramai rakyat Malaysia.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan berhubung dengan beberapa perkara berikut.

Pertama, berkenaan dengan Statut Rom. Walaupun telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang tidak berlakunya ratifikasi ini tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh manakah Kerajaan Pakatan Harapan dan Peguam Negara membuat tafsiran terhadap Perkara 4, 32, 38(4) dan 181, serta 182- Perlembagaan Malaysia apabila memberikan kelulusan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menandatangani Statut Rom sedangkan terdapat pencegahan nyata bagi perkara yang disenaraikan dalam Perlembagaan Negara dan menjelaskan jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu?

Ini kerana saya difahamkan oleh Menteri Luar Negeri yang dahulu tentang kenapa kerajaan yang lama tidak menandatangani Statut Rom. Ini kerana apabila beliau merujuk kepada Peguam Negara pada ketika itu mengatakan bahawa Statut Rom adalah bercanggah dengan Perlembagaan Negara. Akan tetapi pada hari ini, kerajaan sekarang ini bercadang untuk menandatangani Statut Rom kerana mengatakan bahawa ia tidak bercanggah.

Maka kita hendak tanya kepada kerajaan, melihat perkara-perkara ini dalam mendefinisikan terma-terma tersebut, sejauh manakah kerajaan bercadang mungkin untuk merujuk kepada Mahkamah Persekutuan yang mempunyai *locus standi* dan fungsinya bagi menginterpretasikan Perkara-Perkara 4, 32, 38(2) dan 181 serta 182 Perlembagaan Malaysia agar tidak lagi wujud polemik yang memuktamadkan isu Statut Rom, ICERD dan sebagainya?

Ini kerana kita hendak tahu juga sebab kita pun sebagai rakyat Malaysia dan sebagai warganegara Malaysia, kita pun tidak mahu tertinggal juga dengan segala ratifikasi dan juga perkara-perkara yang melibatkan triti antarabangsa. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita perlu juga menjaga kedaulatan dan juga Perlembagaan Negara kita. Maka kita hendak tahu apa sebenarnya definisinya supaya menamatkan segala spekulasi, segala ketidakselesaan rakyat dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya juga hendak bertanya berkenaan dengan keluhuran Perlembagaan Negara ini tentang Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Saya hendak bertanya, sejauh manakah komitmen dan setakat yang paling praktik bahawa Kerajaan Pakatan Harapan memastikan penggunaan Bahasa Melayu perlu diwajibkan dalam semua urusan rasmi atau tidak rasmi kerajaan dan semua anggota kerajaan perlu mematuhiinya tanpa sebarang pengecualian bersesuaian dengan Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan?

Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat memartabatkan Bahasa Kebangsaan ini amat kurang dalam kerajaan yang ada sekarang. Apabila kerajaan telah mengumumkan beberapa program kerajaan dengan penggunaan bahasa-bahasa yang bukan Bahasa Melayu, contohnya "*Impact*", contohnya "program Genius" yang seolah-olah tidak ada Bahasa Kebangsaan, yang kita tidak ada Bahasa Melayu yang boleh dimartabatkan.

Selain daripada itu, saya lihat baru-baru ini- bukannya sekali saya rasa. Banyak kali sebenarnya. Dua, tiga tempat apabila saya- sebagai contoh, saya pergi ke klinik membawa anak saya yang berumur tiga tahun. Sementara menunggu doktor memanggil, saya melihat brosur-brosur yang diletakkan di kaunter. Brosur tentang iklan susu, iklan imunisasi dan sebagainya tetapi saya tidak bawa pula hari ini. Pada brosur-brosur tersebut, hanya menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Tidak ada Bahasa Melayu dalam brosur tersebut. Itu satu di klinik.

Saya juga melihat ada satu *center*- sebab setiap minggu anak saya yang berumur tiga tahun itu dia pergi ke *art class* seminggu sekali. Brosur *art class* itu juga tidak mengandungi Bahasa Kebangsaan, hanya bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin.

Maka, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh manakah kerajaan melihat keluhuran Perlembagaan Negara ini khusus dalam bahasa kebangsaan dapat diperkasakan dan dipertingkatkan? Sebab apa, saya rasa kalau kita sendiri sebagai kerajaan tidak memartabatkan Bahasa Kebangsaan, siapa lagi yang hendak buat? Sebab saya rasa bukannya sekarang sahaja saya menyuarakan tentang isu bahasa kebangsaan tetapi dalam perbahasan saya sebelum-sebelum ini juga pernah menyentuh tentang pentingnya penggunaan Bahasa Kebangsaan dan juga Akta Kebangsaan sebab itu adalah identiti negara kita.

Kita pergi Thailand, kita tengok bahasa Thai merata-rata. Kita pergi Jepun, kita pergi Jerman- semua. *Even in German*, dengan izin, di Jerman mereka tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa mereka tetapi mereka memartabatkan bahasa mereka sebagai identiti kepada bangsa dan negara mereka.

Maka, kita hendak lihat sejauh manakah kerajaan dapat memperkasakan keluhuran Perlembagaan ini terutamanya kita lihat sekarang ini banyak program kerajaan yang menggunakan bahasa-bahasa yang bukan bahasa kebangsaan.

Seterusnya, saya juga ingin bertanya tentang ini. Bagaimanakah kerajaan hendak memastikan tidak ada campur tangan anggota kerajaan yang bukan Muslim dalam mengendalikan apa-apa urusan berkaitan dengan agama Islam? Agar isu keresahan umat Islam di Malaysia terus dipelihara. Ini penting kerana isu, contohnya, Tuan Yang di-Pertua, isu kendalian SPV pemindahan aset Tabung Haji yang dikendalikan oleh Prokhas yang diketuai oleh CEO bukan Muslim merupakan episod malang bagi semua umat Islam di Malaysia. Ini kerana kecualian dan sikap tidak sensitif kerajaan dalam akta dan perundungan institusi Islam dan orang Muslim dan Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan. Maka kita hendak tanyalah tentang keluhuran Perlembagaan, sejauh manakah kerajaan hendak mengangkat keluhuran Perlembagaan ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara di bawah KDN berkenaan dengan kes jenayah komersial dan juga jenayah juvana. Peningkatan kes-kes jenayah komersial dan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) amat meresahkan masyarakat kini. Dalam persekitaran global tanpa sempadan dan *financial technology- fintech*, kerugian besar oleh mangsa memerlukan perhatian serius Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan agensi penguatkuasaan seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, berapakah kes-kes jenayah komersial dan penggubahan wang haram, pembiayaan aktiviti keganasan dan hasil aktiviti haram yang dilaporkan dan disiasat oleh PDRM pada tahun 2018 dan 2019? Ini kerana saya tengok sekarang ini kalau apa-apa pendakwaan berkenaan SPRM dan sebagainya, semua berkenaan dengan AMLA. So, kita hendak tahu lah berapa banyak kes yang telah dilaporkan, telah disiasat dan berapakah jumlah hasil kerugian terkumpul dari aktiviti jenayah komersial dan AMLA tahun 2018 dan 2019.

Menyentuh tentang AMLA, saya juga hendak bertanya kepada PDRM sebab kalau kita tahu, mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu telah didakwa di bawah AMLA dan saksi utamanya kita tahu adalah Jho Low. Saya hendak bertanya, berapakah sebenarnya kos oleh PDRM dalam menyiasat kes-kes yang melibatkan 1MDB dan juga beberapa personel yang masih gagal ditangkap dalam kes 1MDB dan SRC? Sebab, kita bawa perbicaraan ini di mahkamah tetapi saksi utama tidak dapat lagi dikesan.

Saya juga dimaklumkan puluhan juta telah dibelanjakan oleh kerajaan dalam kes mencari Jho Low ini. Maka kita hendak tanya, berapa banyak yang sebenarnya kerajaan sudah belanjakan dalam kes ini, dalam mencari saksi utama? Bagaimanakah kerajaan secara strategik dengan PDRM dan Interpol dalam memastikan pesalah-pesalah jenayah komersial dan AMLA ini ditangkap dengan kadar segera?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jenayah juvana. Kejadian jenayah yang melibatkan kanak-kanak yakni juvana amat membimbangkan masyarakat awam. Justeru, kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia perlu memastikan program *correctional* bagi pesalah sabitan kes juvana amat berkesan dan membimbing semua mereka ini dan memastikan pembelajaran mereka dipelihara.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah banduan muda dan penghuni kanak-kanak juvana di setiap institusi penjara Malaysia hingga April 2019? Berapakah jumlah tahanan limpah Yang di-Pertuan Agong ataupun sultan, Yang di-Pertua Negeri yang direkodkan sehingga April 2019? Sebab, kita tahu banyak juga kes yang melibatkan kanak-kanak. Sebagai contohnya, kes pembakaran tahliz baru-baru ini yang mana melibatkan suspek yang berumur 11 hingga 18 tahun yang sepatutnya pendakwaan dibuat di bawah hukuman mati tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat boleh sambung selepas ditangguhkan pada pukul 2.30 petang ya. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin.

Pagi ini saya masuk ke Dewan, Ahli Yang Berhormat, hati saya lega. Lega sebab seolah-olah banyak masalah diselesaikan. Itu rasa saya. Sekarang saya berhadapan dengan Ahli Yang Berhormat yang bijaksana dan terbaik ya.

Itu sebab saya hendak beritahu juga bahawa pemimpin yang tersohor adalah bijak. Jasa baktinya sentiasa disanjung. Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung. Itulah saya hendak beritahu ya... [Tepuk]

Dengan ini juga, jam sudah pukul 1 lebih dan saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

■1430

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Setiausaha. Sambung perbahasan. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah.

### 2.32 ptg.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyambung perbahasan saya. Tadi kita berhenti berkenaan- saya tengah menyentuh tentang jenayah juvana.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat banyak sekarang ini kejadian jenayah yang melibatkan kanak-kanak juvana dan ia amat membimbangkan masyarakat secara awam. Justeru, kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia perlu memastikan program *correctional* bagi pesalah sabitan kes juvana amat berkesan dalam membimbing semua mereka ini dan memastikan pembelajaran mereka dipelihara. Maknanya melalui pembelajaran mereka semasa berada di dalam tahanan.

Soalan saya tadi kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah Banduan Muda dan Penghuni kanak-kanak/juvana, di setiap institusi penjara Malaysia hingga April 2019? Berapakah jumlah Tahanan Limpah Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Yang di-Pertua Negeri yang direkodkan sehingga April 2019? Ini kerana kita tahu, Tahanan Limpah ini adalah merupakan tahanan kerana hukuman mati tidak boleh dijatuhan ke atas kanak-kanak yang melakukan jenayah yang membawa hukuman mati dan ia digantikan dengan perintah penahanan di penjara selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Bagaimanakah aspek pengendalian pendidikan berterusan terhadap kanak-kanak juvana ini, Banduan Muda dan Tahanan Limpah Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Yang di-Pertua Negeri? Sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam membantu pesalah kes juvana menyiapkan diri mereka apabila mereka dibebaskan? Ini disebabkan kita tahu sekarang ini semakin banyak kes yang melibatkan kanak-kanak dan juvana dan kita hendak tahu bagaimanakah kerajaan membantu mereka semasa dalam tahanan bagi memastikan kesinambungan pendidikan mereka.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ini menyentuh tentang pengiktirafan UEC yang saya kira ia polemik yang berterusan. Baru-baru ini reda sekejap dan baru-baru ini ditimbulkan semula berkenaan dengan UEC ini. Ini disebabkan kita tengok dengan pengiktirafan UEC yang diumumkan sebelum ini, ia bukan sahaja menidakkann Akta Pendidikan Kebangsaan tetapi ia juga menyebabkan berlaku situasi tidak adil kepada pelajar bukan Melayu yang memilih sistem pendidikan kebangsaan.

Maka, apabila kerajaan bercadang untuk mengiktiraf UEC ini melalui *announcements* yang telah diumumkan, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, setakat ini, apakah pendirian dan ketetapan Jemaah Kabinet dan Menteri Pendidikan? Apakah pula pendirian Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 berhubung pengiktirafan UEC ini agar ia mematuhi kehendak *paragraph 4*, dan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, dan Akta Pendidikan 1996?

Keduanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri merujuk isu pengiktirafan UEC ini kepada Mahkamah Persekutuan agar polemik UEC diputuskan secara muktamad berdasarkan Perlembagaan Malaysia dan Akta Pendidikan 1996? *Again*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sering kali perkara-perkara ini timbul kerana berlakunya *the interpretation of the law* itu.

Kadang-kadang kita membenarkan masyarakat dan rakyat untuk menginterpretasikan sesuatu perkara. Sebab itu kita- adakah kerajaan bercadang untuk merujuk semula kepada punca kuasa ataupun penjelasan daripada pihak Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan perkara-perkara yang agak sensitif sebab saya kira sekarang ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua... *[Rakaman kurang jelas]* Agak terasa di bawah sana dengan pengumuman, dengan ketidaksensitifnya kerajaan terhadap beberapa perkara khususnya apabila ia melibatkan Perlembagaan Persekutuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh tentang keresahan rakyat terhadap ekonomi negara sebab kita tengok kemerosotan prestasi ekonomi Malaysia amat meresahkan rakyat. Berdasarkan laporan Bloomberg, pelaburan asing sebanyak USD8 bilion yakni RM34 bilion akan ditarik balik dari Malaysia apabila Malaysia dinyahsenaraikan dari *index global FTSE Russell* setelah bon kita diturunkan penarafan. Lebih parah, dana USD sebanyak USD1.9 bilion, yakni RM8 bilion dari Tabung Negara Norway akan dikeluarkan dari pasaran bon Malaysia. Walaupun kita tahu bahawa *it's a decision from the Norway*, adalah negara kerana dia mengeluarkan juga bon ini di negara-negara yang lain, tetapi kita hendak tanya kepada kerajaan, sebab kita lihat ini bermakna, dana pelaburan asing sebanyak RM42 bilion, pelaburan asing akan mengalir keluar lagi daripada bulan-bulan yang akan datang.

Ini memberi gambaran kehilangan daya upaya pasaran ekonomi apabila kedua-dua FTSE Russell dan Norway yang selama ini mempercayai Malaysia, secara konsisten lebih daripada 10 tahun menyokong pasaran Malaysia tetapi kini telah mengalir keluar pelaburan mereka. Maka kita hendak bertanya kepada pihak Kementerian dan juga Menteri Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, apakah langkah konstruktif bagi menangani tekanan ke atas ekonomi negara dan mata wang ringgit yang telah menerima giliran *Asia's Worst Currency* untuk bulan ini Tuan Yang di-Pertua, dengan izin?

Maka sejauh manakah langkah-langkah mitigasi dan peranan yang lebih signifikan yang boleh dimainkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi yang ditubuhkan pada Februari 2019? Apakah impak terhadap penurunan nilai mendadak ekuiti milikan kerajaan dalam syarikat-syarikat pelaburan kerajaan dan institusi pelaburan strategik kerajaan dalam menangani prestasi merudum ini?

Ini disebabkan kita kira isu ataupun persoalan berkenaan dengan prestasi dana dan juga pelaburan ini memang sering kali diperbincangkan. Maka kita hendak tahu langkah-langkah kerajaan sebab kita tidaklah mahu hanya hendak mendengar tentang penurunan dan nilai dan alasan-alasan menyalahkan kerajaan lama dan sebagainya. Akan tetapi kita hendak tahu apakah *the way forward*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah konstruktif yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan supaya masalah dan keresahan rakyat ini dapat kita atasi dan pengumuman yang lebih positif yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan prestasi ekonomi juga, berkenaan dengan pelaburan, saya juga ingin hendak bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimanakah langkah mitigasi juga yang dapat dilaksanakan agar mengukuhkan nilai pasaran dan operasi pelaburan yang khusus kepada ASB1 dan ASB2?

#### **■1440**

Oleh sebab kita tahu prestasi pelaburan wang deposit rakyat dalam Tabung Haji, Amanah Saham Bumiputera serta pelaburan Amanah Hartanah Bumiputera perlu diberikan penekanan. Ini kerana tabung-tabung amanah pelaburan inilah merupakan aset dan ekuiti bumiputera yang paling berkesan dalam menjana pendapatan tahunan kepada rakyat.

Kemerosotan ekonomi semasa sudah pasti akan menjelaskan prestasi bayaran dividen dan pulangan tunai kepada pelabur bagi perakaunan tahunan tahun 2019. Oleh sebab ramai sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, makcik-makcik ataupun warga-warga emas khususnya menyimpan kewangan mereka di dalam Tabung Haji dan di dalam ASB dengan mengharapkan pulangan dividen yang sepatutnya tetapi tidak dapat pulangan itu kerana duit itulah yang kadang-kadang dia gunakan dalam masa tempoh setahun hasil daripada tabungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan pelancongan taman tema. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan pelancongan khususnya berkenaan dengan pelancongan taman tema. Negara kita Malaysia mempunyai tarikan bertaraf dunia iaitu Legoland di Johor. Saya ada terbaca menurut laporan *Tourism Malaysia 2017*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*Iskandar Malaysia is poised to become a regional theme park hub in the country*" dengan izin. Memang kita lihat kalau kita pergi ke Johor memang banyak pelaburan berkenaan dengan taman tema seperti *Puteri Harbour, Play Park Hello Kitty* dan juga *Legoland* khususnya.

Maka, pelaburan Khazanah dalam syarikat taman tema seperti ini akan menjadikan lokasi taman tema ini sebagai satu *catalyst* dalam *venue* pelancongan Malaysia. Malang sekali, saya dapat kerajaan tidak serius dalam menjadikan perniagaan taman tema ini kerana kita lihat ia tidak dijaga secara profesional dan aset-aset ini tidak diselenggarakan dengan baik serta mewujudkan dasar dan ketetapan perundangan agar isu eksloitasi dan manipulasi pasaran tidak berlaku.

Ada juga terdapat ura-ura *Legoland* milik Khazanah di Nusajaya juga akan dijual kepada pelaburan yang berminat. Soalan saya, sejauh manakah rancangan Khazanah untuk menjual taman tema ini? Apakah statusnya kini? Apakah perancangan kerajaan seterusnya melalui Iskandar Malaysia atau *Iskandar Regional Development* bagi memastikan perancangan menjadikan Iskandar Malaysia sebagai pusat pelancongan taman tema. Saya juga ingin hendak bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya tentang bagaimakah operasi taman tema, kawal selia, urus niaga dan perkhidmatan yang ditawarkan dapat dijadikan satu perundangan berkanun di bawah siri perundangan Malaysia agar operasi taman-taman tema di Malaysia lebih selamat dan tidak dieksloitasi pengguna.

Kalau kita tengok dekat United States kita ada *Amusement Park Law* dan banyak juga kes-kes yang berlaku di taman-taman tema yang hanya dipantau oleh jabatan-jabatan di bawah kementerian yang berbeza. Maka kita hendak bertanya sama ada adakah kerajaan bercadang untuk menyatupadukan atau menyelaraskan siri perundangan untuk taman tema ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh berkongsi berkenaan pengalaman saya di Legoland Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai satu taman tema yang bertaraf dunia, Legoland, meletakkan Malaysia di salah satu di dalam peta dunia. Akan tapi apabila kita pergi ke Legoland Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat penyelenggaraan di Legoland itu tidak seperti taman-taman tema di dunia lain. Kalau kita pergi ke *Universal Studio* di *Singapore* di sebelah ataupun di mana-mana taman tema yang lain nampak *the standard* taman tema bertaraf dunia. Akan tetapi kalau kita pergi ke Legoland, tempat *parking* ia adalah panas, jauh dan masa hendak bayar *parking* Tuan Yang di-Pertua, *parking machine* itu berkarat. Keduanya, saya rasa dekat situ ada empat atau tiga tapi hanya satu atau dua saja yang berfungsi hendak bayar *parking*.

Kalau tengok *miniature* di Legoland tersebut agak lusuh dan tidak dikawal selia dengan elok. Berbanding kalau kita pergi ke negara-negara lain kalau kita pergi Disneyland, di Hong Kong sekalipun ataupun kalau kita pergi USS di Singapura, nampak perbezaannya. Ini hendak jalan masuk *parking* Tuan Yang di-Pertua, daripada *parking* itu kalau seingat saya pergi *parking* itu hendak pergi ke hendak menuju jalan pergi ke pintu utama di tepi-tepiinya ada apa yang kalau *construction the welding* yang penutup itu dengan pokok-pokok yang semaklah orang kata. Makna memberi *impression* yang tidak elok. Maka kita hendak tanyalah, bagaimakah penyelenggaraan dilaksanakan di bawah untuk Legoland ini secara khususnya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan teknologi 5G. Tadi saya ada bertanya juga kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi apa yang saya hendak kemukakan ini adalah berkenaan dengan teknologi telekomunikasi 5G itu sendiri. Pada hujung minggu yang lalu telah diadakan Pameran Teknologi Mudah Alih Generasi Kelima (5G) di Putrajaya.

Kita lihat teknologi ini akan menjadi satu *catalyst* kepada pembangunan IoT di negara ini dan seterusnya menggalakkan rakyat khususnya usahawan dan pemain industri dalam meneroka potensi ekonomi zaman digital. Namun begitu, kita sedia maklum yang teknologi 5G ini dimiliki oleh syarikat telekomunikasi dari China dan terdapat beberapa negara telah mempertikaikan teknologi 5G ini atas faktor keselamatan siber.

Amerika Syarikat sebagai contohnya tidak akan membenarkan syarikat telekomunikasi Amerika untuk membeli alatan teknologi dari syarikat China yang diumumkan ialah Huawei dan ZTE. Di UK dan Jerman sedang mempertimbangkan untuk mengadakan larangan yang sama malahan Australia dan New Zealand telah juga mengikut langkah yang sama seperti Amerika dengan tidak membenarkan syarikat telekomunikasi Huawei dan ZTE membekalkan peralatan 5G.

Maka saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah status laporan terkini daripada MCMC dan agensi CyberSecurity Malaysia berhubung dengan alatan 5G Huawei yang mungkin mengancam keselamatan dalam negeri dan pertahanan negara.

Kedua, sejauh manakah pelan dan hala tuju kerajaan dari segi *roll out plan* teknologi 5G ini, bidaan dan syarikat telekomunikasi kawal selia siber sekuriti dan pengurusan risiko keselamatan teknologi 5G ini. Bagaimanakah kerajaan memastikan bahawa pelaburan dalam teknologi 5G ini tidak membebankan pengurusan fiskal kerajaan dan *rolling out* teknologi ini setanding dengan negara serantau.

Oleh sebab kita tahu bahawa kalau katalah syarikat telekomunikasi hendak membina teknologi itu, saya difahamkan lebih kurang memakan belanja RM10 bilion. Sekiranya kerajaan hendak membuat pelaburan terhadap infrastruktur itu, berapakah jumlah... [Rakaman kurang jelas] Kemungkinan yang kerajaan perlu belanjakan? Apakah perancangan pihak kerajaan untuk melaksanakan *rolling out plan* untuk teknologi 5G ini? Adakah dengan *rolling out* teknologi 5G ini jurang digital antara bandar dan luar bandar dapat dirapatkan secara signifikan dan kadar penembusan digital lebih laju serta caj perkhidmatan ini mampu dibayar oleh kumpulan B40.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong dalam merasmikan Sidang Parlimen pada Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas 11 Mac yang lalu. Hamba patik mendoakan agar seruan dan titah nasihat Tuanku akan menjadi panduan kepada Kerajaan Pakatan Harapan mentadbir Malaysia ke arah lebih gemilang dan adil dalam meraikan Demokrasi Berparlimen di Malaysia. Hamba patik menjunjung kasih kepada Tuanku Yang di-Pertuan Agong dan Tuanku Permaisuri di atas pelantikan Yang di-Pertuan Agong Keenam Belas. Moga berkat kebijaksanaan dan pengalaman Tuanku akan memayungi rakyat Malaysia seluruhnya. Ampun Tuanku saya mohon menyokong. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis suatu Usul berbunyi bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya,

"Ampun Tuanku,

*Patik, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih ke atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku semasa membuka Penggal Kedua, Majlis Parlimen Keempat Belas dikemukakan kepada Majlis sekarang dan terbuka untuk di bahas."*

**■1450**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa perbahasan adalah dari 22 April hingga 25 April. Empat hari diperuntukkan untuk perbahasan Titah Diraja dan jawapan oleh Menteri-Menteri bermula daripada hari Isnin, 29 April hingga 6 Mei, tiga hari.

So, hari ini hari pertama. Kita ada nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah kemukakan nama. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum kemukakan, sila kemukakan supaya kita boleh mengatur masa yang sesuai bagi semua Ahli Yang Berhormat untuk berucap.

Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Silakan.

**2.50 ptg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berbahas terhadap Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Persidangan Parlimen Kali Keempat Belas, Penggal Kedua di Dewan Rakyat pada 11 Mac 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalau-alukan, berterima kasih dan mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan persidangan Parlimen lalu memberi perhatian dan saran-saran penting demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Peringatan dan saranan Yang di-Pertuan Agong mengenai jaminan kestabilan ekonomi dan politik negara, menjamin keamanan dan menjunjung Keluhuran Perlembagaan terutamanya menyentuh sistem Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan, kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, serta Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan sangat disanjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selain isu sosial, kemiskinan, kos sara hidup yang banyak diperkatakan sehingga kini, saya ingin menyatakan keimbangan, apakah Malaysia baharu membolehkan kata nista, cerca dan mempertikaikan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Berkaitan dengan ini, saya mencadangkan agar pihak berkuasa tidak memberi muka dan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang sengaja menimbulkan kekecohan dan kritikan tidak berasas kepada perkara sedemikian. Pihak berkuasa jangan tunduk kepada desakan pihak yang cuba membela mereka yang sengaja membuat onar. Mereka perlu dikenakan tindakan tegas kerana mengancam keamanan dan kestabilan negara. Perkara seperti ini tidak boleh ditolak ansurkan. Persoalan saya, apakah kerajaan tidak bercadang untuk menggubal akta yang keras khususnya kepada pesalah yang menghina agama Islam dan juga Bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalau-alukan pembersihan terhadap Tabung Haji sama ada daripada segi struktur pentadbiran mahupun pemilikannya. Tabung Haji yang ditubuhkan dengan hasrat suci murni untuk mempermudah umat Islam menuaikan haji perlu dijaga dan dikekalkan fungsinya.

Soal pelaburan, perniagaan, kerjasama strategik dengan bidang-bidang lain adalah tambahan yang perlu diuruskan dengan baik dan berkesan. Saya mencadangkan supaya subsidi bersasar kepada mereka yang kali pertama menunaikan haji khususnya kumpulan B40 hendaklah dikekalkan. Malah jika Tabung Haji mencapai keuntungan yang baik dan tidak membebankan, subsidi wajar ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks membela bumiputera khususnya dalam perniagaan dan keusahawanan, kerajaan perlu melihat semua perkara berkaitan peluang dan juga kontrak. Kerajaan perlu ada dasar yang jelas untuk bumiputera di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Peluang untuk bersaing mestи diwujudkan. Perlu ada dasar yang membuka peluang dan melindungi hak-hak serta dasar yang lebih *affirmative*.

Oleh kerana jurang perbezaan ekonomi antara kaum semakin meluas hasil pusaka terdahulu yang terpaksa ditanggung kini, maka beberapa kementerian khususnya Kementerian Kerja Raya yang menjadi penyelaras kontrak besar untuk pembinaan infrastruktur perlu membuka ruang yang sewajarnya bagi bumiputera.

Kita tidak mahu dasar terbuka Kerajaan Pakatan Harapan menyisih bumiputera. Ini kerana mereka masih menjadi golongan majoriti di negara kita. Malah jelas sekali di Sabah dan Sarawak, kedudukan mereka dijamin oleh Perlembagaan negeri dan jangan ada pengkhianat kepada kepentingan bumiputera di dua negeri berkenaan selain daripada Semenanjung. Sokongan bumiputera kepada sistem politik dan keamanan negara perlu dibalas dengan dasar-dasar *affirmative* yang sewajarnya. Justeru itu, maka saya mencadangkan Kementerian Kewangan supaya kontrak rundingan terus dan selektif tender khusus untuk bumiputera diwujudkan.

Saya juga suka mencadangkan supaya projek kecil di kampung. Contoh, projek inden RM20 ribu, dapatlah untung kata mereka RM2 ribu. Dalam suasana sekarang mereka tanya RM2 ribu, Tuan Yang di-Pertua hendak makan apa? Anak 10 orang, bini satu. Kalau isteri empat, jadi anak 40 orang. Untung RM2 ribu. Tidak boleh cari makan. So, dia minta saya cadangkan supaya projek inden dinaikkan dari RM20 ribu kepada RM50 ribu manakala projek Kelas G1 iaitu Kelas F dinaikkan dari RM200 ribu kepada RM500 ribu. Sekurang-kurangnya kita akan melihat, kita mahu melihat dua, tiga orang muka baru dari kalangan bumiputera tersenarai dalam OKM iaitu orang kaya Malaysia dalam tempoh lima tahun pemerintahan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin utarakan keluh kesah nelayan pantai terutamanya dari negeri Terengganu yang mana kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka tidak bertanya Bantuan Sara Hidup tetapi mereka bertanya kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Mereka perlukan lesen sampan dan peralatan yang masih sukar untuk dapat. Sanggup mereka ke laut dengan tidak berlesen sehingga ada yang tertangkap dan dilokap. Jadi, saya mohon kepada pihak kementerian supaya Jabatan Perikanan mempermudah kelulusan permohonan lesen sampan dan perlu buat pemutihan kepada pemilik lesen yang tidak aktif dan bagi peluang kepada orang lain yang memerlukan.

Kedua, kita minta pihak berkuasa mengeluarkan lesen pukat tunda pada musim tengkujuh kepada nelayan zon 'A' dari bulan November hingga Februari di mana pada ketika itu Tuan Yang di-Pertua, udang begitu banyak masuk ke pesisir pantai dan tidak ada peralatan penangkapan lain kecuali pukat yang saya sebutkan tadi, pukat tunda persisiran pantai. Oleh sebab itu, pihak berkuasa perlu mengambil kira apa-apa yang diminta oleh pihak nelayan pesisir pantai.

Ketiga, lesen pukat jerut kecil kepada nelayan bagi menangkap ikan-ikan yang bergred 'A', bergred tinggi seperti ikan gerong, ikan ebek, ikan bawal dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, negara-negara lain seperti India dan Indonesia pun menggunakan sampan dan peralatan yang sama untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa perlu sentiasa menjalankan rondaan supaya pencerobohan pukat tunda lesen 'B', 'C' dan C2 ke pesisir pantai dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kerap kali dijemput dan bersiaran pagi dengan RTM Terengganu yang terletak di atas Bukit Pak Apil, Cherong Lanjut. Staf sentiasa ceria dan bersemangat walaupun kedudukan RTM tidak lagi sesuai dan perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa.

#### ■1500

Kawasannya agak sempit, sukar untuk adakan program besar serta masih lagi kekal dengan bangunan lama yang didirikan seawal tahun 1970. Beberapa studio dan auditorium kecil sedia ada tidak mampu menerima kehadiran pengunjung yang berskala besar, puratanya tiga hingga lima kali sebulan lawatan sekolah dan IPT dari dalam dan luar Terengganu. Kedudukannya juga menyukarkan pelawat untuk ke RTM. Bas tak boleh sampai kerana laluan jalannya sempit serta berselekok tajam, sangat-sangat berbahaya. Bukan sahaja sukar kan pelawat, tetapi sangat bahaya terutama kepada kakitangan yang bertugas pada awal pagi dan lewat malam sehingga ada yang terserempak dengan binatang liar dan berbisa.

Tuan Yang di-Pertua, RTM adalah nadi serta sumber maklumat kerajaan kepada rakyat dan sebagai tempat pendedahan pembelajaran berkait dengan dunia penyiaran. RTM Terengganu menjadi tumpuan pelawat selepas musim peperiksaan. Kebanyakan RTM seperti Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan beberapa negeri lain telah pun memiliki kompleks penyiaran yang lebih besar dan selesa.

Justeru itu, saya mohon supaya RTM Terengganu dipindahkan di satu lokasi yang sesuai, luas dan selesa kepada semua. Apakah kementerian masih lagi menggunakan sistem analog? Bilakah sistem digital akan diguna pakai sepenuhnya di stesen seluruh daerah negeri Terengganu?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu segerakan formula atau kaedah yang termampu kepada pemutang untuk bayar hutang PTPTN. Sejumlah 80 peratus daripada pemutang bersedia untuk membayar, manakala pembangkang sentiasa meratib menghasut siang malam, pagi petang ke seluruh pelosok negara dengan fitnah kerajaan akan hapuskan PTPTN sekiranya menang PRU14.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang berjanji untuk menghapuskan PTPTN ialah PAS dalam manifesto yang ke-14, bukan Kerajaan Pakatan Harapan. Bila kita cadang supaya langsaikan untuk anak Terengganu kerana kerajaan mendapat royalti, dia marah ke kita sehingga tak cukup media. Jadi, tujuan kita adalah supaya beliau merasai janji-janji dalam manifesto ditunaikan. Walaupun tidak mendapat memerintah negara, tetapi mendapat perintah negeri.

**Seorang Ahli:** Dapat royalti mana?

**Datuk Razali bin Idris:** Royalti dah dapat, RM1 bilion lebih. Apa salahnya kalau langsaikan untuk anak Terengganu? Bukan kita kata ke Kelantan, Kelantan belum lagi. Terengganu boleh cuba langsaikan PTPTN seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan di sebelah sana.

Jadi di sini, saya ingin cadangkan kaedah sesuai setelah melihat suasana yang agak riuh di ketika ini. Cadangan saya yang pertama, semua yang berpendapatan di bawah RM2,000 dikecualikan membayar. Ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada Bajet 2019 dan wajar diteruskan.

Kedua, kadar bayaran seharusnya berdasarkan kemampuan iaitu mengikut tangga gaji selepas daripada RM2,000. Gaji rendah, peratusannya kadar rendah. Gaji tinggi, peratusnya tinggi. Ini lebih adil seperti sistem cukai pendapatan kita sekarang. Ia juga diamalkan di Australia dan didapati berkesan, dikenali sebagai *Income Contingent Loan Repayment*. Akan tetapi untuk jangka masa panjang, usaha sewajarnya ke arah menggalakkan menabung agar rakyat tidak bergantung kepada hutang untuk belajar. Apa pun, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan dan warga PTPTN kerana berjaya kutip simpanan pendidikan tertinggi sebanyak RM1.3 bilion dalam rekod 21 tahun ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, Terengganu mempunyai dua Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) iaitu satu di Kuala Nerus dan satu di Kuala Terengganu. Di Kuala Terengganu, ia ditubuhkan seawal tahun 1951 dan telah melahirkan puluhan ribu jururawat yang cekap serta kompeten, tetapi direncanakan tutup menjelang 2020 dalam Pelan Integrasi ILKKM. Soalan saya, apakah kewajaran penutupan kedua-duanya sekali?

Kedua, cadangan saya supaya ia disatukan dan dinaikkan taraf sebagai *Center of Learning* untuk bahagian Pantai Timur. Saya sebenarnya sudah menghantar surat dan cadangan kepada Yang Berhormat Menteri. Agak lama tetapi senyap, tiada respons. Saya minta kenyataan di dalam Dewan yang mulia ini dapat dijawab dengan sempurna, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, warga pantai timur khususnya rakyat Terengganu menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir untuk meneruskan ECRL. Pembinaan enam stesen termasuk di Chukai, Kemasik, Dungun, Pengkalan Berongan dan Kampung Raja sebagai tanda kecaknaan kerajaan kepada rakyat dan membuktikan rakyat Terengganu tidak pernah dianaktirikan.

Secara tidak langsung, ia akan dapat membantu ekonomi rakyat setempat dengan melahirkan lebih ramai lagi usahawan sama ada besar ataupun kecil dan bakal terlibat sekali gus merancakkan industri sampingan termasuk inap desa dan perniagaan runcit di kawasan terabit.

Ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membatalkan projek pada Ogos 2018 memaksa pihak terabit kembali ke meja rundingan, seterusnya dapat mengurangkan kos sebanyak RM21.5 bilion serta pertambahan tenaga kerja tempatan kepada 40 peratus berbanding 30 peratus sebelum ini. Ini membuktikan kebijaksanaan pemegang taruh negara iaitu Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir, manakala pemimpin terdahulu tidak.

Justeru itu, Malaysia kini terhindar daripada perangkap hutang dan kos yang melambung hingga membebankan negara dan rakyat. Persoalan yang ada di sini, berapakah peratusan kerajaan memperuntukkan penglibatan bumiputera dalam projek ECRL?

Kedua, adakah tender rundingan terus dan selektif bagi pakej projek ECRL khususnya untuk kaum bumiputera akan diwujudkan?

Ketiga, kita memohon kerajaan nyatakan jangka masa perjalanan dan berapa harga tiket dari stesen ke stesen atau apakah kaedah yang diguna pakai untuk tentukan harga tiket.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kementerian dan jabatan perlu memainkan peranan dengan berkesan dan jangan ada mereka yang cuba sabotaj terhadap dasar-dasar yang melibatkan kepentingan kehidupan masa kini dan masa hadapan. Selepas hampir setahun Kerajaan Pakatan Harapan memegang tumpuk pemerintahan negara menggantikan kerajaan terdahulu, janji-janji untuk membawa kemakmuran kepada negara perlu dijelmakan dalam bentuk realiti bukan lagi kempen atau retorik politik. Kini bukan masanya untuk mengulangi janji manis, tetapi melaksanakan amanah rakyat. Lakukan sebaik mungkin dengan niat yang ikhlas. Selebihnya, terserah kepada rakyat untuk menilainya sama ada Kerajaan Pakatan Harapan kekal memerintah atau sebaliknya selepas Pilihanraya Umum Kelima Belas nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

### 3.09 ptg.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]*

### ■1510

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri semata-mata untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Allah berfirman untuk menguatkan hujah Datuk Razali, Islam bukan sahaja agama rasmi Persekutuan tetapi di dalam al-Quran menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* la itu sesungguhnya Islam diterima di sisi Allah, dan juga Allah memperkuatkan lagi perintah kepada manusia... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Tuan Yang di-Pertua, maksudnya kita dijadikan di bumi ini sama ada jin dan manusia semata-mata untuk beribadat kepada Allah SWT.

Jadi mudah-mudahan pada waktu dan ketika ini kerja kita ini mudah-mudahan dikira sebagai ibadah. Oleh kerana kita tidak melanggar sebarang perintah Allah dari aspek perbuatan kita pada petang ini. Niat kita semata-mata untuk membangunkan negara, menyehahterakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan perintah ataupun dalam bahasa tenteranya *tall orders*, dengan izin. Oleh kerana kita lihat kebijaksanaan wartawan *Utusan Malaysia*, Titah Baginda diberi tajuk, *"Pertahankan Perlembagaan tanpa kompromi."* Sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali tadi, supaya kita sama-sama mempertahankan Perlembagaan negara.

Kita tertarik juga dengan Titah Tuanku, Tuanku yang mengajak kita, pada Yang Berhormat dan rakyat jelata bersama-sama Beta untuk memelihara kesejahteraan dan kemakmuran negara. Baginda telah titahkan kita semua untuk menjaga keselamatan. *Insya-Allah* kita boleh menyambut seruan Tuanku itu.

Saya juga tertarik dengan perintah ataupun titah Tuanku oleh kerana dalam Titah Tuanku, Tuanku telah merangkumi beberapa perkara antaranya kos sara hidup. Ini merupakan titah Tuanku untuk kerajaan melihat kos sara hidup yang dikatakan semakin meningkat. Kemudian Tuanku juga menyentuh tentang kejatuhan harga komoditi. Ini Kementerian Industri Utama harus melihatnya. Tuanku juga menyebut dasar Revolusi Industri 4.0. Maknanya Tuanku juga mengikuti perkembangan industri di dunia khususnya di negara kita.

Tuanku juga menyebut supaya kerajaan menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat Malaysia. Akan tetapi untuk veteran Tuan Yang di-Pertua, saya kata rumah veteran milik, fasal kita hendak berbeza lagi dengan rumah mampu milik rakyat. Kalau kita lihat rumah mampu milik rakyat, *terrace house*. Dua bilik satu tandas. Itu yang rakyat mampu. Memang maknanya standard kehidupan kita agak rendah. Kita perlu perbaiki ini. Oleh itu, KPKT kita lihat menjelajah seluruh Malaysia untuk membela nasib rakyat, mempertingkatkan taraf hidup rakyat dengan memberi rumah mungkin yang lebih selesa. Kita ucap tahniah lah kepada Menteri *Iron Lady* itu yang bergerak seluruh negara. Saya lihat.

Begitu juga, *last but not least*, yang akhir yang saya lihat penting, Tuanku juga menyeru supaya perpaduan rakyat diberi perhatian. Ini memang kita rasa amat penting sebagaimana juga disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali kita, memang kita tidak boleh benarkan ada elemen-elemen penghasut dan batu api yang boleh menyebabkan keadaan kita huru-hara. Kita tidak mahu terjadi seperti apa yang berlaku di Libya, apa yang berlaku di Syria dan lagi lain-lain tempat yang kita tidak rela untuk berlaku di negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Apa pun kita bersyukur Tuan Yang di-Pertua kepada Allah SWT, kita tahu niat dan harapan Tuanku supaya Malaysia menjadi satu negara yang... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Maksudnya, negara yang berkebajikan dan mudah-mudahan diberi keampunan. Kita bersyukur dan berterima kasih kepada Allah SWT kerana dikurniakan keamanan di Malaysia ini. Kita tidak lihat berlaku huru-hara ataupun kejadian-kejadian yang tidak boleh dikawal oleh negara. Maka, sebab itu kita bersyukur kepada Allah SWT.

Seterusnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada Angkatan Tentera Malaysia Tuan Yang di-Pertua oleh kerana telah berjaya menjaga keselamatan dan kedaulatan negara daripada ancaman luar. Maka, sebab itu kita terus dapat hidup dalam keadaan aman dan terus membangunkan negara. Tidak lupa juga kita ucap terima kasih kepada pasukan Polis Diraja Malaysia yang telah menjaga ketenteraman dan keamanan dalam negara dan sehingga kita lihat keadaan agak selesa dan aman dan kita dapat terus hidup dalam keadaan selesa.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan keseluruhannya yang telah dapat mentadbir negara dengan baik dan bijak supaya negara kita tidak menjadi *bankrupt* Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri-menteri dan kementerian-kementerian yang setakat ini, sehingga ini, setahun ini telah bersusah payah mengurus keperluan rakyat sehingga keadaan rakyat boleh dikatakan selesa walaupun terdapat bermacam-macam *complain* ataupun aduan yang dikatakan tidak memenuhi kehendak mereka tetapi percayalah kerajaan berusaha untuk memenuhi kehendak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lupa juga kita harus memberi ucapan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia kerana telah menjadi rakyat yang berdisiplin dan yang mengikut undang-undang. Maka, sebab itu kita lihat kerajaan dapat terus merancang dan memikirkan langkah-langkah untuk membangunkan negara. *Last but not least*, tidak lupa juga kita ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang saya lihat berusaha mewujudkan berbagai-bagai agensi dan jawatankuasa bagi memerangi rasuah yang menjadi ancaman kepada negara bagi mengelakkan peristiwa-peristiwa atau pun skandal-skandal besar seperti 1MDB berulang.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 9 Julai dan selepas Tuanku memberi tital ucapan di Dewan Rakyat, maka Kerajaan Pakatan Harapan amat terbeban dengan Buku Harapan ‘Membina Negara, Memenuhi Harapan’. Ini merupakan Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan kepada rakyat Malaysia. Ini merupakan mungkin tanggungjawab Perdana Menteri oleh kerana beliau yang menandatangani buku ini. Pada waktu dan ketika ini mungkin saya ingin memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penerangan atau pencerahan kepada Dewan ini berhubung dengan janji-janji manifesto ataupun manifesto-manifesto yang telah dibukukan di dalam Buku Harapan ini.

Oleh kerana dalam buku ini saya ingin bacakan teras utama Pakatan Harapan. Janji kami kepada rakyat Malaysia ialah untuk membina negara dan memenuhi harapan agar kita sekali lagi menjadi sebuah negara yang dikagumi oleh kawan dan lawan. Buku ini mendokumenkan rancangan-rancangan kami untuk mencapai matlamat tersebut. Janji kami adalah berdasarkan lima teras utama yang mana setiap satunya mempunyai langkah-langkah spesifik yang tersendiri yang oleh diringkaskan seperti berikut:

- (i) Teras pertama – meringankan bebanan kehidupan rakyat;
- (ii) Teras kedua – mereformasi institusi pentadbiran dan politik;
- (iii) Teras ketiga – merancakkan pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama;
- (iv) Teras keempat – mengembalikan status Sabah dan Sarawak berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963. Malangnya rang undang-undang tidak lepas; dan
- (v) Teras kelima – membina Malaysia yang inklusif, moderat dan gemilang di persada dunia.

Kami juga mempunyai lima iltizam khas untuk warga FELDA, masyarakat kaum India, golongan wanita, anak-anak muda dan warga emas. Sebagai langkah segera untuk melaksanakan janji-janji kami, Kerajaan Pakatan Harapan juga menggariskan 10 janji yang akan dilaksanakan dalam masa 100 hari pertama, kami membentuk Kerajaan Persekutuan.

#### ■1520

Tuan Yang di-Pertua, sepuluh janji utama ini merupakan perkara yang dibincangkan oleh netizen dan juga rakyat di luar sana. Oleh kerana mereka mempersoalkan ada janji-janji tersebut yang Kerajaan Pakatan Harapan masih lagi belum dapat memenuhi kehendak itu. Maka sebab itu saya mohon supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat memberi pencerahan kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya pada waktu yang sama juga, pada tahun ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menjajikan Anggaran Belanja Persekutuan. Saya cemburu Tuan Yang di-Pertua dengan Menteri Kewangan oleh kerana beliau mengawal RM316.5 bilion di dalam tangan beliau yang telah dibahagikan kepada 24 kementerian. Soalnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sama ada setakat hari ini suku tahun pertama adakah kementerian telah berbelanja mengikut janji yang telah dikemukakan di Dewan Rakyat dan seterusnya diluluskan.

Ini merupakan janji kerajaan kepada rakyat untuk belanjakan RM316.5 bilion bagi menyehahterakan rakyat. Oleh kerana kita lihat ada kementerian-kementerian yang mungkin tidak merujuk kembali kepada buku anggaran ini. Mereka buat lain daripada perkara yang ditulis di dalam Perlembagaan ini. Maka nanti mungkin satu atau dua kementerian saya akan cuba bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Pertahanan diperuntukkan sebanyak RM15.3 bilion. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan kerana telah berjaya melaksanakan program ataupun pameran ataupun pertunjukan LIMA di Langkawi dan sebagaimana dilaporkan dalam LIMA 2019 sebanyak RM4 bilion kos perjanjian ataupun MOU telah dapat diwujudkan. Tahniah kepada Kementerian Pertahanan.

Soalan saya, oleh kerana LIMA ini telah dilaksanakan sejak 1991 hingga 2019 saya ingin mendapat pencerahan daripada kementerian apakah ROI atau *return of investment*, dengan izin, yang telah dicapai oleh kerajaan selama lebih 19 tahun LIMA dilaksanakan.

Saya juga ingin mendapat maklumat daripada Kementerian Pertahanan apakah kejayaan ataupun sejauh manakah kejayaan pembinaan ataupun pembuatan *Armoured Personnel Carrier 8x8 Whee*l oleh DefenseTech yang akan dibekalkan kepada Angkatan Tentera Malaysia. Saya difahamkan sebanyak 256 buah APC akan dibekalkan kepada Kerajaan Malaysia tetapi setakat ini saya rasa masih belum memenuhi keperluan yang dipersetujui dalam kontrak pembinaan 256 APC 8x8 oleh DefenseTech ini, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mewakili veteran saya selaku Presiden Persatuan Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia ingin memohon pihak Kementerian Pertahanan khususnya Majlis Veteran Kebangsaan bagi meyakinkan veteran-veteran di luar sana peranan Majlis Veteran Kebangsaan bagi memenuhi keperluan veteran antaranya ialah penyelarasan pencen. Oleh kerana penyelarasan pencen disebut di dalam Manifesto Pakatan Harapan yang mengatakan kerajaan akan melihat semula jurang pencen veteran yang bersara sebelum tahun 2004 dan selepas tahun 2004. Ini merupakan perkara yang sensitif kepada veteran.

Seterusnya rumah milik veteran, tahap sosioekonomi veteran juga mereka ingin dapat maklumat apakah Majlis Veteran Kebangsaan merancang untuk membela nasib mereka. Begitu juga dengan persediaan dana perniagaan, bantuan sara hidup yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, *insya-Allah* sebelum hari raya dan begitu juga dengan bantuan kepada syarikat-syarikat ataupun koperasi-koperasi veteran di dalam Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pencerahan juga daripada Kementerian Pertahanan status Kem TUDM Sendayan. Oleh kerana baru-baru ini kita lihat keputusan pilihan raya di Rantau yang Kem Sendayan ini dibina saya lihat masih lagi kosong, masih lagi tidak diduduki dan apakah rancangan kerajaan dan bilakah kem ini akan diduduki sepenuhnya.

Untuk Kementerian Pertahanan yang terakhir, saya ingin melihat pasukan bola sepak Kementerian Pertahanan. Oleh kerana kita lihat pada zaman sebelum ini pada zaman 80-an, awal 90-an tim ataupun pasukan bola sepak Angkatan Tentera Malaysia merupakan satu pasukan yang kuat dan tidak seperti sekarang. Oleh itu saya mohon supaya Kementerian Pertahanan melihat keadaan ini dan memperkasakan atau memperkuatkan semula pasukan bola sepak Kementerian Pertahanan.

Untuk Kementerian Dalam Negeri Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM15.6 bilion telah diperuntukkan. Saya memohon kepada Kementerian Dalam Negeri dalam usaha memastikan keselamatan dan keamanan dalam negara terjamin dan kesejahteraan rakyat terpelihara, maka kita harap peruntukan yang diberi hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya tanpa ketirisan dan kehilangan peruntukan kerajaan.

Saya juga ingin melihat tindakan Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil tindakan yang adil, tidak *double standard*, dengan izin. Kalau kita lihat pesalah-pesalah kecil yang ditangkap oleh PDRM begitu serius, begitu keras dan terus menggarai dan memberi dan memakaikan pakaian lokap kepada orang yang disyaki. Akan tetapi kalau kita lihat pesalah-pesalah besar yang kita lihat melibatkan orang-orang besar tindakannya agak berlainan. Maka sebab itu saya pohon supaya kementerian dilihat adil dan saksama oleh rakyat dengan mengambil tindakan yang sama kepada pesalah ataupun orang yang disyaki.

Kepada Kementerian Pendidikan, saya ingin bertanyakan kepada kementerian mengapa bahasa Inggeris menjadi penghalang kepada pelajar untuk graduasi khususnya pelajar yang gagal Peperiksaan MUET – *Malaysia University English Test*, atau UEC – *University English Test*. Ini berlaku kepada anak saudara saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Beliau mengambil bahasa Arab dan penulisan dan komunikasi bahasa Arab. Sudah dua tahun masih lagi tidak boleh *graduate* oleh kerana tidak lulus MUET, dia dapat *band 2* kalau tidak silap saya. Untuk membolehkan beliau *graduate* hendakkan *band 3* kalau tidak silap saya.

Soalan saya mengapa bahasa Inggeris jadi penghalang untuk beliau *graduate*? Maka sebab itu saya mohon supaya Kementerian Pendidikan melihat semula keadaan ini.

Oleh kerana bahasa Inggeris boleh dipelajari semasa beliau bekerja atau semasa melaksanakan tugas, tidak semestinya MUET ini merupakan ukuran kepada pelajar itu cemerlang atau sebaliknya. Maka sebab itu saya mohon Kementerian Pendidikan kalau boleh kita batalkan MUET untuk membolehkan pelajar-pelajar digraduasikan ataupun boleh melakukan convokesyen.

Kepada Kementerian Kesihatan saya ucapan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana telah mentauliahkan CT scan di Hospital Manjung, Tuan Yang di-Pertua setelah tiga tahun saya bersuara dan alhamdulillah telah ditaliahkan. Soalan saya kepada Kementerian Kesihatan, sebagaimana dimaklumkan hanya 70 peratus pelatih doktor yang telah berjaya untuk terus menjadi doktor, 30 peratus gagal.

#### ■1530

Saya difahamkan oleh kerana berlaku kes buli, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat di dalam tentera sahaja buli, rupanya di hospital juga berlaku buli. Ada yang menyebabkan pelatih-pelatih doktor ini tak tahan, mereka lari daripada hospital. Maka sebab itu, saya mohon supaya Kementerian Kesihatan menyiasat situasi ini supaya ia tidak berlaku oleh kerana ia merugikan rakyat, merugikan negara dan merugikan kita semua, Tuan Yang di-Pertua. Kita mohon supaya ini diberhentikan dan pelatih-pelatih doktor ini dapat meneruskan latihan sehingga menjadi doktor. Masalah parkir hospital, memang dihadapi di seluruh negara dan kita harap Kementerian Kesihatan dapat menyelesaikannya dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Kewangan, saya mohon supaya melihat peruntukan kepada Angkatan Tentera Malaysia yang memerlukan enam buah helikopter bagi mengoperasi kan PASKAL di Zon Ekonomi Eksklusif di Sabah dan Sarawak. Oleh kerana helikopter *Super Lynx* dan *Fennec* yang ada tidak mampu memikul tanggungjawab untuk menjaga Pantai Timur Sabah. Oleh yang demikian, saya mohon supaya Kementerian Kewangan memastikan enam buah helikopter yang diperlukan oleh pasukan khas Tentera Laut Diraja Malaysia dapat dibekalkan secepat mungkin dan dengan itu juga dapat beroperasi di Kota Kinabalu, Tawau dan Semporna bagi memastikan keselamatan Pantai Timur Sabah.

Kepada Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri dapat menzahirkan satu fatwa berhubung dengan status mangsa insiden MH370, khususnya mangsa yang beragama Islam. Oleh kerana kita tidak boleh sembahyang ghaibkan mereka dan juga harta-harta waris mereka juga tidak dapat di faraid kan. Oleh yang demikian, saya ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri supaya dapat memberi pencerahan berhubung dengan mangsa insiden MH370.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Industri Utama. Baru-baru ini kita lihat Menteri memperkenalkan satu program supaya murid-murid sekolah belajar mengenai kelapa sawit. Soalannya bukan mengetahui apa itu kelapa sawit. Rakyat atau pekebun-pekebun kecil mempersoalkan harga kelapa sawit menurun. Mereka menuntut supaya kerajaan meletak harga lantai kelapa sawit tidak kurang daripada RM420 satu tan. Maka dengan itu juga, dengan jumlah itu baru mereka boleh balik modal dan mendapat keuntungan sedikit. Saya yakin dan percaya peruntukan yang diberi kepada Kementerian Industri Utama ini boleh membantu pekebun-pekebun ataupun pengusaha kelapa sawit bagi menstabilkan harga kelapa sawit supaya diletak pada RM420 satu tan. Kita serah kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengatasi masalah ini.

Begitu juga dengan harga getah. Harga getah juga peladang-peladang ataupun pekebun-pekebun kecil memohon supaya harga getah diletak kepada RM4 sekilogram. Oleh kerana risiko turun naik harga getah tidak sepatutnya dipikul pekebun-pekebun kecil tetapi kita hendak kerajaan memikul risiko tersebut. Kalau harga getah lebih, maknanya kerajaan akan untung. Harga getah kurang, kerajaan tolong pekebun-pekebun kecil. Itu yang diharapkan oleh pekebun-pekebun kecil.

Kepada KPDNHEP, kita mohon supaya- ini yang dituntut oleh rakyat. Harga minyak sudah RM2.08 untuk RON95. Rakyat murka, marah. Rakyat tuntut sebagaimana dalam manifesto dikatakan hendak menstabilkan harga minyak. Mana ada stabil? Sekejap RM2.08, Yang Berhormat Menteri... [Ketawa] Rakyat tak peduli, rakyat hendak harga ini kalau boleh RM1.80 satu liter RON95. Oleh kerana RON95 merupakan minyak yang digunakan oleh ramai rakyat Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** RM1.80.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** RM1.80 satu liter... *[Disampuk]* Tidak, kita hendak RM1.80, sekarang ini RM2.08. Tak mahu ini. Rakyat kata turunkan RM2.08.

Kita hendak lihat juga barang-barang asas seperti beras, gula, minyak masak, tepung, susu, teh, roti dan sebagainya turun, bukan semakin naik. Oleh kerana dijanjikan di dalam manifesto, apabila GST dihapuskan, harga barang boleh turun tetapi nampaknya sebaliknya. Mudah-mudahan kalau Perdana Menteri menjawab permohonan saya untuk memberi pencerahan berhubung dengan manifesto, mungkin kita dapat jawapannya.

*Last, but not least* untuk Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Saya rujuk kepada Buku Anggaran Belanjawan, muka surat 191. Kita lihat kementerian diperuntukkan RM100 juta untuk membina jalan-jalan di FELDA. Itu yang saya terlihat dan juga kalau kita lihat, pelanggan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ialah kementerian dan jabatan Persekutuan, badan-badan berkanun, Ahli Parlimen, Dewan Rakyat dan Dewan Negara, tetamu luar negara dan agensi badan antarabangsa.

Saya tak lihat peserta-peserta FELDA menjadi pelanggan kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Akan tetapi kita berterima kasihlah kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi kerana telah berusaha membuat Kertas Putih untuk membantu nasib orang-orang FELDA. Walaupun kalau ikut dalam Buku Anggaran ini, ia dilihat bukan tanggungjawab Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Dulu ia di bawah Jabatan Perdana Menteri. Seorang Timbalan Menteri menjaga hal ehwal FELDA dan juga FELCRA tetapi sekarang telah diserahkan kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Maka sebab itu, pertama sekali tahniahlah oleh kerana bersedia mengambil alih tanggungjawab tersebut.

Kedua, saya harap perancangan *injection* ataupun suntikan RM6.8 bilion? Yang diberi kepada... *[Disampuk]* Sejumlah RM6.3 bilion? RM6.23 bilion dapat digunakan sebaiknya dan dapat membela nasib FELDA. Takkan peneroka-peneroka ini terus berhutang, daripada masuk sampai meninggal dunia, sampai *second* generasi, masih lagi berhutang, Tuan Yang di-Pertua. Ini nampak pengurusan yang tidak cekap ya. Kalau kita lihat Sime Darby yang dahulu menguruskan kelapa sawit, boleh buka bandar, boleh buka taman, boleh buka eko tetapi FELDA? Tanah-tanah perancangan FELDA? Minyaknya sudah dibawa keluar, sudah dieksport tetapi keadaan FELDA masih macam itu juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Menteri Ekonomi yang ada sekarang boleh membela nasib mereka dan ubah keadaan FELDA.

Di dalam buku ini Menteri, ada yang menyatakan bahawa penoreh-penoreh getah ataupun pekebun-pekebun kecil boleh mendapat pendapatan RM4,000 sebulan pada 2020. Ini tercatat di dalam Buku Anggaran Berbelanjawan Persekutuan 2019. Ia menjadi tanggungjawab Menteri ataupun Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk memastikan pekebun-pekebun kecil mendapat pendapatan RM4,000 pada tahun hadapan. Maka sebab itu, saya bagi pihak rakyat, khususnya pekebun-pekebun kecil getah ingin melihat bahawa mereka akan mendapat pendapatan RM4,000 sebulan pada tahun 2020 sebagai mana yang dijanjikan oleh kerajaan. Boleh Yang Berhormat Menteri?

Salah satu tanggungjawabnya, kementerian menjanjikan per kapita negara RM44,000 pada tahun hadapan. Boleh dicapai atau sebaliknya? Kita minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan per kapita negara yang dijangkakan boleh mencapai RM44,000 pada tahun bila, *wallahuaklambissawab* tetapi, disebut pada tahun 2019.

#### ■1540

Tuan Yang di-Pertua, sedikit perbahasan saya diakhiri dengan doa... *[Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

**3.40 ptg.**

**Dato' Ong Chong Swen:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ampun Tuanku. Baginda yang amat prihatin kepada kehidupan dan kebajikan jelata. Dengan ini, patik menumpukan kepada ucapan isu-isu berkenaan pelancongan, kesejahteraan kanak-kanak OKU dan orang tua, STEM atau *Science, Technology, Engineering and Mathematic*, dan TVET atau *Technical and Vocational Education and Training*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, kerajaan masih mengenakan cukai pelancongan RM10 satu malam setiap bilik untuk pelancong dari luar. Dengan levi pelepasan atau, dengan izin, *departure levy* sebanyak RM20 untuk negara ASEAN dan RM40 untuk negara lain, ini akan meningkatkan kos untuk pelancong dari luar. Juga, rang undang-undang ini tidak menyatakan secara jelas yang ia khususnya untuk penerbangan sahaja, tertakluk kepada keputusan. Maka, pada masa depan, levi ini mungkin dikenakan untuk jenis pengangkutan yang lain melalui darat dan laut ataupun dengan kereta ke Thailand dan *Singapore*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak kerajaan mempertimbangkan untuk mengurangkan atau menangguhkan levi ini kerana mereka yang terbang bukan semua untuk suka-suka. Ada yang kerja, belajar dan lain-lain. Maka, syarikat atau persendirian terpaksa menanggung kos yang lebih.

Sekiranya kerajaan mahu mengenakan levi ini, apakah jaminan yang kutipan ini akan membawa manfaat kepada rakyat? Adakah duit itu akan digunakan untuk membantu sektor pelancongan di Malaysia? Tanpa promosi atau *attraction factor*, dengan izin, yuran-yuran ini hanya akan mengekang kemasukan pelancong.

Pada tahun 2014, kita lihat ada kekurangan pelancong kerana isu keselamatan dan penculikan di Sabah. Juga kes seperti ragut dan sebagainya boleh meningkatkan imej yang negatif terhadap orang luar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu keselamatan pelancong terutama di ibu negara. Baru-baru ini, ada kes ragut yang dilaporkan bukan sahaja di KL, tetapi juga di luar KL seperti Melaka. Walaupun statistik jenayah tahun 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan penurunan yang stabil dari tahun 2015 hingga 2017, kes ini tidak mengasingkan pelancong dan penduduk.

Jika mengikut negeri, *the ratio* jenayah indeks adalah paling tinggi di Kuala Lumpur pada tahun lepas. Kes ragut seperti ini akan memberi gambaran yang negatif terhadap orang luar disebabkan berita pada masa kini yang bergerak dengan pantas dan juga *review* atas talian oleh pelancong di *blog* dan *Facebook*.

Saya masih ingat tidak begitu lama dulu, kita ada, dengan izin, *tourism police* atau polis yang bertempat di kawasan popular di kalangan pelancong dengan tujuan membantu para pelawat dan juga untuk menjaga keselamatan orang ramai. Akan tetapi, pada masa sekarang, jarang nampak *tourism police* dan pondok polis yang adapun ditinggal kosong. Saya rasa kerajaan perlu mempertimbangkan untuk memulakan balik penempatan polis pelancong di sekitar Kuala Lumpur dan tempat-tempat mana yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, apa gunanya ada promosi pelancongan tetapi keselamatan orang luar dan orang ramai dibiarkan? Sudah ada bajet diperuntukkan untuk berbagai-bagai program pelancongan tetapi keselamatan sepatutnya didahulukan.

Selain daripada levi dan keselamatan, masih banyak masalah-masalah perlu ditambahbaikkan untuk sektor pelancongan. Contohnya tempat-tempat yang ada begitu ramai pengunjung sehingga terjejas seperti apa yang berlaku di Melaka dan Pulau Pinang, di mana UNESCO *Heritage Site*, dengan izin, membawa beberapa kesan sampingan atau *side effect* yang bukan positif seperti kepupusan budaya tempatan akibat entiti komersial yang semakin banyak.

Malaysia juga tidak boleh bersaing dengan negara seperti Singapura dalam usaha promosi. Maka inilah sebab pelbagai makanan, contohnya dipanggil makanan Singapura, walaupun asal usulnya dari Malaysia. Singapura telah memperuntukkan sebanyak SGD700 juta untuk sektor pelancongan dalam jangka masa lima tahun. Tanpa perancangan yang teliti, kutipan pelbagai cukai pada masa yang sama akan hanya mengekang sektor pelancongan di Malaysia.

Bila kita bincangkan isu pelancongan, kita tidak boleh biarkan trafik sesak di antara Johor dan Singapura, Perlis dan Thailand. Pertama, dasar luar Malaysia dengan Singapura.

Kedua, adakah penduduk Malaysia terutama Johor terlalu bergantung kepada Singapura?

Masalah trafik teruk yang berlaku di antara Johor dan Singapura adalah disebabkan pergerakan begitu ramai orang antara dua negeri itu. Boleh dianggupkan bahawa antara 300,000 hingga 400,000 penduduk Malaysia bekerja di Singapura yang berulang-alik. Bermakna mereka tidak tinggal di *Singapore*.

Antara faktor yang mendorong mereka bekerja di Singapura adalah kerana ringgit yang menjadi lemah, justeru gaji menjadi lebih tinggi di Singapura. Sekarang SGD1 sudah jadi RM3 lebih, kalau di *exchange* ya.

#### ■1550

Pada masa sekarang, saya tidak mendapat gambaran yang jelas mengenai dasar luar antara Malaysia dengan Singapura. Memanglah sekarang ada isu air tetapi masalah trafik ini memberi kesan terhadap kedua-dua buah negara dan memerlukan penjelasan terutama pada musim cuti misalnya Tahun Baru Cina, cuti sekolah Singapura, minggu Cheng Beng, *Good Friday and Easter Sunday*, Hari Raya Aidilfitri, Hari Merdeka Singapura, Malaysia terutamanya di Johor, menerima begitu ramai pelawat dari Singapura.

Akan tetapi Malaysia tidak boleh mendesak Singapura mengambil mana-mana tindakan terutamanya apabila berkaitan prosedur mereka di Imigresen, kemudahan jalan raya, pengangkutan dan sebagainya. Justeru saya berharap, Kerajaan Malaysia boleh bawa berbincang dengan Kerajaan Singapura, cara untuk menyelesaikan masalah trafik. Maka saya berharap, kerajaan boleh menggerakkan ekonomi tempatan di Malaysia supaya penduduk kita tidak perlu menyeberang, alang-alang hendak mendapat gaji yang tinggi di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri mengumumkan bahawa Kerajaan Malaysia akan bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dengan izin, *United Nations* di bawah *United Nations Development Programme* untuk melaksanakan bandar yang mesra warga emas. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia atau *Department of Statistics Malaysia*, menjelang tahun 2020 iaitu tahun depan, warga emas yang berumur 65 tahun ke atas akan merangkumi tujuh percent penduduk negara. Pada tahun 2030 nanti, Malaysia akan mencapai status negara berumur, *aging nation status* yang mana sekurang-kurangnya 15 percent adalah umur 60 tahun ke atas. Pada tahun 2017, sekurang-kurangnya 14.5 orang tua bergantung kepada seorang dewasa.

Saya menyokong inisiatif bandar mesra ini yang dicadangkan oleh Timbalan Perdana Menteri kerana sekali gus merangkumi bandar yang mesra warga emas, adalah termasuk juga mesra kanak-kanak dan OKU. Ini akan jaga kesejahteraan orang tua, kanak-kanak dan OKU. Saya harus menyatakan bahawa *urban planning*, dengan izin, kita ada beberapa kelemahan oleh kerana pelbagai kementerian dan jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan serta *maintenance* kemudahan seperti kaki lima, bangunan, pengangkutan awam dan lain-lain yang seperti, dengan izin, *our previous Prime Minister, Pak Lah has once mentioned*, "*Malaysia has first class infrastructure but third class maintenance*". Itu jadi masalah. Kita boleh lihat ada kekurangan keseragaman atau *lack of uniformity*.

Tuan Yang di-Pertua, *just take for example*. Pejalan kaki, *the curbs*, mempunyai ketinggian yang tidak sama. Ada yang 30 cm, ada yang 50 cm. Juga pejalan kaki ada halangan seperti tiang lampu dan sebagainya, yang dipasang di tengah-tengah jalan.

Jika bukan itu, ada kalanya kedai meletak benda seperti poster, meja dan sebagainya di tempat pejalan kaki. Ini merupakan masalah penguatkuasaan. Ini amat berbahaya bukan sahaja kepada orang tua, pengguna kerusi roda tetapi juga orang yang buta atau rabun.

Mengenai orang buta. Lampu trafik untuk pejalan kaki di banyak tempat juga bukan jenis yang mengeluarkan bunyi. Maka saya harap, kerajaan memastikan semua kementerian dan jabatan berkenaan boleh mengikut satu standard untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah Yang di-Pertuan Agong, perkara *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) and Technical and Vocational Education and Training (TVET)* juga diberi penekanan. Masalah yang kita ada yang juga disebut Menteri Pendidikan adalah pengurangan pelajar yang mengambil subjek STEM. Pada masa sekarang, kita sudah ada *mismatch* antara permintaan dan penawaran pekerjaan. *Khazanah Research Institute* melakukan satu *survey* yang mendapati bahawa ketidakpadanan yang serius antara kemahiran golongan muda dan pengangguran adalah sebab utama berlakunya pengangguran di kalangan belia.

Walaupun pada masa sekarang, kemahiran teknikal dalam bidang sains adalah penting dan amat perlu untuk kemajuan negara, dengan pengurangan pelajar yang mengambil subjek ini, kerajaan harus mengambil tindakan. Semasa Dewan Rakyat baru-baru ini, saya agak kecewa dengan jawapan dari Kementerian Pendidikan yang menyatakan bahawa kementerian tiada perancangan untuk meningkatkan *ratio* pelajar yang mengambil mata pelajaran STEM. Namun, saya menyokong mana-mana perancangan untuk memupuk minat pelajar dalam subjek Sains.

Juga baru-baru ini, ada laporan mengenai satu sekolah jenis kebangsaan Cina, SJK(C) Choong Wen di Jalan Klang Lama. *STEM Lab* yang ditubuhkan oleh sekolah dan PIBG diarahkan tutup. Pelajarnya tidak dapat peluang mengambil subjek Sains. Maka saya rasa, Kementerian Pendidikan perlu lebih teliti dan menggalakkan pelajaran STEM. Selesaikan masalah jika ada antara sekolah, PIBG dan ibu bapa. Bukan hanya menyebut tentang program.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang, kerajaan menetapkan gaji minimum sebanyak RM2,000 atau RM2,500 untuk pelajar tempatan yang mempunyai kelulusan ijazah sarjana muda. Ini kerana kos sara hidup sudah sampai ke satu tahap dan para pelajar ini kemungkinan juga perlu bayar hutang seperti PTPTN. Apa hendak buat? Kerajaan tidak mansuhkan hutang ini seperti yang di kemen. Buat apa pelajar ini hendak belajar subjek STEM dan bertungkus-lumus untuk gaji yang tidak boleh menyara diri?

#### ■1600

Kita harus ingat, proses pelajaran ini berpotensi menelan kos tinggi kerana melibatkan penggunaan komputer, bahan dan peralatan yang canggih. Kementerian Pendidikan juga perlu melihat kepada institut pengajian tinggi awam serta swasta supaya mereka menawarkan ijazah yang berkaitan. Contohnya sains komputer yang lebih spesifik atau *specialized*. Setahu saya, di universiti di Malaysia tiada kursus meliputi subjek menggodam or hacking, contohnya. Ini berkaitan dengan *cyber security*.

Tuan Yang di-Pertua, ini-tadi yang beberapa perkara, saya harap isu-isu yang saya kemukakan dapat dipertimbangkan. Dengan ini saya menyokong Titah Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Tuan Dr. Zaiiedi Haji Suhaili. Tiga minit [Ketawa] Silakan Yang Berhormat.

#### 4.01 ptg.

**Dr. Zaiiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk ikut serta di dalam perbahasan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena perasmian Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, Mesyuarat Pertama pada 11 Mac 2019 yang lalu.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyentuh banyak perkara seperti ekonomi, peningkatan kos sara hidup, soal keselamatan negara, geopolitik dirantau ini, kejatuhan harga komoditi, pembangunan sektor agromakanan, kesejahteraan rakyat di bandar dan luar bandar, perumahan awam, pengangkutan darat, laut dan udara, dan tidak ketinggalan juga ialah kesejahteraan sosial rakyat sama ada golongan wanita, warga emas, orang kurang upaya termasuk juga soal perpaduan rakyat di negara kita.

Baginda Tuanku juga telah menyentuh soal pendidikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar. Tukar giliran.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Boleh saya sambung lagi Tuan Yang di-Pertua? Demi kelangsungan masa depan negara kita, permasalahan yang dihadapi generasi muda di negara kita pada masa ini sama ada dalam bidang pendidikan, latihan kemahiran dan peluang-peluang pekerjaan, pada saya haruslah diambil perhatian yang serius oleh kerajaan sekarang.

Oleh yang demikian, perbahasan saya, saya berfokus kepada soal pendidikan, soal Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang mana ada hubung kait rapat dengan generasi kita pada masa ini. Apa yang harus kita beri perhatian, yang harus kita *concern* ialah masa depan generasi muda kita pada hari ini yang akan menentukan kelangsungan, *survival* negara kita, kemajuan negara kita untuk pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil perhatian yang cukup berat tentang masalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Seperti yang pernah diumumkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita pada bulan November 2018, bahawa pembayaran balik pinjaman PTPTN ini adalah untuk mereka yang mempunyai gaji RM2,000 ke atas sebulan, yang mana kata Yang Berhormat Menteri, akan bermula bulan Januari 2019 iaitu dalam nisbah dua peratus daripada jumlah gaji yang diterima oleh peminjam PTPTN. Ini bermakna bahawa mereka membayar paling kurangnya ialah RM40 sebulan.

Jadi sekarang kita sudah sampai ke hampir penghujung bulan April. Walaupun ianya baru berjalan dengan beberapa bulan, tetapi seharusnya kita melihat sejauh manakah peraturan baharu ini mendapat sambutan ataupun diberi kerjasama oleh para peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini. Jadi saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyatakan sejauh manakah kejayaan walaupun baru tiga bulan dan berapakah jumlah kutipan yang telah dikutip untuk tiga bulan pertama ini. Ini kerana inilah *starting*-nya adalah paling perlu, kita lihat bagaimana sambutan para peminjam ke atas peraturan yang telah dibuat pada tahun lepas.

Kedua, yang saya melihat bahawa- juga saya melihat dinyatakan oleh kerajaan, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pada tahun 2018 hutang tertunggak sudah menghampiri RM39 bilion. Apakah sebab kita mempunyai tunggakan yang begitu besar? Adakah kerana peminjam-peminjam ini tidak mahu membayar ataupun mereka belum mempunyai satu pekerjaan yang tetap iaitu selepas mereka tamat pengajian, belum mendapat pekerjaan tetap? Kalau belum mendapat pekerjaan tetap, mereka masih lagi menganggur.

Maka, adakah kerajaan melihat- apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk kita menangani masalah ini? Adakah disebabkan bahawa graduan-graduan kita yang setelah tamat pengajian, taraf kebolehpasaran mereka adalah begitu rendah? Adakah kerana kursus-kursus yang mereka ambil di IPTA di IPTS ataupun di kolej tidak sesuai dengan suasana pekerjaan yang ada pada masa ini? Oleh itu mereka tidak mendapat pekerjaan yang ada *available* di dalam *the job markets* sekarang ini.

■1610

Berbalik kepada soal pinjaman PTPTN tadi, saya juga ingin mengetahui sama ada PTPTN ada mencadangkan syarat-syarat baru kepada peminjam-peminjam baru iaitu lain daripada syarat-syarat yang lama.

Ini supaya kalau peminjam-peminjam ini tamat pengajian, mereka boleh membuat pembayaran dengan begitu baik sekali dibandingkan dengan apa yang ada di kalangan peminjam-peminjam yang ada pada masa ini.

Kita tahu bahawa kalau bayaran itu amat sedikit yang boleh dikutip, bayaran balik, sudah tentu ia akan menjelaskan kemampuan PTPTN ini untuk membuat satu *rolling* kepada jumlah yang ada di dalam tabungan mereka bagi membantu pelajar-pelajar baru untuk mendapatkan pinjaman. Jadi, saya ingin bertanya kepada kerajaan atau PTPTN, apakah unjuran mereka untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar kita dari tahun 2019 sehingga ke tahun 2025? Berapakah jumlah dana yang disediakan untuk membiayai pelajar-pelajar kita pada masa akan datang?

Hal ini penting kerana kalau kita mengecilkan jumlah dana, saya khuatir yang akan terjejas ialah peminjam-peminjam yang terdiri daripada anak-anak golongan kita sebut sebagai B40 ataupun M40 dan juga anak-anak kita daripada masyarakat di luar bandar.

Dalam kita berhadapan dengan masalah ini, masalah tunggakan yang begitu besar, saya ingin tahu sama ada PTPTN ini pernah menerima cadangan-cadangan ataupun kaedah-kaedah bayaran balik daripada kumpulan-kumpulan mahasiswa. Apakah cadangan mereka, macam mana cara mereka, terbaik untuk mereka membayar balik? Kita jangan meletakkan syarat-syarat sahaja tetapi seharusnya kita minta *feedback*, kita berdialog ataupun ada interaksi dengan pelajar-pelajar ini. Bagaimanakah mereka boleh mengesyorkan cadangan-cadangan yang terbaik untuk mereka membayar balik pinjaman? Adakah mereka- sejauh manakah mereka terlibat di dalam libat urus kerana mereka adalah saya katakan merupakan orang yang secara langsung, mereka adalah *the stakeholders* dalam dasar kerajaan iaitu PTPTN ini.

Saya juga ingin hendak tahu berapa banyak pinjaman-pinjaman yang lepas yang telah di lopus hutang mereka? Dilupuskan, berapa banyak pinjaman yang telah dilupuskan? Adakah mereka yang dulunya, kalau mereka mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama setelah mengikuti syarat-syarat pengajian dengan penuhnya dan dengan betulnya, mereka juga boleh menukar pinjaman ini kepada skim biasiswa? Ini bermakna mereka tidak perlu membayar balik. Adakah dasar ini masih diteruskan ataupun terhad untuk pelajar-pelajar yang mana mereka tergolong di dalam golongan masyarakat B40, M40, kalau mereka mendapat keputusan pengajian mereka yang baik. Katakan mereka mendapat *First-Class Degree*, pinjaman mereka boleh dilupuskan.

Jadi, inilah yang saya rasa penting untuk kita menjamin bahawa masa depan, peluang untuk anak-anak generasi kita hari ini mendapat pendidikan di pusat pengajian tinggi awam dan swasta terjamin dengan adanya PTPTN ini. Hal ini kerana kalau dasar ini diubah saya khuatir ianya akan menjelaskan peluang anak-anak kita khususnya dari golongan B40 dan M40 untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat institusi pengajian tinggi sama ada awam maupun swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal pembangunan sumber manusia terutama sekali di kalangan belia kita, di kalangan graduan kita dan di kalangan tenaga kerja tempatan kita bagi memastikan bahawa mereka boleh ditempatkan, ada tempat di dalam pasaran pekerjaan di negara kita. Lebih-lebih lagi kita sekarang ini bercakap tentang Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Dalam hubungan ini kita harus melihat sejauh manakah kerajaan boleh memberikan peluang kepada belia-belia kita, graduan kita, tenaga pekerja tempatan untuk dilengkapi dengan kemahiran kompeten dan pengetahuan.

Oleh itu, saya ingin kerajaan untuk memastikan supaya struktur pengiktirafan pensijilan TVET daripada institusi pengajian tinggi diminimumkan kaedah birokrasinya agar mekanisme pengiktirafan tidak memangsakan bekas-bekas pelajar TVET ini. Kalau ini boleh diperlihatkan, maka kita juga harus memastikan bahawa semua institusi latihan kemahiran dan IPTA menjadikan *Massive Open Online Courses* (MOOCs) seperti yang sangat popular sekarang di negara-negara Barat, dijadikan sebagai platform utama bagi tenaga kerja kita untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan latihan kompetensi secara separa masa.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam. Berapa ramai lepasan TVET dari institusi bukan di bawah kawal selia Kementerian Pendidikan dan Diploma Vokasional Malaysia tidak mendapat pengiktirafan sewajarnya daripada *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam?

Lepasan ini diberikan kadar upah setara dengan lepasan SPM apabila digaji oleh majikan mereka. Ini bermakna bahawa kelayakan mereka ada, pengalaman mereka ada tetapi gaji yang diberikan kepada mereka tidak setaraf dengan kelayakan yang mereka ada kerana kursus-kursus yang mereka ambil tidak diiktiraf oleh MQA dan juga JPA.

■1620

Oleh itu, mereka mungkin hanya diberi gaji untuk setaraf dengan pemegang sijil SPM. Bagaimanakah kerajaan menangani isu ketidaksetaraan pengiktirafan oleh MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran agar kaedah pengiktirafan terhadap program-program TVET, *National Occupational Skills Standard (NOSS)* dan *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)* memanfaatkan peserta yang telah mengambil bahagian dalam skim latihan seperti ini? Ini adalah satu permasalahan yang dihadapi oleh kita dan ini menjadi masalah dalam pembangunan sumber manusia kita.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi digital adalah merupakan satu bentuk ekonomi baru, *the new economy*. Ekonomi digital memainkan peranan yang besar dalam kemajuan ekonomi kita pada masa akan datang. Oleh yang demikian, semua anak muda pada masa ini harus menguasai kemahiran dalam bidang *information technology*, pengkomputeran, *internet of things* (IoT) dan *artificial intelligence* (AI), juga kecekapan berkomunikasi, penguasaan kepada lebih banyak bahasa pertuturan dan penulisan di samping memiliki *soft skill* yang lain. Kemahiran-kemahiran ini mestilah merupakan kualiti yang mesti dimiliki oleh anak-anak muda kita untuk mereka dapat bersaing untuk merebut peluang pekerjaan ataupun peluang perniagaan yang ada di bawah *the new economy* pada masa ini.

Dengan keupayaan yang demikian, ia akan memberi persiapan kepada generasi muda untuk mengharungi perjalanan ekonomi bukan sahaja Revolusi Industri 4.0 yang ada pada masa ini, bahkan orang sedang bercakap tentang Revolusi Industri 5.0 yang ada kait mengait dengan robotik dan sebagainya. Bahkan sudah ada bayangan akan menjelma pula Revolusi Industri 6.0. Ini-lah rupanya bentuk ekonomi yang akan diharungi oleh kita di negara ini. Ini-lah- kalau kita dapat menguasai ekonomi ini- generasi muda kita boleh menguasai ekonomi ini. Maka, kita mempunyai masa depan. *If you want to have a bright future, you must create the future*, kita yang membentuk suasana itu. *If you want to have a bright future, you must create the future*. Jangan orang lain *create the future* untuk kita dan kita terperangkap di dalam suasana.

Kepada graduan-graduan kita, bagi saya *the graduate should be the job creators*. Ini sama ada boleh mewujudkan peluang pekerjaan untuk dia sendiri ataupun untuk orang lain. Ini pada saya sepatutnya satu cabaran yang harus kita berikan kepada graduan-graduan kita. *The graduate should be the job creators*. Orang yang mencipta peluang pekerjaan untuk orang lain ataupun untuk dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pentadbiran Barisan Nasional yang lalu, ada dibuat satu gagasan yang dinamakan Transformasi Nasional (TN50) yang merupakan pelan tindakan kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat *by the year 2050*. Kementerian Belia dan Sukan pada waktu itu diberi peranan sebagai *lead agency* untuk merangka pelan tindakan untuk menjayakan TN50.

Jadi, persoalan saya pada hari ini ialah mohon bertanya kepada Kerajaan Pakatan Harapan sekarang, adakah mereka hendak meneruskan satu gagasan seperti TN50 ataupun mereka mempunyai program yang lain, pelan tindakan yang lain bagi menentukan hala tuju negara kita? Katakan menjelang tahun 2030, tahun 2040 dan tahun 2050. Setakat ini kita belum jelas mengenai hala tuju Kerajaan Pakatan Harapan ini.

Dahulu, Kerajaan BN ada TN50. Akan tetapi setakat ini, Kerajaan Pakatan Harapan kita belum melihat lagi ke arah mana kita- ini adalah soal masa depan negara kita. Inilah yang ditunggu-tunggu oleh kita, khususnya generasi muda. Apa pelan tindakan kerajaan untuk masa depan negara kita? Tahun 2030, tahun 2040 dan tahun 2050, mana hala tuju kita? Ini penting. Jadi, saya harap kerajaan boleh memikir dengan serius. Dalam soal ini, kita harusnya menggembangkan tenaga kita mengumpul seluruh *resources* yang ada pada kita, kepandaian, kebijaksanaan, tidak kira- kita semua sebagai *apolitical*, tetapi ini ialah soal negara. Soal negara, kita ketepikan soal perbezaan politik tetapi yang penting ialah kita harus ada masa depan untuk generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya hendak sentuh di sini ialah tentang apa yang disebut beberapa minggu yang lepas ataupun seminggu, dua minggu yang lepas berkenaan dengan pindaan Perlembagaan iaitu pada 9 April 2019 yang lalu, satu Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 telah dikemukakan di Dewan Rakyat. Walau bagaimanapun, rang undang-undang itu tidak dibentangkan di Dewan kita ini kerana tidak mendapat undian 2/3 di Dewan Rakyat, jadi tidak dibentangkan di Dewan kita yang mulia ini.

Cadangan pindaan tersebut khusus untuk meminda Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan. Saya tidak bertujuan untuk mendebatkan tentang apa-apa cadangan pindaan ini, tetapi saya hanya tetap terus mengulangi apa yang pernah saya bahaskan di Dewan ini seperti mana dalam perbahasan saya semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dalam bulan Disember 2018 yang lalu.

Saya tetap menyatakan sokongan saya ke atas penubuhan Jawatankuasa Perundingan mengenai Perjanjian Malaysia (MA63) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan. Hasil daripada mesyuarat pertama dahulu, jawatankuasa ini telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*), Jawatankuasa Teknikal dan beberapa kumpulan kluster. Mereka telah bermesyuarat beberapa kali, tetapi belum lagi mengemukakan laporan muktamad tentang apa yang telah dibincangkan hasil daripada perbincangan jawatankuasa ini.

#### ■1630

Saya menyarankan jawatankuasa ini terus bermesyuarat supaya perkara-perkara yang belum mendapat persetujuan bersama antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah boleh dibincangkan dengan lebih lanjut hingga ke titik penyelesaian. Perkara ini tidak boleh terburu-buru. Saya yakin jawatankuasa akan dapat mengemukakan apa-apa rumusan, hasil daripada mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa ini tidak lama lagi. Saya menyarankan supaya perkara dalam Perlembagaan Persekutuan seperti Perkara 1(2), Perkara 160(2) boleh diperhalusi melalui mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa ini. Selain itu juga, pentingnya ialah Perkara 112D dan juga Perkara 112D(3), iaitu mengenai *review of special grant to State of Sabah and Sarawak* hendaklah dibincangkan di dalam jawatankuasa tersebut.

Walau bagaimanapun, kita di Sarawak tetap tegas dengan pendirian kita bahawa kuasa ke atas Imigresen, *territory of Sarawak and its statutorily integrity and mass Continental Shelf, seabed and subsoil* adalah hak mutlak Sarawak dan kita tidak akan berkompromi di dalam hal-hal ini. Pada saya, hasil daripada rumusan-rumusan dan keputusan Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Perdana Menteri, Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah bagi mendapatkan kata muktamad dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah sebelum ia dibentangkan di Parlimen untuk sebarang urusan yang ada kaitan dengan perundangan dan perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang hendak saya kemukakan dalam perbahasan saya di Dewan pada hari ini ialah hal-hal yang ada berkaitan dengan negeri Sarawak. Saya rasa, sejak kali pertama saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan saya di Dewan yang mulia ini sehingga ke hari ini, saya akan terus membangkitkan hal-hal yang ada di negeri Sarawak.

Pertama sekali, kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini soalan yang sentiasa saya bangkitkan, tidak lain dan tidak bukan, saya hendak tanya apakah status terkini cadangan pembinaan Akademi Bomba dan Penyelamat di Sarawak?

Kedua, apakah kementerian KPKT mempunyai perancangan untuk memperkasakan Unit Udara Bomba untuk negeri Sarawak?

Kepada Kementerian Dalam Negeri, saya ingin bertanya apakah status terkini Projek Pembinaan Balai Polis baharu di kawasan Matang, Kuching? Dahulu dikatakan mahu tender bulan Disember tahun 2018. Apakah status terkininya?

Kedua, apakah rancangan kementerian untuk menambah Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan Unit Van ataupun kita sebut sebagai Balai Polis Bergerak di Sarawak. Adakah Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk menubuhkan sebuah daerah polis baharu untuk kawasan Dewan Bandaraya Kuching Utara?

Selain itu juga, saya meminta Kementerian Dalam Negeri menyatakan kedudukan terkini penubuhan Agensi Kawalan Sempadan di negara kita dan menyatakan pos-pos sempadan yang dikawal oleh agensi ini di Sarawak? Adakah cadangan-cadangan untuk membuka pos-pos kawalan sempadan yang baharu di Sarawak?

Kepada Kementerian Pendidikan, saya ingin bertanya tentang langkah-langkah yang diambil sebagai inisiatif tambahan kementerian dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Sarawak mahupun agensi Kerajaan Negeri Sarawak untuk meningkatkan prestasi akademik, sekolah-sekolah di Sarawak di dalam peperiksaan awam seperti UPSR, PT3, SPM dan STPM. Ini yang mana, prestasi Sarawak di dalam peperiksaan awam tersebut adalah agak tercorot di peringkat nasional. Adakah sebab-sebab mengapa ia begitu, telah dikenal pasti? Apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang harus diambil untuk menangani keadaan ini? Selain itu juga, saya meminta Kementerian Pendidikan untuk mengatakan apakah status terkini Projek Pembinaan Hospital Pengajar- *Teaching Hospital*, untuk Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)?

Saya juga ingin meminta Kementerian Pendidikan mengatakan di dalam Dewan yang mulia ini apakah sebab-sebab kementerian tidak bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membayar hutang secara kontra kepada Kerajaan Persekutuan dengan menggunakan wang bayaran hutang sebanyak RM1 bilion untuk kerja-kerja baik pulih sekolah-sekolah daif di Sarawak? Walaupun dilaporkan pada awalnya Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan kaedah kontra ini, tetapi, saya difahamkan ada *U-turn* tentang keputusan ini. Apakah sebab-sebab mengapa ia menjadi begitu?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak tahu, kalau boleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan status terkini bangunan TH Hotel dan Pusat Konvensyen iaitu yang dimiliki oleh Lembaga Tabung Haji yang ada di Kuching. Rakyat tertanya-tanya, apakah yang terjadi dengan bangunan ini? Dijualkah atau masih dimiliki oleh Tabung Haji kah ataupun sebagainya?

Maka, saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan apakah status terkini bangunan hotel pada masa ini? Adakah ia diletakkan di bawah syarikat SPV ataupun sebagainya? Apakah semua pekerja yang telah diambil bekerja oleh hotel ini dulu telah ditempatkan dengan pekerjaan lain atau adakah mereka telah mendapat bayaran pampasan yang sewajarnya mengikut kaedah-kaedah syarat pekerjaan dan faedah-faedah pemberhentian kerja oleh majikan mengikut lunas-lunas undang-undang pekerjaan?

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya. Sama-sama kita berdoa agar negara kita terus aman, maju, sejahtera dan sentiasa mendapat perlindungan Allah SWT dari sekalian bahaya dan bencana agar kita dapat hidup dalam keadaan yang bahagia, aman dan sentosa dan mendapat rahmat Allah SWT. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### ■1640

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Dr. Zaiiedi Haji Suhaili. Terima kasih banyak dan kita ada lagi lima orang Ahli Yang Berhormat hendak berucap ya dan saya minta kerjasama terus. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Dipersilakan.

#### 4.44 ptg.

**Puan Asmak binti Husin:** [Berucap dalam bahasa Arab] *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang kepada saya untuk menyokong usul titah diraja yang bertarikh 11 Mac yang lalu. Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan.

Pertama, saya ingin menyatakan sokongan penuh dan menyeru rakan-rakan se-Dewan semua untuk sama-sama menyokong usaha mengangkat martabat Dewan Negara agar menjadi sebuah Dewan muafakat yang berdikari dan inklusif sebagaimana yang kita ketahui diketuai oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff dengan restu Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan.

Antara agenda penting dalam reformasi ini adalah untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992. Akta ini sangat penting bukan sekadar untuk pengurusan bajet tetapi juga untuk menjaga kebajikan dan menaik taraf pegawai yang berkhidmat di Parlimen. Ada yang saya dapat makluman pegawai kita sudah berkhidmat secara 13 tahun secara kontrak dan tidak di naik taraf sehingga kini.

Saya juga ingin mengambil peluang untuk menyokong ucapan Yang Berhormat Presiden Majlis Senator tadi untuk melihat juga reformasi benda-benda yang remeh. Walaupun ia nampak remeh tetapi sebenarnya ia melambangkan sejauh mana orang melihat Dewan Negara ini sebagai sebuah Dewan yang berprestij. Begitu juga, saya ingin menyokong ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin sebentar tadi mengenai peruntukan untuk senator-senator termasuk senator pembangkang. Ini kerana kami ini sebenarnya ada banyak perkara dan projek yang perlu dijalankan. Sebagai Ahli Parlimen kami juga ada tuntutan. Jadi, mohon kepada pihak kerajaan untuk melihat tuntutan kami.

Seterusnya, untuk reformasi Dewan Negara ini juga kami telah menyusun pelan komunikasi untuk penjenamaan Dewan Negara demi mencapai hasrat yang saya sebutkan tadi. *Alhamdulillah* kami dapat sokongan daripada pelbagai pihak media.

Namun, apa yang mengecewakan saya adalah apabila media kerajaan iaitu RTM tidak mendukung semangat yang kami bawa. Apabila kami memohon kerjasama, kami dapat makluman bahawa hanya Yang Berhormat dari kerajaan sahaja yang dibenarkan muncul dan Yang Berhormat dari pembangkang seperti saya tidak dibenarkan muncul untuk bercakap tentang reformasi Dewan Negara.

Jadi, saya ingin bertanya, apakah benar polisi atau garis panduan atau *carpet rules* seperti ini wujud? Sejauh mana polisi keterbukaan media dalam era Malaysia baharu? Adakah ini kesan trauma penjawat awam terhadap kerajaan? Apatah lagi ada pimpinan kerajaan menekankan pemutihan penjawat awam kerana dituduh berpihak kepada kerajaan lama. Mohon penjelasan.

Saya juga hendak mengambil peluang untuk membangkitkan isu majlis media yang pernah kita bincangkan ketika berbahas isu rang undang-undang antiberita tidak benar dalam beberapa sidang lepas. Sejauh mana perkara ini sedang direalisasikan oleh kerajaan? Kebebasan bersuara adalah agenda kerajaan baharu.

Jadi, apakah perancangan Kerajaan setakat ini? Adakah kita mahu media di Malaysia masih trauma atau menjadi badan yang bersama-sama membangunkan sebuah pentadbiran yang adil. Selain itu... *[Disampuk]*

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Yang Berhormat, minta laluan Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Asmak binti Husin:** Ya, silakan.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Timbalan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat menyebutkan tadi tentang pemutihan. Belum ada di sana yang disebutkan secara rasmi oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Itu satu perkara.

Kedua, ialah apa yang Yang Berhormat faham sebenarnya bila disebutkan pemutihan? Itu yang kedua. Ketiga, ialah sejauh mana kerajaan negeri Kelantan sendiri boleh bersedia untuk menerima kakitangan yang berbeza pendapat dan mungkin boleh mengkritik kerajaan Kelantan.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya sebenarnya bersetuju dengan konsep keadilan dan konsep *federalisme* yang dibawa oleh kerajaan baharu dan saya menyarankan sama ada kerajaan sekarang sama ada di Persekutuan ataupun di mana-mana kerajaan negeri untuk menjalankan perkara yang sama. Saya nampak juga... *[Disampuk]*

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Termasuk Kelantan...

**Puan Asmak binti Husin:** Termasuk Kelantan. Saya nampak juga isu pemutihan ini sebenarnya kita masih ada trauma di kalangan penjawat awam dan kita nampak juga di kalangan ahli politik juga kita ada trauma.

Trauma mungkin beranggapan akan ada sesuatulah yang menimpa sekiranya mereka melakukan sebaliknya. Jadi, trauma ini sangat dirasakan dan ia memberi kesanlah kepada pentadbiran yang ada.

Okey, seterusnya saya- selain itu sangat penting untuk menghasilkan masyarakat yang lebih matang dalam berpolitik. Rasanya kita masih lagi ada garis kabur antara parti politik dan pentadbiran negara. Itu yang disebutkan tadi kan?

Oleh itu, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pendidikan untuk menggubal *syllabus* bagi menghasilkan pemikiran politik matang dan terbuka sejak daripada sekolah sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menurunkan umur minimum mengundi ke 18 tahun. Selain itu, agenda meningkatkan bilangan MP wanita juga patut ditekankan. Setakat ini, bilangan Ahli Parlimen wanita tidak mencapai 30 peratus kuota yang disarankan. Antara punca kekurangan adalah tidak ramai wanita yang boleh bertahan dengan *lifestyle*, dengan izin, Ahli Parlimen dan kekurangan sistem sokongan mesra wanita dan keluarga.

Saya bagi contoh *simple*. Kalau Ahli Parlimen wanita di luar bandar, semua *event* kita perlu hadiri dan ibarat kata kalau lembu, kambing sakit pun dia akan pergi jumpa dengan Ahli Parlimen. Di mana keadaan ini kadang-kadang tidak sesuai untuk Ahli Parlimen wanita dan ketika bersidang pula kalau Dewan Rakyat sampai 10 malam setiap malam tidak termasuk urusan-urusan lain lagi. Oleh itu, untuk memendekkan kalam, apakah langkah kerajaan untuk menghasilkan suasana politik mesra wanita dan usaha meningkatkan sistem sokongan untuk Ahli Parlimen wanita seperti saya dan rakan-rakan?

Seterusnya, saya ingin menyentuh isu Kelantan. Pertama, isu sistem pengairan yang tidak lengkap dan mencukupi iaitu di kawasan padi di luar jelapang yang diselia oleh Jabatan Pertanian Negeri Kelantan dan jabatan pengairan dan saliran, terutama ketika musim kemarau. Apakah kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan memandangkan peruntukan sebelum ini tidak mencukupi.

**Puan Raj Munni binti Sabu: [Bangun]**

**Puan Asmak binti Husin:** Kedua, kedudukan Kelantan di kawasan sempadan menyebabkan kemasukan produk atau hasil tani dan lambakan haiwan ternakan daripada Thailand. Ini meningkatkan saingen kepada petani tempatan dan boleh merugikan mereka. Soalannya ialah pertama saya ingin memohon kerajaan meningkatkan promosi untuk menggalakkan rakyat membeli barang tempatan.

Kedua, memohon mengkaji semula dasar terbuka yang menerima kemasukan produk tani daripada Thailand yang boleh menjelaskan masa depan petani. Bagi kemasukan haiwan ternakan ke Kelantan pula, sekarang hanya ada satu pusat kuarantin yang disediakan Kerajaan Persekutuan di Rantau Panjang yang hanya boleh menampung 1,500 ekor haiwan dalam tempoh setiap 15 hari.

Oleh itu, Jabatan Veterinar Kelantan telah membuka peluang kepada pusat kuarantin persendirian tetapi mereka tidak mempunyai lesen sah kerana tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Oleh itu, mohon pihak kementerian memberikan peruntukan untuk menaik taraf pusat kuarantin sedia ada supaya dapat didaftarkan dan juga mohon peruntukan untuk skim pinjaman ternakan ataupun skim pawah untuk memantapkan sektor ternakan di Kelantan.

Seterusnya, berkenaan isu kemasukan ayam daging proses daripada Thailand yang menggunakan AP dan penyeludupan ayam yang berleluasa telah menjelaskan penternak sehingga terpaksa menutup reban ayam yang ada.

Oleh itu, saya ingin memohon pihak kementerian untuk mengawal pemberian AP kerana ia dilihat lebih menguntungkan pihak persendirian dan tidak mengambil kira maslahat keseluruhan penternak ayam di Kelantan. Perlu ada kawalan dan bantuan penstabil harga daripada pihak kerajaan untuk mengelakkan penternak ayam gulung tikar sebagaimana yang pernah berlaku di Kelantan pada tahun 2014 dan 2015.

Kami juga ingin mencadangkan supaya diwujudkan subsidi untuk penternak ayam seperti petani dan penternak ikan. Seperti subsidi kos pengangkutan bekalan ayam daripada Pelabuhan Klang ke negeri Pantai Timur yang boleh mencecah RM5 hingga RM10 satu beg dan ini akan meningkatkan kos dan meninggikan harga ayam.

Dalam sektor perikanan pula, Kelantan mencatatkan pendaratan ikan antara yang terbanyak di Malaysia dan Pelabuhan Tok Bali menjadi pusat pendaratan ikan oleh nelayan tempatan dan dari Thailand serta Vietnam. Oleh itu, mohon pihak kerajaan menyediakan infrastruktur seperti pusat pemprosesan, penyejuk beku dan penyimpanan supaya hasil perikanan yang didararkan dapat memberi sumbangan kepada kerajaan negeri dan bukan pergi kepada tempat-tempat lain.

■1650

Pihak kerajaan juga dimohon agar melantik wakil kerajaan negeri dalam jawatankuasa pelesenan bagi pelabuhan laut dalam di peringkat kebangsaan supaya suara kerajaan negeri dapat didengari, memandangkan kami mempunyai pusat pelabuhan pendarat ikan antara yang terbesar di Malaysia.

Seterusnya, saya juga memohon kerajaan untuk menyegerakan kerja-kerja penggalian kuala sungai di Laguna Tujuh, Tumpat kerana ia menjadi punca utama kematian ikan hasil daripada aliran air keluar masuk yang sedikit dan menjelaskan kualiti air dan sungai yang tertutup juga telah menyebabkan ikan-ikan boleh mati. Situasi ini boleh menjelaskan mata pencarian 45 orang peserta projek ikan air payau yang sudah bermula sejak 2007. Tahun ini sahaja sudah empat penternak yang kematian ikan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas beberapa projek utama yang dijanjikan akan turun ke Kelantan dalam masa terdekat. Selain pembangunan berbentuk fizikal, apakah kerajaan berhasrat untuk menambah peruntukan untuk pembangunan modal insan di Kelantan, khususnya berkaitan pencegahan dadah dan gejala sosial di kalangan remaja? Saya ambil contoh AADK di Kelantan, setiap tahun menerima bajet yang semakin berkurangan dan ini memberi kesan terutamanya kepada logistik AADK sendiri.

Jadi, mohon pihak kerajaan menyatakan berapakah peruntukan untuk pembangunan modal insan di Kelantan berdasarkan kementerian? Mohon juga perhatian untuk menambah peruntukan untuk agensi berkaitan pencegahan dadah di Kelantan. Menurut maklumat yang saya dapat, AADK pernah mendapat peruntukan yang tertinggi iaitu ketika zaman kerajaan menekankan tentang modal insan iaitu tentang ketika zaman Tun Abdullah Badawi. Jadi, mohon pihak kementerian untuk melihat dari sudut pembangunan modal insan juga.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Perlembagaan dan isu keharmonian beragama. Sejak akhir-akhir ini, isu Perlembagaan dan keharmonian beragama sangat diperbincangkan. Perlembagaan telah menjadi asas kontrak penting yang mengikat semua rakyat, agensi dan badan-badan di Malaysia. Kita ada isu tuntutan rovalti daripada Kelantan, pindaan Perkara 1(2), kebebasan bersuara, kebebasan beragama dan sekarang hendak pakai tudung atau hijab pun ada yang kata hendak tengok Perlembagaan.

Berikut adalah beberapa isu yang saya ingin bangkitkan. Pertama, dalam Perlembagaan Persekutuan ada peruntukan Perkara 81 tentang obligasi negeri kepada Persekutuan yang menyatakan negeri hendaklah memastikan apa-apa undang-undang Persekutuan mesti dipatuhi dan tidak menghalang atau menjelaskan kuasa Persekutuan. Akan tetapi yang menariknya, kita tidak ada peruntukan khusus berkenaan obligasi Persekutuan terhadap negeri. Oleh itu, sekiranya Persekutuan tidak melaksanakan tanggungjawabnya terhadap negeri, maka remedи yang boleh digunakan sekiranya mahu ialah membawa kes ke Mahkamah Persekutuan.

Macam contoh sekarang kita Sabah, Sarawak masih *demanding power*, jadi boleh menggesa Kerajaan Persekutuan mengambil perhatian. Akan tetapi kalau suatu hari nanti, sesebuah negeri itu tidak ada *demanding power* dan Kerajaan Persekutuan tidak melaksanakan tanggungjawabnya terhadap negeri, jadi apa yang boleh dibuat oleh kerajaan negeri? Ini yang berlaku kepada Kelantan dan juga disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi tadi tentang kontrak infrastruktur sekolah yang dijanjikan di Sarawak. Kalau Kerajaan Persekutuan tidak hendak menuaikan hak negeri, jadi kita boleh buat apa? Oleh sebab obligasi hanya menyatakan tentang kuasa negeri terhadap Persekutuan, bukan sebaliknya.

Mohon kerajaan meneliti perkara dan menjelaskan apakah remedи yang boleh dilakukan selain membawa kes ke Mahkamah Persekutuan dan mencadangkan agar meneliti peruntukan berkenaan obligasi Persekutuan terhadap negeri-negeri.

Pada pandangan pihak kerajaan, adakah kita di Malaysia hendak mengekalkan kaedah pentadbiran *centralize federalism* atau bagaimana atau ke manakah hala tuju sistem Federal kita?

Kedua, saya ingin menyentuh tentang laporan oleh Numan Afifi di UNHCR (Geneva) Mac lalu yang mendakwa hak kebebasan golongan LGBT yang dilanggar oleh JAKIM khususnya dan kenyataan ini di dokong oleh 41 NGO. Tindakan ini pada pandangan saya bertentangan dengan 10(2)(c) dan kenyataan ini mengundang ketidakselesaan masyarakat di Malaysia khususnya. Kalau Program Mukhayyam JAKIM dianggap menceroboh hak asasi untuk mengamalkan LGBT di Malaysia, bagaimana pula dengan aktiviti pemulihan yang dilakukan oleh masyarakat Kristian dan lain-lain?

Oleh sebab sebelum ini, saya berbincang juga dengan Yang Berhormat Senator Tuan Nga sebab hendak tahu apakah yang dilakukan oleh agama lain, khususnya Kristian untuk menangani isu LGBT? Beliau juga menyatakan dan kami memang bertukar-tukar pandangan, ada juga pusat pemulihan yang dilakukan oleh Kristian.

Jadi, adakah ini dianggap mengasari juga hak asasi LGBT? Kalau ini mengasari hak LGBT, apa pula hak kita sebagai ibu bapa yang ingin mendidik anak-anak kita dengan cara hidup Islam atau beragama dan ia dianggap melanggar hak asasi anak? Jadi sebenarnya, saya hendak memberi kesimpulan bahawa apa yang dibuat ini bertentangan dengan Perlembagaan sebab kita ada *public order*.

Apakah tindakan kerajaan dalam menangani pengembangan pemikiran seperti ini kerana ia melibatkan undang-undang am atau *public order* yang berhubung dengan ketenteraman awam, kesihatan awam dan prinsip moral? Apakah polisi Kementerian Luar Negeri terhadap NGO yang membuat laporan tidak benar atau buruk tentang Kerajaan Malaysia di peringkat antarabangsa? Apakah proses yang perlu dilakukan oleh kerajaan dan pihak berkepentingan ke arah meratifikasi mana-mana konvensi antarabangsa? Saya hendak masukkan juga soalan saya, apakah persediaan yang dibuat ke arah proses semakan CEDAW dan CRC oleh Kerajaan Malaysia?

Menyentuh tentang isu LGBT dari sudut kesihatan, saya telah menemui beberapa data berikut semasa saya membuat kajian. Antaranya, didapati statistik peningkatan HIV adalah berpunca daripada kegiatan *hetero* iaitu seks bebas dan homoseksual di Malaysia. Perbezaan yang jelas dapat dilihat antara tahun 2000 dan tahun 2016. Pada tahun 2000, amalan dadah menjadi punca utama penyumbang HIV terbesar di Malaysia. Akan tetapi pada tahun 2016, punca utama HIV telah berpindah kepada aktiviti homoseksual iaitu sebanyak 46 persen mengatasi *hetero* iaitu seksual bebas yang menyumbang hanya 39 peratus. Jadi ini menunjukkan ia menjadi penyumbang terbesar kepada HIV.

Kedua, ada juga golongan pelajar dan belia berminat untuk melacurkan diri, minta maaf, sebagai pelacur homoseksual kerana habuan duit walaupun mereka sebenarnya bukan pengamal seks songsang dan untuk memudahkan kerja, mereka mengambil dadah. Jadi, bagaimana kita hendak mengatasi masalah pelajar dan belia yang berminat menjadi pelacur seperti ini?

Ketiga, ada juga daripada pengamal LGBT yang di interviu menjadi tegar kerana mereka merasakan ada dukungan yang kuat daripada pertubuhan hak asasi di Malaysia. Jadi, soalan saya, apakah dasar penyelarasan yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi isu-isu seperti di atas? Oleh sebab untuk menyelesaikan isu di atas, sekurang-kurangnya perlu pelan tersusun dan komprehensif daripada Kementerian Kesihatan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan lain-lain. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian yang saya telah sebutkan tadi? Oleh sebab isu ini melibatkan kepentingan generasi Malaysia yang akan datang.

Saya juga hendak menekankan kepada satu perkara sebagaimana Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi sebutkan. Di Malaysia, kita ada banyak pelan tindakan, termasuk yang terbaru adalah Pelan Tindakan SDG. Akan tetapi adakah semua pelan-pelan ini bergerak di bawah satu dasar yang jelas atau secara terpisah-pisah? Adakah kita masih hendak mengekalkan Wawasan 2020, TN50 ataupun sebagainya? Sepatutnya seluruh pelan ini, pelan-pelan tindakan yang ada, termasuk pelan SDG, terletak di bawah satu dasar yang jelas supaya kita boleh nampak hala tuju Malaysia.

Jadi, mohon pencerahan. Apakah pula polisi Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mencegah kewujudan kumpulan pendukung ini dalam media sosial?

Ketiga, saya ingin menyentuh isu *dehijabing forum* iaitu gerakan untuk membuka tudung. Apakah tindakan kerajaan terhadap gerakan yang mendakwah orang lain supaya membuka tudung dan membawa ajaran yang bertentangan dengan Islam dan Perlembagaan Malaysia juga? Mereka menggunakan hujah al-Quran tetapi mentafsirkan sesuka hati. Secara jelas dalam ayat al-Quran perkataan “*khimar*”, dan “*jilbab*” dalam Surah An-Nur ayat 30-31 digunakan untuk merujuk kepada penutupan kepala dan bukan sekadar ambil kain letak atas dada. Setakat ini, apakah perkembangan tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan?

Keempat, saya juga ingin menyentuh tentang bantuan terhadap *Sisters in Islam* (SIS) yang telah menimbulkan ketidaksenangan hati di kalangan orang Islam di Malaysia. Alasannya adalah kerana SIS telah membantu lebih 8,000 orang wanita yang dizalimi di mahkamah. Isu ini amat sensitif bagi masyarakat Islam kerana ada beberapa pandangan mereka yang bertentangan dengan Islam dan juga ada fatwa yang menyokong perkara demikian.

Tambahan pula, kalau benar kerajaan ingin membantu wanita, kita di Malaysia ada mempunyai Jabatan Bantuan Guaman yang membawa pelbagai kes dan sudah pasti klien yang paling ramai adalah wanita. Jadi, saya menyarankan untuk kita fokus untuk menaik taraf jabatan ini agar dapat diakses, termasuk di kawasan pedalaman oleh rakyat Malaysia, khususnya wanita. Selain itu, saya juga hendak berkongsi tentang satu NGO yang aktif di seluruh Malaysia iaitu Pusat Khidmat Keluarga Sosial dan Komuniti yang dipanggil sebagai PKKSK. Mereka ini adalah rakan strategik JAKIM dan yang paling aktif adalah di negeri Kelantan. Sukarelawan atau pegawai khidmat nasihat mereka mendapat tauliah dan terlatih dan kalau di Kelantan, mereka ada di setiap jajahan.

#### ■1700

Sebelum ini saya dimaklumkan mereka dapat peruntukan daripada kerajaan atas usaha mereka sebagai NGO yang banyak meringankan kerja kerajaan. Akan tetapi untuk tahun ini, mereka tidak diberikan apa-apa peruntukan dan diberitahu memang tidak ada peruntukan.

Jadi bagi saya, berbanding dengan SIS yang kita ada isu dengan umat Islam, mereka ini lebih berkaliber kerana latihan dan modul mereka disediakan oleh JAKIM. Jadi mohon pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melihat juga peranan Jabatan Bantuan Guaman, Biro Sokongan Keluarga dan NGO-NGO yang menjadi rakan strategik kepada kementerian lain kerana ia melibatkan kepentingan wanita dan keluarga.

Seterusnya juga saya ingin...

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, boleh minta laluan?

**Puan Asmak binti Husin:** Ya, silakan

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Terima kasih, Yang Berhormat. Daripada hal peruntukan yang disebutkan diberikan kepada SIS, saya kira saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa peruntukan itu, bantuan RM20,000 itu disalurkan bukan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebenarnya tetapi daripada peruntukan khas Ahli-ahli Yang Berhormat dapat, Ahli-ahli Parlimen dan juga Kabinet? Itu satu.

Adakah Yang Berhormat sedar? Oleh sebab beberapa kali Yang Berhormat menyebutkan langsung dikait dengan kementerian. Pada saya itu tidak tepat sebab itu bukan peruntukan kementerian.

Sepatutnya pun bila peruntukan itu adalah peruntukan bersifat peribadi, patutnya tidak dibangkit untuk Menteri jawab. Sepatutnya begitu tetapi di Dewan Rakyat, saya lihat pelik juga dan Menteri pun jawab. Saya pun tidak faham.

Keduanya, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa sekiranya mana-mana yang tidak selari dengan Islam termasuk agama lain tidak selari dengan Islam, maka Ahli-ahli Yang Berhormat yang mendapat peruntukan khas itu tidak boleh menggunakan? Walaupun mereka rakyat Malaysia, barangkali, tetapi kalau mereka memohon sumbangan, adakah tidak boleh digunakan kepada mereka? Yang khas itu hanya boleh digunakan untuk Islam.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya menyedari bahawa ia bukan peruntukan daripada kementerian dan ia adalah peruntukan peribadi. Akan tetapi, ia diumumkan atas *stand* Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadi apabila dibuat pengumuman, saya rasa kalau ia adalah sumbangan peribadi dan tidak diumumkan atas *stand* tersebut, ia tidak menjadi isu dan sensitif bagi umat Islam tetapi apabila diumumkan, maka ia menunjukkan pengiktirafan terhadap *Sisters In Islam* dan ini sebenarnya mengundang keresahan di kalangan orang Islam dan sebab itulah dibangkitkan keresahan ini kepada kita pada hari ini. Akan tetapi kalau ia *personal* dan tidak diumumkan, mungkin itu adalah hak masing-masing.

Seterusnya...

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Soalan kedua.

**Puan Asmak binti Husin:** Soalan kedua tadi berkenaan dengan bolehkah kalau selain daripada Islam untuk mendapat peruntukan. Saya rasa memang ada peruntukan yang membenarkan supaya selain daripada badan-badan agama Islam untuk mendapatkan peruntukan. Akan tetapi kalau dalam isu *Sisters In Islam*, sebab ia menggunakan *Sisters In Islam*, itulah yang mengundang keresahan rakyat.

Seterusnya, saya ingin menyentuh pula tentang isu rebat wakaf. Saya juga ingin mengalau-alukan *Waqf Bill* yang akan dibentangkan jangkaannya sebelum tahun 2020 di Parlimen sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Dr. Fuziah. Namun, saya ingin mencadangkan agar dimasukkan sekali perihal pemotongan cukai untuk menggalakkan sumbangan demi maslahat rakyat. Ini kerana wakaf terbuka untuk Islam dan juga bukan Islam.

Dalam masa yang sama, sejauh mana Majlis Agama Islam Negeri telah menggunakan Akta Cukai Pendapatan 1967, seksyen 44(6) untuk rebat cukai bagi instrumen wakaf? Berapa negerikah yang sudah mendapatkan pemotongan? Kalau tiada, apakah kemungkinan boleh digunakan oleh seluruh Majlis Agama Islam Negeri di bawah peruntukan subseksyen ini?

Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang isu keusahawanan. Ada beberapa keluhan dan aduan yang telah dibuat oleh usahawan IKS Bumiputera di Malaysia. Sekarang kita mempunyai ramai usahawan IKS hasil daripada kurang pekerjaan lebih-lebih lagi untuk graduan. Saya boleh anggapkan ini adalah rahmatlah. Di sebalik kesusahan, kita ada rahmat, maka lahirnya ramai lagi usahawan bumiputera. Namun, mereka memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak khususnya kerajaan untuk menaik taraf perniagaan mereka.

Pertama, isu utama peniaga kecil adalah ilmu pengurusan terutamanya pengurusan akaun yang *simple*. Kegagalan mengurus akaun akan mengurangkan pegangan wang tunai dan kemampuan mendapatkan pinjaman dan geran. Apatah lagi mereka kalau tidak ada pengurusan akaun yang baik, mereka tidak boleh memiliki rumah, kereta dan harta.

Jadi saya ingin mencadangkan agar ada kursus yang mudah ataupun *apps* yang mudah yang boleh diakses secara *online*. Boleh juga dibuat iklan-iklan di TV atau bekerjasama dengan mana-mana penerbit untuk menghasilkan drama atau cerita untuk membangunkan usahawan bumiputera di Malaysia. Ia lebih bagus daripada kita hasilkan drama isteri kontraklah, isteri sebelah rumah, suami atas rumah dan sebagainya.

Seterusnya, mohon juga penyelarasan dibuat antara agensi seperti halal, SIRIM dan lain-lain. Ini kerana prosedur yang ada dilihat banyak menyusahkan IKS dan tidak praktikal. Contohnya, untuk mendapatkan halal mestilah lantai sepenuhnya epoksi, *equipment* tertentu dan lain-lain. Ini semuanya memakan kos.

Walaupun permohonan halal secara realitinya murah tetapi kesempurnaan syarat itu memakan kos. Kadang-kadang boleh menelan belanja hingga RM50 ribu, RM100 ribu yang mana ini tidak mampu ditanggung oleh IKS. Sedangkan mereka IKS ini tiada modal. Kenapa tidak digembleng pegawai halal dalam setiap agensi terutamanya berkaitan penyelidikan seperti MARDI untuk memudahkan penghasilan *equipment* dan teknologi yang lebih murah dan praktikal untuk IKS di Malaysia?

Ada juga aduan mengenai *auditor* yang tidak realistik seperti meminta usahawan daging salai untuk tidak ada debu di kawasan memasak yang mana tak logik sebab daging salai ini ia menggunakan kayu api, jadi kalau tak ada debu, jadi macam mana? Jadi sebab itulah sampai sekarang tidak mendapat pengiktirafanlah, tak dapat sijil.

Begitu juga kita meminta usahawan fucuk supaya memastikan mereka itu tidak berair dan tidak berbau. Macam mana usahawan fucuk ini dia nak menghasilkan fucuk tanpa bau? Oleh sebab memang sifat dia kena peram. Macam orang buat budulah, memang kena bau budu. Jadi, ia meningkatkan kos. Jadi, ini tidak logik dan boleh meningkatkan kos kepada IKS.

Ada juga *auditor* yang pergi itu adalah *auditor* dalam bidang lain. Contohnya, pergi buat *inspection* dekat bahagian rempah tapi dia berasal daripada kosmetik. Untuk masak kosmetik dengan masak rempah itu, api dia lain-lain.

Jadi, akhirnya menjadi beban kepada IKS untuk mendapat pengiktirafan sedangkan pengiktirafan halal ini sangat penting untuk memasuki pasar raya, hotel dan untuk keluar negara. Kalau mereka tidak dapat halal ini, maka syarikat mereka ini akan dimasukkan dalam kategori *non-halal* walaupun asalnya *substance* yang mereka ada itu adalah halal.

Begitu juga dengan geran yang membebankan. Contohnya, geran peralatan daripada SIRIM- ini saya dapat maklumat ya- bernilai RM250,000 tetapi usahawan yang mendapat geran tersebut kalau hendak mendapatkan *equipment* bernilai RM250 ribu itu perlu bagi *cash* RM50 ribu sebagai deposit. Bagi IKS, RM50 ribu ini besar dan boleh buat beberapa kali pusing modal. Sekiranya isu sebenar adalah pemantauan, mohon dinaiktaraf pegawai-pegawai yang terlibat.

Seterusnya, ada juga saya mendapat aduan yang geran *packaging* RM50 ribu tetapi mesti buat dengan kontraktor tertentu sahaja tetapi bila dapat barang, rupanya tidak berbaloi dengan RM50 ribu dan kalau usahawan buat sendiri di luar *packaging* tersebut, dia boleh dapat volum sekali ganda. Jadi, ada juga usahawan-usahawan yang dapat geran ini menolaklah geran kerana bagi mereka, mereka boleh dapat yang lebih besar.

Selain itu, harga barang asas banyak dimonopoli oleh *supplier non-bumi* tertentu sahaja dan kalau Bumi yang beli, memang dapat harga yang lebih tinggi. Saya bagi analogi mudahlah. Kalau orang Kelantan, biasanya kita pergi ke Pasar Siti Khadijah. Biasanya kalau orang Kelantan ini, dia dikenali sebagai ‘Cina Malaysia’. Orang Kelantan ini. Ini semasa saya mengajar dahululah, dibuat kajian begitu.

Biasanya peniaga Kelantan ini dia ada tiga harga. Harga yang paling mahal ialah untuk orang luar Kelantan yang tidak boleh *kecek* Kelantan, tidak berbudaya Kelantan, maka kita bagi harga yang paling tinggi. Harga lebih rendah atau sederhana untuk orang di luar Kelantan tetapi boleh *kecek* Kelate- itu dengan izin ya, dan berbudaya Kelantan tetapi harga paling rendah sudah semestinya untuk orang asli Kelantan. Ini saya bagi analogi mudahlah.

Ini saya bagi contoh dan realitinya ini yang berlaku dalam perniagaan bekalan barang asas di Malaysia. Jadi, untuk persaingan tender terbuka, memang bumiputera tidak dapat mengemukakan harga terbaik. Atas dasar tersebut, kita tidak bersetuju apabila projek-projek kecil seperti kontraktor Kelas F turut dibuka kepada semua secara *open tender*. Bukan bumiputera takut bersaing tetapi kerana daripada awal, harga bekalan yang diperoleh lebih tinggi.

#### ■1710

Oleh itu, saya hendak mencadangkan agar diwujudkan syarikat GLC yang menguruskan dan mengawal barang bekalan asas untuk memecahkan monopoli yang ada. Mohon perhatian pihak kerajaan.

Mengenai projek membawa usahawan IKS Malaysia ke luar negara, amalan sekarang ialah mereka dibawa ke sana dan mereka berniaga di sana dalam pameran, dengan tidak mengenal sesiapa dan boleh terdedah kepada penipuan sehingga berjuta Ringgit. Kenapa kita tidak buat satu *business matching* dengan syarikat di negara tersebut yang sudah dikenal pasti berpotensi dan tulen oleh pegawai-pegawai yang bertugas di luar negara?

Kenapa kita biarkan sahaja peniaga IKS, maknanya terdedah kepada sesiapa atau mana-mana syarikat yang berada di luar negara? Mohon perhatian pihak kementerian, ada juga barang IKS yang dibawa ke luar negara tanpa kontrak. Jadi usahawan terpaksa tunggu beberapa ketika untuk dapat *repeat order*. Kalau tiada *repeat order*, maka bermakna barang itu tidak laku dan modal mati begitu sahaja.

Apabila saya bertanya, tidak ada kontrak yang mengikat. Kalau benarlah aduan ini, mohon pihak kementerian siasat dan saya ingin mencadangkan agar pihak agensi kerajaan yang menguruskan urus niaga IKS di luar negara, dilikat dengan kontrak yang jelas supaya tidak menzalimi mana-mana pihak. Kadang-kadang IKS ini dia *excited* apabila dapat bawa produk ke luar negara atau dapat *order* daripada luar negara.

Akan tetapi tanpa sistem sokongan yang bagus daripada kerajaan, IKS akan terdedah kepada penipuan atau tidak memahami SOP sesuatu negara atau tidak dapat memenuhi permintaan yang kadang-kadang memerlukan sampai satu kontena. Oleh itu, mohon perhatian pihak kementerian untuk memahami isu IKS ke luar negara dan tidak sekadar membawa mereka untuk berniaga di pusat-pusat pameran di luar negara sahaja.

Mengenai kursus yang disediakan terutamanya untuk *marketing*, saya dapat makluman, memang terdapat banyak yang disediakan untuk usahawan IKS. Namun kadang-kadang, kursus yang diadakan lebih kepada memenuhi KPI. Ada juga kursus bersifat *basic* dan boleh diakses sendiri oleh usahawan. Konsultan dilantik juga memberikan kursus percuma secara *basic* tetapi memang diberitahu kepada IKS, kalau hendak kursus lanjutan, kena bayar dengan harga tertentu dan memang harganya mahal yang mana IKS tidak mampu untuk menanggungnya. Oleh itu, saya memohon pihak kementerian untuk melakukan kajian keperluan kursus lanjutan terutama yang melibatkan perubahan teknologi yang tidak mampu dimiliki oleh usahawan IKS.

Itu sahaja kesempatan masa yang saya dapat ambil buat masa ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, silakan.

### 5.13 ptg.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja pada kali ini.

Hampir setahun Kerajaan Persekutuan yang diterajui Pakatan Harapan telah mentadbir negara ini dan terdapat pelbagai perubahan positif merentasi semua bidang, baik dari segi institusi, polisi ataupun program-program yang mesra rakyat. Ini dapat dicapai hasil daripada pentadbiran yang cekap, akauntabel serta tulus demi kebaikan rakyat Malaysia. Isu-isu yang saya akan bahaskan pada hari ini, akan menyentuh berkaitan dengan pendidikan, isu-isu nasional serta kebijakan masyarakat terutamanya di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya beri tumpuan adalah berkaitan pendidikan. Ini penting kerana sudah tiba masanya bagi sistem pendidikan di Malaysia memberi penekanan khususnya kepada inovasi agar pelajar yang lahir dalam sistem pendidikan kita lebih berdaya saing dan mampu mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0.

Bulan lepas, kita telah dimaklumkan oleh laporan media bahawa gaji permulaan bulanan benar ataupun *real average starting wage*, dengan izin, bagi kebanyakan siswazah baru di negara ini, menurun sejak 2010 setelah mengambil kira faktor inflasi. Siswazah baru yang berkelulusan diploma mendapat gaji benar sebanyak RM1,376 pada 2018 berbanding RM1,458 pada 2010. Ini penurunan yang amat menyedihkan.

Sementara itu, gaji benar pemegang ijazah sarjana muda adalah RM1,983 pada 2018 berbanding RM1,993 pada 2010. Manakala pemegang ijazah sarjana memperoleh gaji benar RM2,707, penurunan ketara daripada gaji sebanyak RM2,923 pada tahun 2010. Angka-angka ini diperoleh daripada Laporan Tahunan 2018 Bank Negara Malaysia dan saya kira penting bagi Kerajaan Pakatan Harapan, bukan sahaja mewujudkan peluang pekerjaan semata-mata tetapi juga mewujudkan peluang pekerjaan yang menawarkan gaji yang setimpal atau gaji yang lebih lumayan buat graduan kita.

Selain itu, Institut Penyelidikan Khazanah juga mendapati bahawa 95 peratus pekerja muda berada dalam kategori pekerjaan yang tidak berkemahiran. Manakala 50 peratus pekerja yang membuat pekerjaan berkemahiran rendah secara manual mempunyai kelayakan yang lebih tinggi daripada yang diperlukan oleh pekerjaan mereka. Ini bermakna, majoriti daripada graduan di negara ini adalah *overqualified* atau *underemployed*, dengan izin. Keadaan ini berlaku kerana walaupun berpendidikan tinggi, rata-rata graduan terpaksa menerima atau membuat pekerjaan yang lazimnya tidak memerlukan tahap pendidikan tinggi. Keadaan ini menjadi lebih teruk lagi dengan bekalan siswazah yang lebih daripada keperluan industri.

Oleh itu, saya percaya satu sistem pendidikan berteraskan inovasi harus dirangka bagi menjamin masa depan anak muda dalam negara. Jika kebanyakan daripada anak muda memilih untuk mengisi pekerjaan sedia ada dalam pasaran dan bukan mencipta pekerjaan, saya khuatir keadaan ini akan makin lama makin teruk. Salah satu cara bagi mengatasi masalah ini pada pandangan saya adalah untuk menambah baik sistem pendidikan negara. Jadi saya menyambut baik penubuhan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara pada Jun tahun lepas dan teruja untuk mendengar syor yang bakal dikemukakan mereka pada akhir bulan ini iaitu pada 30 April.

Namun, syor-syor yang dikemukakan patut dihebahkan kepada masyarakat awam kerana saya percaya, masa depan sistem pendidikan negara adalah amat dekat di hati semua pihak terutamanya ibu bapa. Janganlah kerajaan membuat keputusan secara unilateral tanpa memastikan penambahbaikan yang dikemukakan benar-benar akan mengangkat serta memperkuuhkan kualiti sistem pendidikan negara kita. Ingin saya ingatkan di sini bahawa zaman *government knows best*, dengan izin, sudah berakhir. Kerajaan Pakatan Harapan harus memastikan bahawa perencanaan sistem pendidikan negara mencapai sasaran yang diinginkan.

Selain daripada memantapkan sistem pendidikan negara yang lebih memberi fokus kepada generasi akan datang, saya juga ingin menarik perhatian terhadap hala tuju pendidikan teknikal atau vokasional atau TVET yang saya kira amat penting dalam era masa kini.

Untuk tahun 2019, kerajaan telah mengumumkan peruntukan RM206 juta disediakan untuk membangun dan menyediakan program latihan di politeknik dan kolej komuniti. Walaupun dana sudah tersedia, namun yang saya ingin bangkitkan di sini adalah, adakah pelaksanaannya menepati sasaran yang ditetapkan?

Saya menyambut baik usaha untuk meningkatkan minat terhadap TVET seperti insentif potongan cukai. Namun, adakah mesej yang diinginkan, sampai kepada sasaran kita? Ini yang harus diberi fokus oleh kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dalam menjadikan TVET sebagai antara pilihan yang baik untuk anak muda melanjutkan pengajian mereka. Jika tidak diseragamkan usaha ini, saya risau usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk memartabatkan TVET hanya sekadar melepaskan batuk di tangga.

## ■1720

Bercakap tentang pendidikan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana menghormati semangat pendidikan di negara kita terutamanya dengan menginstitusikan peruntukan kepada sekolah-sekolah vernakular dan sekolah agama.

Di sini, saya ingin juga mengambil peluang ini untuk bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apakah status peruntukan RM20 juta yang telah diumumkan untuk pemindahan dan pembinaan SJKC yang baharu. Adakah RM20 juta itu telah pun disalurkan? Sila senaraikan penerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin menarik perhatian Dewan Negara yang mulia ini terhadap laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia terhadap kehilangan aktivis masyarakat Amri Che Mat dan Pastor Raymond Koh yang memutuskan kehilangan tersebut sebagai kehilangan paksaan ataupun *enforced disappearance*, dengan izin. Amri Che Mat, seorang aktivis dari Perlis dilaporkan hilang pada penghujung tahun 2016, manakala Raymond Koh telah dilihat diculik oleh sekumpulan orang pada Februari 2017. Di kesempatan ini, izinkan saya merakamkan rasa kesal terhadap apa yang telah menimpa keluarga kedua-dua individu ini. Derita dan kesedihan yang ditanggung oleh isteri dan keluarga mereka pasti tidak mampu kita sukat dengan apa cara sekalipun.

Dengan laporan mereka, SUHAKAM mempertanggungjawabkan pihak polis dari Cawangan Khas ke atas kehilangan Amri dan Raymond. Saya harus memuji ketegasan dan keberanian mantan Pengerusi SUHAKAM Tan Sri Razali Ismail, untuk menyatakan kebenaran walaupun berpotensi menyinggung mereka yang berkuasa. Keluarga mangsa dan rakyat Malaysia berhak tahu perkara sebenar yang berlaku. Adalah tidak wajar bagi pihak kerajaan untuk berlengah dalam menegakkan kebenaran dalam kes kehilangan Amri Che Mat dan Pastor Raymond. Tindakan ganas penculikan sebagai tidak patut berlaku sama sekali dan jika benar dibenarkan pemerintah terdahulu, maka mereka yang terlibat patut dihadapkan ke muka pengadilan supaya di jadi teladan. Tiada siapa lebih besar daripada undang-undang biarpun pihak penguasa.

Adalah mustahil untuk membiarkan sahaja kehilangan paksa kedua-dua individu tersebut. Apatah lagi setelah kerajaan bertukar tangan sejak hampir setahun lalu. Kementerian dalam negeri tidak boleh terus berdiam diri dan bertindak segera atas hasil dapatan panel *inquiry* SUHAKAM yang dipengerusikan Dato' Mah Weng Kwai. Dakwaan yang sebegini serius tidak boleh dipandang ringan. Bukti dan keterangan yang dikemukakan dalam *inquiry* tersebut pada hemat saya adalah lebih daripada cukup untuk pihak kerajaan bertindak segera tanpa melengah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti masing-masing. PAWE adalah perkhidmatan pendampingan sosial dan pembangunan bagi warga berusia yang melibatkan kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Antara lain, PAWE bertujuan memberi ruang untuk warga emas merasa dihargai melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran mereka selain meningkatkan kualiti hidup warga emas terutamanya daripada kalangan keluarga berpendapatan rendah. Bermacam-macam aktiviti disediakan termasuklah program-program keagamaan, rekreasi, terapi dan ceramah kesihatan.

Namun, apa yang meresahkan saya Tuan Yang di-Pertua adalah bagaimana negeri saya Pulau Pinang hanya mempunyai tiga buah PAWE di kedudukan yang tidak strategik. Tiga pusat ini terletak di Kepala Batas, diberi nama PAWE Darul Hanan. Satu lagi PAWE Balik Pulau dan satu lagi, PAWE Sungai Dua yang terletak di Butterworth.

Pulau Pinang mempunyai lima daerah, Timur Laut dan Barat Daya di sebelah pulau. Manakala Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan di bahagian tanah besar. Adalah tidak wajar bagi warga emas di bahagian pulau untuk semuanya bertumpu di PAWE Balik Pulau daerah Barat Daya sedangkan kepadatan penduduk yang lebih tinggi pastinya berpusat di daerah Timur Laut yang menjadi pusat ekonomi Pulau Pinang.

Justeru itu, saya ingin menyeru pihak kerajaan terutamanya kementerian untuk mempertimbangkan penubuhan lebih banyak PAWE di negeri Pulau Mutiara ini bagi memberi akses kepada kemudahan kebajikan warga emas secara *inclusive* dan saksama terhadap semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar keturunan, ekonomi dan politik.

Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang sedang menyaksikan pembangunan industri yang begitu rancak. Bukan sahaja Pulau Pinang, malah seluruh negara sedang gigih mempersiapkan diri untuk mengatasi dengan Revolusi Industri 4.0 dan berusaha ke arah mewujudkan pekerjaan yang bernilai tinggi. Walaupun begitu, kita tidak boleh memandang remeh kebijakan dan kepentingan golongan pekerja dan pembantu warga migran yang turut mencari rezeki di tanah air tercinta ini.

Saya harus menarik perhatian Dewan terhadap kes tragis Adelina Jerima Sau, seorang pembantu rumah yang meninggal dunia setelah dipercayai didera majikannya. Saya pasti ramai antara kita yang kecewa dengan keputusan mahkamah yang membebaskan majikan mendiang Adelina. Pada Februari tahun lalu, Adelina diselamatkan daripada rumah majikannya di Medan Kota Permai 2, Bukit Mertajam setelah mendiang didera, dipaksa tidur luar rumah bersama anjing selama sebulan. Negara ini memerlukan undang-undang yang lebih baik untuk melindungi pekerja migran yang membela kebijakan mereka selain menghalang eksplorasi berterusan kerajaan atas golongan ini yang telah meninggalkan kampung halaman mereka demi masa depan yang lebih baik hanya untuk menjadi korban sikap kebinatangan sesetengah daripada kita.

Perundangan perlu jelas dan adil bagi memastikan kemasukan pekerja migran dilaksanakan secara telus mengikut lunas undang-undang bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri dan pada masa yang sama memastikan tiada eksplorasi terhadap warga migran ini. Setiap penindasan hak manusia yang berlaku di negara ini tidak kira ke atas mana-mana golongan bermaksud kegagalan pihak berkuasa mempertahankan isu kemanusiaan. Jika hari ini kita membenarkan pihak tertentu menindas warga migran, maka tiada jaminan bahawa satu hari nanti penindasan ini tidak akan terkena pada rakyat Malaysia sendiri.

Pembangunan mampan atau *sustainable development*, dengan izin, merujuk kepada bentuk pembangunan yang holistik di mana kepentingan ekonomi masyarakat dan juga alam sekitar diberi pertimbangan yang sama rata. Dalam erti kata lain, pembangunan mampan bukan setakat memelihara alam semula jadi, tetapi perlu melibatkan perubahan yang progresif dalam bidang ekonomi, kemajuan dalam masyarakat dan juga keseimbangan alam sekitar.

Pada masa sekarang, Pulau Pinang sedang dalam proses mendapatkan kelulusan bagi dua projek pembangunan mampan iaitu Projek Tebus Guna Tanah Selatan Pulau Pinang dan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang. Objektif kedua-dua projek ini adalah untuk pembangunan yang berkonsepkan bandar pintar, *smart city*, dengan izin, dan pembinaan infrastruktur pengangkutan awam dalam negeri supaya meningkatkan daya saing negeri dan meneruskan pembangunan industri yang berasas kepada Revolusi Perindustrian 4.0. Masa depan bandar-bandar moden akan berteraskan konsep pembangunan mampan.

Justeru, saya ingin menyeru jabatan-jabatan kerajaan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Pulau Pinang dalam usaha memajukan negeri tersebut melalui kedua-dua projek berkenaan. Menjelang setahun perubahan politik Malaysia, kita sebagai sebuah bangsa yang merdeka harus bersiap sedia untuk mendepani cabaran-cabaran perubahan sosial pada masa akan datang. Setelah negara ini memulihkan demokrasi dan ekonominya, saya berharap kerajaan dan rakyat Malaysia akan terus komited untuk memperbaiki negara dan masyarakat agar dapat menjadi contoh kepada dunia seluruhnya. Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya usul menjunjung kasih kerajaan Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

#### ■1730

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Ya, terima kasih banyak ya dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

#### 5.30 ptg.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia sempena Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.

Berhubung dengan perkara-perkara yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda, izinkan saya untuk membicarakan beberapa isu yang rapat terutama dengan komuniti luar bandar di Sarawak. Kos sara hidup, bagi masyarakat luar bandar kos sara hidup masih tinggi disebabkan oleh kos barang yang tinggi yang terdapat di kedai-kedai di kawasan luar bandar. Penjaja kedai tempatan sebelum ini telah meletakkan kesalahan dengan GST, hampir setiap kenaikan harga. Akan tetapi kini dengan penyingkiran GST harga barang tidak banyak menurun.

Pengetahuan umum bahawa apabila harga barang dan perkhidmatan naik, mereka akan kekal di sana, subsidi pengangkutan untuk mengangkut barang keperluan ke kawasan luar bandar seperti yang dimulakan oleh kerajaan dahulu tidak mempunyai kesan positif setakat ini. Inisiatif lain seperti elaun kos kehidupan dan gaji minima tidak memberi kesan kepada mereka kerana kebanyakan penduduk luar bandar bekerja sendiri, bekerja keras untuk menanam kelapa sawit, pekebun kecil getah, lada dan padi. Harga yang sangat rendah untuk kelapa sawit, getah dan lada mempunyai kesan besar dalam menjadikan kehidupan luar bandar lebih sukar sekarang berbanding dengan dua atau tiga tahun yang lalu.

Ini telah membawa kepada peningkatan dalam perhijrahan ke bandar dari luar bandar dan dalam keadaan yang lebih terdesak, ada juga yang mencari pekerjaan di luar negara seperti Cambodia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa kita sudah lebih daripada 5.30 petang dan saya bagi peluang pada Yang Berhormat sambung pada esok hari ya. Sambung pada esok ya.

**Dr. Nuing Jeluing:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih ya. Jadi Yang Berhormat sekalian, terima kasih banyak dan juga hari ini saya dengar banyak ucapan yang baik-baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 23 April 2019. Sekian, terima kasih.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang]*